

"KITA tidaklah boleh hanya setakat mengubat penyakit, tetapi hendaklah terus mencari di mana dan apa yang menjadi punca penyakit itu. Apabila punca telah pun dikenal pasti maka senanglah bagi kita untuk mencegahnya. Pencegah adalah langkah utama dari mengubat sesuatu penyakit." - Titah sempena Majlis Perasmian Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok-Atau-Sihat pada 11 Julai 2002.



"SIFAT Syurga yang dijanjikan kepada orang-orang yang bertakwa itu ialah air sungai-sungainya sentiasa mengalir di sekitar tamannya, makanannya kekal tidak putus-putus dan naungannya sentiasa teduh. Itulah kesudahan usaha orang-orang yang bertakwa sedang kesudahan usaha orang-orang kafir pula ialah Neraka." - Surah Ar-R'ad ayat 35.

## Brunei - Indonesia berusaha memajukan pembangunan nasional

JAKARTA, 7 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan kunjungan hormat kepada Presiden Republik Indonesia, Puan Yang Terutama Megawati Soekarnoputri.

Kunjungan hormat itu berlangsung di Ruang Jepara, Istana Merdeka sempena Lawatan Negara baginda ke sini selama tiga hari. Sebelum itu baginda telah berkenan menandatangani buku lawatan dan mengadakan sesi bergambar bersama Presiden Republik Indonesia.

Dalam kunjungan itu, kedua-dua pemimpin ne-

**Liputan  
Dayangku Hajah  
Saidah PHOA dan  
Abdullah Asgar  
dari Republik  
Indonesia**

gara telah membincangkan beberapa perkara dua hala untuk kepentingan bersama, isu-isu serantau, antarabangsa dan pergolakan perang di Iraq.

Dalam kenyataan bersama sempena Lawatan Negara itu, kedua-dua pemimpin sekali lagi menekankan bahawa kedua-dua buah negara telah mempunyai hubungan sejarah yang erat, di samping hubungan politik, ekonomi dan kebudayaan yang sela-

ma ini mengukuhkan hubungan dua hala.

Kedua-dua pemimpin juga mengulangi bahawa kedua-dua negara seharusnya mendalami dan meningkatkan hubungan yang ada seperti saling membantu dalam usaha memajukan pembangunan nasional selain menumpukan perhatian terhadap cabaran-cabaran serantau dan antarabangsa bagi kepentingan bersama.

Selain itu, kedua-dua pemimpin juga bersetuju perlunya menubuhkan Suruhanjaya Bersama Kerjasama Dua Hala bagi perancangan, memantau dan mengimplemen pelbagai bidang yang luas untuk kerjasama antara kedua-dua buah negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengadakan kunjungan hormat kepada Presiden Republik Indonesia, Puan Yang Terutama Megawati Soekarnoputri di Istana Merdeka. (Lagi berita dan gambar-gambar di muka 4).

## Bersepadu menangani SARS

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat prihatin terhadap usaha menangani wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) yang sangat berbahaya serta merebak dengan begitu cepat di beberapa buah negara termasuk negara jiran.

Usaha menanganinya melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan swasta terutama dengan tertubuhnya pelan-pelan tindakan melalui Jawatankuasa 'Task Force' Kebangsaan Mena-

**Oleh Sahari Akim**

ngani Wabak SARS yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Juga ditubuhkan ialah Jawatankuasa Kerja Kementerian Kesihatan, Jawatankuasa Kerja Teknikal Kementerian Kesihatan/Strategi Utama yang akan mengawasi secara lebih dekat mengenai perkembangan SARS, mengenal pasti kes awal yang dipercayai mempunyai simptom SARS, pengasingan kes untuk mencegah jangkitan, pelan kontingensi peng-

urusan klinikal SARS, pengawalan dan pencegahan selain memantau trend SARS di negara-negara di mana terdapatnya penyebaran penyakit secara tempatan.

Sebagai respon nasional kepada penyakit berjangkit itu maka sejak 19 Mac 2003, kerajaan juga telah menyenaraikan SARS sebagai penyakit berjangkit yang mesti dilaporkan seperti peruntukan di bawah Akta Kurantin dan Pencegahan Penyakit, Bab 47 Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.

Adalah menjadi kewajipan atau mandatori kepada semua doktor untuk melaporkan sebarang kes SARS yang disyaki kepada Jabatan Perkhidmatan Kesihatan bagi tindakan lanjut.

Sementara itu Kementerian Pendidikan, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dan agensi-agensi lain juga melaksanakan pelan-pelan tindakan pemantauan dan pencegahan selaras dengan apa yang dihasratkan oleh Jawatankuasa 'Task Force' Kebangsaan menangani

wabak tersebut.

Usaha awal ditumpukan kepada memberikan penerangan sejelak-jelasnya mengenai wabak SARS, cara jangkitan, cara pencegahan, tindakan yang perlu dibuat oleh orang yang dipercayai terkena jangkitan, langkah yang perlu diambil oleh kakitangan agensi berkaitan termasuk memberikan kesedaran dan kefahaman kepada orang ramai.

Penyampaian maklumat kepada orang ramai dibuat melalui media elektronik dan media-media cetak selain taklimat-taklimat, peringat dan pengumuman, pengedaran bahan-bahan cetak, siaran-siaran akhbar dan sebagainya.

Dalam hal ini orang ramai hendaklah sentiasa peka dan prihatin terhadap setiap perkembangan SARS dengan sentiasa meningkatkan kewaspadaan diri, keluarga dan masyarakat sekeliling serta mematuhi langkah-langkah pencegahan yang disarankan oleh pihak-pihak berwajib supaya terhindar dari jangkitan wabak tersebut.

## Lawatan Negara Kebawah DYMM ke Republik Indonesia

JAKARTA, 7 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di sini bagi lawatan negara selama tiga hari.

Lawatan baginda ini adalah atas undangan Presiden Republik Indonesia, Puan Yang Terutama Megawati Soekarnoputri. Pesawat khas yang membawa baginda tiba dengan selamatnya di Lapangan Terbang Tentera Halim Perdanakusuma kira-kira jam 3.53 petang waktu setempat.

Sebaik saja pintu pesawat dibuka, baginda dijunjung oleh Ketua Pro-

**Liputan  
Dayangku Hajah  
Saidah PHOA dan  
Abdullah Asgar  
dari  
Republik Indonesia**

tokol Negara Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Djoko Hardono dan Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin. Baginda kemudian dikalungkan bunga oleh adik Yuni R. dari Bulan Sabit Merah DKI-Jakarta sebagai menjunjung keberangkatan tiba baginda.

Lihat muka 4

## ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

**Kementerian Hal Ehwal Ugama mengemaskinikan daftar fakir miskin: Bagi Faedah Pengagihan Wang Zakat**

- Muka 2

**Lawatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Republik Indonesia**

- Muka 4

**Melirik Masa Silam**

**Keadaan Sastera Dahulu Pembangkit Semangat Kebangsaan**

**Apakah Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS)?**

- Muka 10

**Bersihkan hati, hindarkan sifat keji**

- Muka 3 ANEKA

**Eksekutif Muda**

- Muka 7 ANEKA

**Penerbangan ibadah umrah ditangguhkan sementara**

- Muka 15 ANEKA

**KONTAK PELITA BRUNEI**  
http://www.brunet.bn/news/pelita/  
pelita.1.htm e-mel: pelita@brunet.bn  
**TALIAN PENTING PELITA BRUNEI**  
02 383941 / 02 383804 / 02 382192  
Faks : 02 381004 / 02 380507

## TAHUKAH AWDA

BUNYI yang kuat seperti yang dikeluarkan oleh kapal terbang, kenderaan dan mesin-mesin industri boleh mewujudkan pencemaran bunyi yang boleh menyebabkan tekanan, penyakit pekak, darah tinggi, susah tidur dan penurunan konsentrasi. Kebanyakan manusia dapat mendengar pada kadar 20-20,000 hertz. Di samping hertz bunyi juga diukur mengikut kekuatan bunyi yang dikeluarkan yang diukur dalam decibels. Telinga manusia dapat mengesan kekuatan di antara 0-160 decibels. Percakapan yang biasa berada pada kadar 40 decibels. - Sumber: Perubatan Islam dan Bukti Sains Modern (2003:89).



9 APRIL 2003 BERSAMAAN 1424 7 صفر

## SARS - NEGARA DALAM KEADAAN BERJAGA-JAGA

**K**ERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kini menumpukan perhatian yang serius dan prihatin terhadap usaha menangani wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS). Sejak tersebabnya penyakit yang berbahaya itu di beberapa buah negara Mac lalu, kerajaan melalui Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah-langkah perlu dan bersesuaian. Keprihatinan kerajaan itu jelas bertujuan bagi memastikan negara ini terhindar daripada wabak SARS yang kini telah meragut banyak nyawa di seluruh dunia.

Usaha bersepadu telah diungkapkan bagi menanganinya yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan swasta terutama dengan tertubuhnya pelan-pelan tindakan melalui Jawatankuasa "Task Force" Kebangsaan Menangani Wabak SARS. Selain itu juga ditubuhkan Jawatankuasa Kerja Kementerian Kesihatan dan Jawatankuasa Kerja Teknikal Kementerian Kesihatan. Sebagai langkah berjaga-jaga, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan kini bekerjasama dalam menyediakan pelan tindakan bagi menghadapi sebarang kemungkinan SARS.

Sungguhpun setakat ini tidak ada kes klinikal SARS, Kementerian Kesihatan sentiasa meningkatkan kewaspadaan di negara ini dan telah melaksanakan langkah-langkah surveilans bagi mengesan penyakit itu dan bersiap siaga bagi pengurusan klinikal SARS termasuk pengasingan dan tindakan pengawalan serta tatacara pencegahan. Sehubungan itu, kementerian berkenaan merakamkan terima kasih atas kerjasama orang ramai dan agensi-agensi yang relevan bagi mencegah wabak SARS dari merebak ke negara ini.

Wabak SARS mudah berjangkit dan boleh membawa maut. Sehingga kini tidak ada vaksin mencegah jangkitan penyakit berkenaan. SARS dipercayai terjadi dari kuman virus pramyxovirus dan coronavirus. Antara simptom SARS ialah suhu badan yang tinggi secara tiba-tiba, sesak nafas atau kesukaran bernafas dan batuk. Sebagai respon nasional kepada penyakit berjangkit itu, maka sejak 19 Mac lalu, kerajaan telah menyenaraikan SARS sebagai penyakit berjangkit yang mesti dilaporkan seperti peruntukan di bawah Akta Kurantin dan Pencegahan Penyakit, Bab 47 Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. Sehubungan itu adalah menjadi kewajipan dan mandatori kepada semua doktor dan pengamal-pengamal perubatan untuk melaporkan sebarang kes SARS yang disyaki ke Jabatan Perkhidmatan Kesihatan bagi tindakan lanjut.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh berhubung terus ke Kementerian Kesihatan melalui talian 2382755 (juga faks), 2382041, 2382044 dan 2381640. Bagi Kementerian Pendidikan pula boleh dihubungi melalui talian 2380620 dan 2381244 (waktu bekerja) dan 8864945 (di luar waktu bekerja).

Menurut laporan dan perangkaan terakhir Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 5 April 2003 sejumlah 2,416 kes SARS diterima di seluruh dunia dengan 89 kematian. WHO juga melaporkan bahawa 15 buah negara kini dijangkiti SARS termasuk negara jiran.

Yang utama dan sebagai langkah berjaga-jaga, orang ramai dinasihatkan supaya tidak mengunjungi negara-negara yang dijangkiti SARS. Kerajaan melalui Jawatankuasa "Task Force" Kebangsaan Menangani Wabak SARS akan sentiasa memantau secara terperinci perkembangan penyakit berkenaan. Dengan langkah proaktif dan perhatian yang berterusan, kita yakin, task force tersebut akan dapat mendepani dan menangani sebarang apa jua kemungkinan, dan kita juga berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wataala agar negara kita terhindar dari sebarang wabak SARS.

## HALUAN...

### Kementerian Hal Ehwal Ugama mengemaskinikan daftar fakir miskin

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

**S**EGALA puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Kementerian Hal Ehwal Ugama berhasrat akan mengemaskinikan daftar fakir miskin yang dipakai sekarang ini oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) khasnya bagi faedah-faedah pengagihan wang zakat.

Dalam daftar tersebut, terdapat seramai 3,961 orang fakir miskin, iaitu 3,089 ketua keluarga dan 872 tanggungan. Mereka itu semuanya menerima agihan wang zakat yang dibahagikan sebelum Hari Raya dan juga akhir tahun Masihi.

Tujuan pengagihan sebelum Hari Raya itu ialah bagi menepati kehendak syarak supaya fakir miskin tersebut dapat bersama-sama bergembira menyambut kedatangan Hari Raya. Agihan yang kedua iaitu pada akhir tahun Masihi adalah bertujuan untuk membantu fakir miskin itu bagi menyediakan keperluan-keperluan persekolahan anak-anak dan tanggungan mereka yang bersekolah.

Dari jumlah 3,961 fakir miskin itu, terdapat seramai 927 orang iaitu 274 ketua keluarga dan 653 tanggungan yang menerima bantuan bulanan; sama ada berupa bantuan wang tunai, mahupun bantuan keperluan asas iaitu barang-barang makanan dan minuman sehari-hari.

Keperluan bagi mengemaskinikan daftar fakir miskin tersebut antaranya disebabkan oleh:

Akhir-akhir ini terdapat dalam surat-surat khabar tempatan mengenai dengan berita orang-orang yang hidup dalam kesusahan dalam berbagai-bagai aspek, sama ada kesusahan dari segi perbelanjaan bagi menyara kehidupan keluarga, persekolahan anak-anak mahupun tempat tinggal, yang mana mereka itu memerlukan bantuan.

Di samping itu terdapat juga orang-orang yang menulis surat ke Kementerian Hal Ehwal Ugama dan MUIB. Mereka memohon bantuan kewangan dan sebagainya kerana

desakan kehidupan dan kesusahan yang mereka hadapi.

Perjumpaan kita hari ini, dihadiri oleh amil-amil kerana Kementerian Hal Ehwal Ugama berhasrat akan menerangkan rancangan bagi mengemaskinikan daftar fakir miskin tersebut dan menerangkan cara-cara perlaksanaannya.

Sebagai langkah awal Kementerian Hal Ehwal Ugama telah meminta nasihat daripada pihak Universiti Brunei Darussalam dari segi kepakaran mereka, terutama dalam menyediakan borang-borang yang bersesuaian bagi kegunaan tersebut.

Alhamdulillah pihak Universiti Brunei Darussalam telah bekerjasama dan bermurah hati memberikan nasihatnya sehingga borang-borang yang dikehendaki itu dapat disediakan dengan baik. Borang-borang tersebut mengandungi perkara-perkara yang perlu diisi oleh ketua-ketua keluarga fakir miskin yang berkenaan. Borang-borang itu dibahagikan kepada tiga bahagian mengikut warna seperti berikut, walaupun isi dan kandungannya adalah sama.

Warna putih - bagi orang-orang yang namanya belum termasuk dalam daftar fakir miskin di Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Warna kalas - bagi fakir miskin yang namanya termasuk dalam daftar berkenaan, sama ada mereka itu menerima bantuan bulanan seperti kewangan, keperluan makanan asas, bayaran sewa rumah dan lain-lain. Mereka ini perlu biskita berikan borang yang berwarna kalas ini, bagi tujuan untuk memastikan adakah mereka itu masih lagi dalam keadaan

# BAGI FAEDAH PENGAGIHAN WANG ZAKAT



UCAPAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain di Majlis Perjumpaan Dengan Amil-amil Seluruh Negara Mengenai Projek Mengemaskinikan Senarai Fakir Miskin Majlis Ugama Islam Brunei pada 1 Safar 1424/3 April 2003 di Dewan Persidangan Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

susah yang perlu diberi bantuan bulanan secara berterusan atapun sebaliknya.

Warna kuning - bagi penerima-penerima bantuan menjelang Hari Raya dan akhir tahun sahaja, mereka itu bukan penerima bantuan bulanan. Mereka ini perlu diberi borang berwarna kuning bagi mengenal pasti adakah mereka ini benar-benar tergolong dalam kategori fakir miskin atau sebaliknya.

Dalam melaksanakan usaha bagi mengemaskinikan daftar fakir miskin yang sedia ada melalui pembahagian borang-borang kepada mereka yang dinyatakan tadi, biskita perlu mendapatkan kerja-

sama daripada pihak-pihak yang difikirkan boleh memberikan kerjasama kepada biskita. Pihak-pihak itu umpamanya:

Jawatankuasa Takmir Masjid, Jawatankuasa Perundingan Kampung dan Belia-belia Masjid.

Tenaga-tenaga mereka itu dapat membantu tugas-tugas biskita seperti menyalin, meneliti dan mengenal pasti orang-orang yang susah yang termasuk dalam kategori fakir miskin di kampung atau mukim biskita, dan saya percaya mereka itu juga boleh menyampaikan borang-borang tersebut kepada fakir miskin yang mereka kenal pasti, bahkan mungkin mereka sudi bagi membantu mengisikan borang-borang tersebut.

Borang-borang yang telah diisi sesudah biskita periksa dengan sempurnanya biskita serahkan kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab mengenai zakat di daerah masing-masing dan satu salinan biskita simpan. Pegawai tersebut akan meneliti semula borang-borang itu dan akan mengadakan penyiasatan lanjut dan membuat sokongan-sokongan untuk dibagikan kepada Jawatankuasa Meneliti di daerah-daerah dan hasilnya akan didedahkan kepada Unit Kutipan dan Agihan Zakat MUIB untuk dihadapkan kepada

Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat MUIB.

Dalam kesempatan ini, saya ingin menyentuh mengenai dengan pengagihan kumpulan wang zakat. Zakat itu diagihkan kepada asnaf-asnaf yang ditentukan, di antaranya kepada fakir miskin berdasarkan hajat dan keperluan mereka. Sebenarnya manusia berhajat dan memerlukan enam perkara yang asas iaitu:

Perlindungan atau tempat tinggal (rumah):

Perkara ini merangkumi perbelanjaan bagi menyediakan tempat tinggal untuk seisi keluarga termasuk bayaran sewa rumah, bil elektrik, bil air dan yang bersangkutan dengan keperluan asas sesebuah keluarga bagi sebuah rumah atau tempat tinggal.

Makanan dan minuman:

Iaitu bahan makanan dan minuman asas yang dimakan dan diminum oleh ahli rumah iaitu keperluan asas mereka mengikut pemakanan yang sihat lagi seimbang.

Pakaian:

Pakaian biasa yang lazim digunakan seperti pakaian harian, pakaian sekolah dan pakaian-pakaian lain mengikut keperluan dan kesesuaian.

Perubatan dan kesihatan:

Termasuk bayaran pemeriksaan, rawatan kesihatan, ubat-ubatan dan sebagainya.

Pendidikan dan pelajaran:

Keperluan pendidikan dan pelajaran asas termasuklah perbelanjaan buku-buku, alat tulis, yuran, bayaran peperiksaan dan sebagainya.

Pengangkutan atau perhubungan:

Perbelanjaan yang berkaitan dengan keperluan pengangkutan atau perhubungan seperti sewa kereta, tambang atau sewa seperti teksi, bas, perahu dan sebagainya.

Keenam-enam hajat dan keperluan yang dinyatakan tadi menjadi bahan perbincangan dan penilaian Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat untuk menimbang dan memutuskan sesuatu permohonan bantuan.

*DALAM pada itu, tidak dapat dinafikan bahawa ada juga bantuan yang diberikan tetapi kurang mendatangkan kesan yang baik kepada penerimanya kerana bantuan itu tidak digunakan atau tidak dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Misalnya MUIB pernah memberi bantuan mesin jahit kepada seorang supaya penerima dapat menggunakannya bagi mengambil upah menjahit pakaian dan sebagainya, tetapi penerima tidak menggunakannya dengan sebaik-baiknya, sebaliknya mesin tersebut dijualnya untuk kepentingannya yang lain. Perkara ini sangat-sangat mendukacitakan.*



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan mempengerusikan Mesyuarat Ketiga Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

# J'kuasa Kebangsaan Hari Keputeraan meneliti format dan persiapan

Oleh  
**Siti Aishah HS**  
ke-57.

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 April. - Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini mengadakan mesyuarat ketiga bagi meneliti cadangan-cadangan, format persembahan dan atur cara persiapan sambutan perayaan sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda

Mesyuarat berkenaan dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan yang berlangsung di Dewan Persantapan Lapau di sini.

Antara lain, mesyuarat tersebut meneliti dan mengesahkan Minit Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Kebangsaan yang telah diada-

kan pada 6 Mac lalu dan meneliti laporan mutakhir persediaan-persediaan format persembahan yang diadakan di daerah-daerah di seluruh negara nanti.

Berangkat dan hadir di majlis tersebut, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Setiausaha-setiausaha Tetap, Pegawai-pegawai Daerah dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

## Kem. Pendidikan dan Kem. Kesihatan sedia Pelan Tindakan wabak SARS

BERAKAS, 5 April. - Pegawai Tugas-Tugas Khas Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Abdul Latif menyatakan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan telah bekerjasama menyediakan Pelan Tindakan bagi melindungi kanak-kanak dan para pelajar dari Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS).

Pelan Tindakan itu katanya, merupakan salah satu langkah dalam memberikan maklumat atau penjelasan yang mengambil kira kebimbangan dan kekhawatiran ibu bapa mengenai wabak SARS.

"Pelan Tindakan ini dibuat melalui tiga senario dengan memberikan maklumat dan penerangan kepada pengetua dan guru besar supaya dengan maklumat dan pengetahuan itu akan dapat disalurkan kepada ibu bapa dan penjaga para pelajar," jelasnya ketika ditemui di Kementerian Pendidikan.

Dengan maklumat dan penerangan itu tambahnya, orang ramai akan dapat memahami kedudukan sebenar tanpa hanya mendengar khabar-khabar angin dari sumber yang kurang jelas.

Namun begitu katanya, jika terdapat kes kejadian berlaku, sekolah tidak akan ditutup tetapi usaha berjaga-

Oleh  
**Haji Ahat HI**

jaga diteruskan sebagaimana yang dinasihatkan oleh Kementerian Kesihatan.

"Kejadian kes ini tidak terjadi di Brunei tetapi terjadi di negara jiran dan beberapa negara yang sudah disebutkan. Dalam pada itu kalau ada kes kejadian berlaku di Brunei sekolah tidak ditutup, tetapi usaha berjaga-jaga diteruskan yang dinasihatkan oleh Kementerian Kesihatan," jelasnya.

"Apa yang penting ialah Pelan Tindakan ini adalah untuk memberi maklumat terus kepada pengetua dan guru besar di mana maklumat ini terus dibagi kepada ibu bapa yang 'concern' masalah ini," ujarnya.

Mengulas mengenai penggunaan penutup mulut beliau menyatakan langkah berjaga-jaga terpujanglah kepada individu jika mereka merasakan perlu berbuat demikian.

"Dalam fikiran saya, oleh kerana perkara ini belum terjadi di Brunei tidaklah perlu dan yang paling arif memberikan maklumat ialah Kementerian Kesihatan tetapi jika mereka mahu berbuat begitu terpujanglah," jelas-

nya. Menurut beberapa sumber, setakat ini golongan yang dijangkiti SARS adalah mereka yang pergi ke tempat-tempat kejadian seperti Hong Kong, China dan Hanoi dan mereka yang berhubung rapat seperti ahli keluarga dan kawan-kawan di tempat bekerja.

Di samping itu mereka yang berdamping rapat dengan pesakit seperti pekerja-pekerja kesihatan dan mereka yang mengunjungi tempat kejadian adalah dikhuatiri dijangkiti wabak SARS.



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Abdul Latif menjelaskan tindakan bagi melindungi kanak-kanak dan pelajar mengenai SARS telah disediakan. - Gambar oleh Masri Osman.

### Dari muka 2

Atas asas-asas tersebut, Kumpulan Wang Zakat antaranya telah diagihkan kepada fakir miskin seperti berikut:

Mengenai perlindungan dan tempat tinggal, pada tahun 2002 yang lalu wang zakat telah dikeluarkan kepada:

- a. Seramai 69 keluarga telah diberi bantuan bayaran sewa rumah, yang kesemuanya berjumlah \$270,490.00.
- b. Satu keluarga diberi bantuan membina rumah iaitu berjumlah \$20,000.00.
- c. Satu keluarga diberi bantuan membeli rumah iaitu sejumlah \$11,000.00.
- d. Satu keluarga diberi bantuan menyiapkan rumah iaitu berjumlah \$12,000.00.
- e. Satu keluarga diberi bantuan memperbaiki rumah termasuk pendawaian elektrik berjumlah \$17,535.00.
- f. Enam keluarga diberi bantuan bayaran bil air yang tertunggak berjumlah \$7,993.82.
- g. Tujuh keluarga diberi bantuan bayaran bil elektrik yang tertunggak berjumlah \$15,140.20.

Kesemua bantuan tersebut adalah berjumlah \$354,159.02.

Bantuan makanan dan minuman, pada tahun 2002 seramai 77 keluarga fakir miskin telah diberikan bantuan makanan dan minuman mereka itu sentiasa mendapat makanan dan minuman bagi kehidupan mereka sehari-hari. Kesemuanya berjumlah sebanyak \$57,960.00.

Bantuan-bantuan yang lain termasuklah:

- a. Kepada mangsa-mangsa kebakaran dan bencana alam, pada tahun 2002 Masihi, seramai 1,011 orang yang menerimanya, di mana mereka ini diberikan bantuan kewangan serta-merta dan keperluan persekolahan bagi anak-anak mereka termasuklah pakaian, buku-buku, alat tulis, kasut, beg dan sebagainya. Kesemuanya berjumlah sebanyak \$141,702.46 (\$105,300.00 berupa bantuan wang tunai dan \$36,402.46 bagi bantuan peralatan dan keperluan sekolah).
- b. Fakir miskin yang menerima zakat sebelum Hari Raya dan akhir tahun 2002 Masihi berjumlah 3,951 orang dengan jumlah zakat yang diagihkan kepada me-

reka adalah berjumlah \$3,264,850.00 (tiga juta dua ratus enam puluh empat ribu lapan ratus lima puluh ringgit).

Di samping itu dalam tahun 2002, bantuan juga di-hulurkan kepada fakir miskin yang ingin berusaha dalam berbagai-bagai bidang untuk meningkatkan tahap kehidupan mereka. Bantuan-bantuan yang antaranya adalah:

- a. Bantuan modal perniagaan secara kecil-kecilan berjumlah \$2,980.00.
- b. Bantuan keperluan menangkap ikan termasuklah perahu, enjin, trailer dan perkakas-perkakas menangkap ikan dan peralatan enjin dan perahu tambang berjumlah \$19,439.00.
- c. Peralatan pertanian termasuklah mesin membajak tanah, baja dan sebagainya berjumlah \$528.00.
- d. Peralatan mesin jahit berjumlah \$3,603.00.
- e. Peralatan pertukangan secara kecil-kecilan berjumlah \$2,091.00.
- f. Peralatan membuat makanan seperti gas, tambak, kualiti, minyak, tepung dan sebagainya berjumlah \$1,550.00.
- g. Peralatan mesin memotong rumput berjumlah \$900.00.

Jumlah bantuan yang dikeluarkan dalam perkara-perkara tersebut sepanjang tahun 2002 berjumlah \$31,091.00.

Alhamdulillah, bantuan-bantuan seumpama ini dapat mendorong fakir miskin dan keluarganya untuk berusaha bagi meningkatkan dan memperbaiki tahap kehidupan mereka kepada suatu tahap yang lebih baik dan merupakan usaha bagi melepaskan diri mereka daripada belenggu kesusahan dan kemiskinan. Sehingga ada sebahagian mereka mampu memperoleh pendapatan yang agak lumayan dan mereka itu tidak lagi mengharap apa-apa bantuan daripada MUIB. Permohonan bantuan seumpama ini sangatlah dialu-alukan kerana mereka benar-benar mempunyai keinginan dan kemahiran bagi menjalankan usaha yang mendatangkan hasil mengikut bidang masing-masing.

Dalam pada itu, tidak dapat dinafikan bahawa ada juga bantuan yang diberikan tetapi kurang mendatangkan kesan yang baik kepada penerimanya kerana bantuan itu tidak digunakan atau tidak dimanfaatkan dengan sebaik-

baiknya. Misalnya MUIB pernah memberi bantuan mesin jahit kepada seorang supaya penerima dapat menggunakannya bagi mengambil upah menjahit pakaian dan sebagainya, tetapi penerima tidak menggunakannya dengan sebaik-baiknya, sebaliknya mesin tersebut dijualnya untuk kepentingannya yang lain. Perkara ini sangat-sangat mendukacitakan.

Demikian juga pada suatu ketika dulu, MUIB telah memberikan bantuan perahu tambang kepada seorang pemohon bagi tujuan supaya ia dapat mencari pendapatan dengan menambang di Kampong Ayer. Ia tidak menggunakan apa yang telah diberikan itu, sebaliknya ia telah menjual enjin dan perahu tambang itu untuk keperluan dan kepentingannya yang lain.

Sebenarnya bantuan yang berupa kemudahan dan peralatan yang menjurus kepada mengalakkan orang-orang yang menerimanya berusaha dengan titik peluh mereka sendiri secara berdikari bagi memperoleh penghasilan dan pendapatan adalah lebih menepati dengan kehendak sebagai usaha bagi melepaskan diri dari kehidupan yang susah dan menderita.

Agihan-agihan yang saya nyatakan tadi adalah Kumpulan Wang Zakat yang dikeluarkan kepada Asnaf Fakir Miskin sahaja dalam tahun 2002 Masihi iaitu sebanyak \$4,542,598.55 yakni tidak termasuk agihan-agihan yang diberikan kepada asnaf-asnaf yang lain iaitu muallaf, amil, al-gharimin dan Ibnu Sabil.

Bagi mengakhiri ucapan ini, saya mohon kerjasama biskita semua supaya dapat mengungayahkan dengan sebaik-baiknya projek mengemaskinikan daftar fakir miskin melalui borang-borang yang didedarkan dan borang-borang itu hendaklah dikembalikan kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab mengenai zakat di daerah masing-masing pada penghujung bulan April ini. Mudah-mudahan usaha yang berkebijakan ini akan berjalan dengan lancar dan direndai oleh Allah Subhanahu Wataala dan kita semua sentiasa mendapat taufik dan hidayah Allah Subhanahu Wataala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Sekian Wallillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



# Lawatan Negara Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan ke Republik Indonesia

Dari muka 1

Hadir di lapangan terbang bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba baginda ialah Menteri Luar Republik Indonesia dan Menteri Pertahanan, Tuan Yang Terutama H. Matori Abdul Jalil; Menteri Sosial, Tuan Yang Terutama Bachtiar Chamsyah selaku Menteri Pengiring; Gabenor Jakarta, Tuan Sutiyoso serta pegawai-pegawai tertinggi pihak pemerintah Republik Indonesia dan pegawai-pegawai Kedutaan Besar Negara

Brunei Darussalam di Jakarta.

Dari sana, baginda menaiki kenderaan menuju ke Hotel Grand Hyatt, tempat baginda bersemayam sepanjang baginda mengadakan lawatan negara ke sini. Keberangkatan baginda di hotel berkenaan dijunjung oleh Pengurus Am hotel itu dan pegawai-pegawai Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di sini.

Lawatan negara ba-

Liputan Dayangku Hajah Saidah PHOA dan Abdullah Asgar Gambar-gambar oleh Haji Haranadi HB dan Mohd. Zul-izzi HD

ginda kali ini merupakan yang kedua ke Republik Indonesia. Lawatan pertama pada tahun 1984. Hubungan diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia dijalin pada 1 Januari 1984.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia mempunyai kerjasama dua hala yang

meliputi beberapa bidang termasuk ekonomi, perdagangan dan pelaburan, perhubungan, agama, pertahanan dan pendidikan.

Melalui lawatan tersebut akan mengukuhkan lagi hubungan baik yang sekian lama terjalin. Di antara atur cara di sepanjang lawatan negara baginda ialah upacara rasmi bagi mengalu-alukan keberangkatan baginda dengan mengadakan pertemuan empat mata bersama Presiden Republik Indonesia yang akan berlangsung di Istana Merdeka pada esok hari.

Dari Istana Merdeka, baginda dijangka akan berkenan berangkat ke Taman Makam Pahlawan Nasional Kalibata bagi acara meletakkan karangan bunga dan di sebelah malam pula baginda dijangka berkenan berangkat ke Majlis Santap Negara yang disembahkan oleh Presiden Republik Indonesia, Puan Yang Terutama Megawati Soekarnoputri dan Tuan Taufiq Kiemas. Majlis Santap Negara akan diadakan di Istana Negara.

Dalam lawatan baginda kali ini ke sini, baginda dijangka akan berkenan menerima Ijazah Kehormat Kedoktoran Dalam Bidang Kemanusiaan dan Kebudayaan dari Universiti Gadjah Mada, Yogyakarta. Baginda juga dijangka akan berangkat bagi mengadakan lawatan ke dua buah Markas Pasukan Khas Komando (Marinir dan Kopasus) Tentera Nasional Indonesia (TNI) yang terletak di Cilandak dan Cijantung.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersalaman bersama Menteri Luar dan Menteri Pertahanan Republik Indonesia, TYT H. Matori Abdul Djali.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia disembahkan kepada Menteri Sosial, TYT Bachtiar Chamsyah selaku Menteri Pengiring (atas).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia disembahkan kepada pegawai-pegawai tinggi pihak pemerintah Republik Indonesia (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama Tuan Yang Terutama H. Matori Abdul Djali berada di ruang khas sejurus keberangkatan tiba di Lapangan Terbang Halim Perdanakusuma, Jakarta.



BARISAN Tentera Nasional Indonesia (TNI) seramai 21 orang memberi penghormatan ke hadapan majlis baginda sejurus baginda berjalan lalu untuk menuju ke ruang khas Lapangan Terbang Halim Perdanakusuma.

# Hadiri Mesyuarat AEM-EU

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 April. - Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam telah bertolak pada hari ini ke Luang Prabang, Republik Demokratik Rakyat Lao bagi menghadiri Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (AEM Retreat) dan Mesyuarat Konsultasi AEM-EU yang akan diadakan pada 2 hingga 4 April 2003.

Mesyuarat ini, antara lain yang akan menumpukan perbincangan mengenai dengan keputusan-keputusan Ketua-ketua Kerajaan ASEAN semasa Sidang Kemuncak Rasmi ASEAN Kelapan yang telah diadakan di Phnom Penh, Kemboja pada akhir tahun lalu, terutama dalam usaha-usaha mengintegrasikan ekonomi ASEAN.

Antara isu-isu yang akan dibincangkan ialah status perbincangan 'High Level

Task Force' yang mana telah ditubuhkan untuk memberi input dan cadangan langkah-langkah ekonomi yang boleh diketengahkan dalam ASEAN; laporan kajian daya saing ASEAN (ASEAN Competitiveness Study) dan status kerjasama-kerjasama ekonomi luaran ASEAN yang telah ditubuhkan seperti ASEAN-China, ASEAN-USTR, ASEAN-EU, ASEAN-India dan juga ASEAN-Jepun.

Di Mesyuarat Konsultasi AEM-EU, para Menteri-menteri Ekonomi ASEAN dijangka akan mengadakan perbincangan bersama Pesuruhjaya Kesatuan Eropah (ASEAN-EU) mengenai dengan isu-isu perdagangan, pelaburan dan kerjasama ekonomi.

Di samping itu jua, Mesyuarat AEM Retreat juga dijangka akan membincangkan mengenai isu-isu yang berkaitan APEC dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) khususnya dalam persediaan bagi Persidangan Peringkat Menteri yang akan diadakan di Cancun, Mexico pada bulan September tahun ini.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bersama Setiausaha Tetap Kementerian itu dan pegawai-pegawainya semasa menghadiri Mesyuarat SARS Kementerian Kesihatan. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

# Persekitaran tidak sihat akibatkan 5 juta kanak-kanak meninggal dunia

Oleh Sahari Akim

BANDAR SERI BEGAWAN, 7 April. - Pertubuhan Kesihatan Sedunia menganggarkan lebih lima juta kanak-kanak berumur di bawah 14 tahun meninggal dunia setiap tahun akibat penyakit-penyakit yang berhubung kait dengan persekitaran terutama sekali di negara-negara membangun.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam perutusan sempena Hari Kesihatan Sedunia 2003 menyatakan isu-isu persekitaran termasuklah air minuman yang tidak selamat, persekitaran yang tidak bersih, pencemaran udara, makanan yang tercemar, tempat tinggal yang tidak selamat dan pembuangan sampah yang tidak terkawal.

Persekitaran yang kotor menjadi tempat pembiakan

kuman dan serangga atau binatang pembawa penyakit seperti tikus, nyamuk dan lalat, manakala penyakit yang dihadapi pula termasuklah cirit-birit, malaria, kolera, jangkitan paru-paru, kemalangan dan lain-lain.

Hari Kesihatan Sedunia tahun ini bertepatan 'Bentuk Kehidupan Masa Hadapan - Persekitaran Sihat Untuk Kanak-kanak' menumpukan terhadap pentingnya persekitaran yang sihat dan selamat bagi kesejahteraan hidup kanak-kanak, persekitaran rumah, sekolah, tempat-tempat permainan dan jalan raya boleh mengancam dan menjejaskan kesejahteraan kanak-kanak.

Risiko-risiko moden yang dihadapi termasuk penggunaan bahan kimia

yang berbahaya, pembuangan sisa-sisa toksik yang tidak selamat, pencemaran industri dan bunyi serta penggunaan kimia berbahaya dalam permainan dan peralatan rumah tangga.

Selain dari itu ancaman-ancaman kepada kesihatan yang dihadapi pada masa ini termasuklah perubahan cuaca sejagat, pengurangan lapisan ozon, pencemaran dari bahan organik dan kimia dan penyakit-penyakit yang baru muncul seperti SARS dan HIV/AIDS yang kita hadapi sekarang.

Kanak-kanak mempunyai risiko yang lebih tinggi disebabkan oleh perkembangan organ dan sistem mereka lebih sensitif terhadap kesan-kesan dari alam sekitar yang boleh mengakibatkan kanak-kanak jatuh sakit dan tidak dapat hadir ke sekolah serta menjejaskan perkembangan intelektual dan sosial mereka.

Perkara tersebut akan membebaskan kemajuan

dari segi sosial dan ekonomi kerana kanak-kanak yang menghidap penyakit kronik kurang keupayaan untuk belajar dan mereka tidak akan dapat menjadi penduduk yang sihat dan produktif walhal mereka merupakan aset negara dan sumber tenaga manusia bagi negara ini.

Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali menerima ancaman kesihatan dari persekitaran dan akan dapat diatasi dengan adanya kerjasama dari semua pihak dalam kerajaan dan bukan kerajaan di samping penglibatan masyarakat.

Usaha-usaha seperti itu amat penting bagi mengelakkan berlakunya kejadian-kejadian yang tidak diinginkan, sementara iktihar ke arah menjadikan persekitaran yang sihat dan selamat di negara ini akan terus dipertingkatkan untuk membentuk kehidupan generasi masa depan yang lebih baik.

## KEROSAKAN TELEFON

JABATAN Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa talian telefon jabatan itu pada masa ini mengalami kerosakan, talian sementara sedang diusahakan. Kesulitan yang timbul adalah amat dikesali.

## Tradisi bergotong-royong menyatupadukan masyarakat

SENGKURONG, 30 Mac. - Budaya tradisi bergotong-royong dan bekerjasama di antara penduduk kampung bukan hanya dapat mengimbas kembali nostalgia dan kenangan manis di masa silam mengenai pengalaman-pengalaman khususnya warisan ber-tanam padi dan kerja-kerja yang berkaitan dengannya yang berjaya menyatupadukan masyarakat setempat.

Justeru, untuk mengimbas kembali warisan tersebut, Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung dengan kerjasama penduduk Kampung Sengkurong 'A' telah mengadakan Majlis Makan Tahun Sekampung bagi Kampung Sengkurong 'A', Mukim Sengkurong bertempat di Rumah Ketua Kampung Sengkurong 'A', Awang Haji Serudin bin Haji Nasir.

Dalam ucapannya beliau menyatakan, majlis tersebut diadakan untuk mengembalikan semangat setia kawan dalam mengumpulkan para penduduk kampung bagi sama-sama melakukan kerja gotong-royong, di samping dapat menanamkan semangat cintakan negara dan tanah air sendiri.

Majlis antara lain bertujuan sebagai salah satu aktiviti Majlis Perundingan Kampung Sengkurong 'A' dalam usahanya menyahut seruan dan nasihat Pegawai Daerah Brunei dan Muara, supaya setiap ketua kampung bergerak aktif dalam membimbing anak buahnya menuju ke arah perpaduan, keamanan, kesejahteraan dan kemajuan di

Oleh Siti Aishah HS

bidang pendidikan dan kegiatan ekonomi.

Majlis diselenggarakan dengan aksi bergendang mukan yang dipersembahkan oleh penduduk kampung, mengamping dan mengentam padi yang diketuai oleh Setiausaha Majlis Mesyut-

arat Menteri-menteri Kabinet, Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimulihkan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Haji Awang Judin bin Haji Asar selaku tetamu kehormat di majlis tersebut.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Imam Masjid Sultan Sharif Ali, Imam Haji Kamaluddin bin Haji Abdul Rahim.

## Kutip derma melalui pelbagai acara

LUMUT, 30 Mac. - Lebih 100 penduduk yang tinggal sekitar Mukim Liang Lumut menyertai jogathon bertaja anjuran Majlis Perundingan Mukim Liang yang diadakan di Pantai Perkelahan Lumut.

Jogathon dibahagikan kepada tujuh kategori kanak-kanak perempuan dan lelaki berumur 12 tahun ke bawah berlari sejauh dua kilometer, remaja perempuan berumur antara 13 ke 20 tahun berlari tiga kilometer, manakala lelaki berlari empat kilometer, terbuka wanita berumur antara 21 ke 49 tahun berlari sejauh empat kilometer manakala lelaki berlari sejauh lima kilometer dan warga emas berumur 50 tahun ke atas berlari sejauh satu kilometer.

Sebelum larian dimulakan, tetamu kehormat, Pegawai Daerah Belait, Pegawai Daerah Belait Awang Adnan bin Haji Hanafiah bersama para peserta terlebih dahulu melakukan senam robik

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

beramai-ramai dengan pemimpin guru senam robik yang diundang khas dari Republik Indonesia.

Selain dari jogathon bertaja sempena Hari Kebangsaan Ke-19 acara sehari itu diselenggarakan dengan jualan amal dan persembahan kebudayaan bertaja mengutip derma bagi Tabung Mangsa Kebakaran Rumah Panjang Malayan, kesengsaraan rakyat Palestin dan derma Masjid Kampung Batong, Daerah Brunei dan Muara.

Pemenang jogathon bahagian kategori masing-masing telah menerima hadiah mereka begitu juga mereka yang mengutip derma terbanyak dan cabutan bertuah. Awangku Ahmad Zuliman Pengiran Baharuddin merupakan pemenang yang berjaya mengutip jumlah derma

terbanyak \$647.00, diikuti Yusri Md. Ali sejumlah \$538.00, Hajah Rosaidah Haji Abdul Rahman \$510.00 dan Pengiran Ayub Pengiran Yusof \$270.00 manakala seorang ahli jawatankuasa telah menerima tiket penerbangan percuma ke Kota Kinabalu kerana berjaya mengutip derma sebanyak \$1,451.00.

Acara yang dihasratkan bagi menanamkan sikap bertanggungjawab, bertimbang rasa, memupuk perasaan kejiiran, suka menolong insan di dalam kesusahan dan kesengsaraan itu diserikan dengan pelbagai persembahan kebudayaan dan sebanyak 16 petak gerai telah disediakan oleh pihak penganjur. Setiap petak gerai bernilai \$20.00. Bagi gerai yang menjual barangan terpakai 10 peratus hasil daripada jualan akan didermakan, manakala gerai jualan amal pula semua hasil jualan didermakan.



SERONOK ... Pegawai Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah bersama para peserta terlebih dahulu melakukan senam robik beramai-ramai (atas).

PENGARAH Urusan Brunei LNG Sdn. Bhd. Dato Paduka Awang Haji Hamdillah menyampaikan hadiah kepada pemenang jogathon bagi kategori kanak-kanak lelaki berumur 12 tahun ke bawah (kiri).

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

KEADAAN SASTERA DAHALU  
PEMBANGKIT SEMANGAT  
KEBANGSAAN

PERKATAAN berbangsa dan bernegara tidak mudah untuk dilahirkan sesuka hati atau disebut-sebut menurut lembut lidah menyebut. Sebab, ia seperti mempunyai risiko yang tersendiri. Boleh saja ianya memberi manfaat yang tertentu pada ketika itu, namun ia mungkin saja seperti menawarkan beban, baik pada fizikal mahupun mental. Kerana pada satu-satu tempoh yang tertentu di masa silam itu, cakap gawah-gawah dengan semangat berkobar-kobar, ramai benar yang bimbang dan takut kalau-kalau perbuatan itu memberi atau menyebabkan timbulnya akibat-akibat yang memudaratkan baik kepada yang bercakap mahupun yang berada di sekeliling yang bercakap itu tadi. Tidak jelas mengapa ramai benar orang yang takut terhadap cakap-cakap atau kesukaan yang demikian itu? Namun demikian, apa yang secara umumnya menjadi ketakutan orang terutama di kalangan orang-orang tua tidak lain tidak bukan ialah berkaitan dengan keselamatan anak-pinak dan keluarga mereka. Latar belakang hidup orang tua dan kebanyakan keluarga pada waktu itu tidaklah senang. Mereka berpengalaman dalam berbagai-bagai bentuk dan ciri kehidupan yang susah dalam erti kais pagi makan pagi kais petang makan petang, ditambah pula dengan beban yang dipikul terhadap tanggungjawab berkeluarga dan beranak-pinak yang ramai. Latar belakang beginilah, mungkin saja menjadi punca yang besar kenapa mereka tidak ambil peduli terhadap perkara-perkara lain melainkan memusatkan fikiran dan tenaga semata-mata untuk kebaikan hidup mereka biarpun sukar mendapatkan kesejahteraan yang menjadi impian semua orang. Jauh sekali untuk menambah-nambah kesesakan termasuklah perbuatan-perbuatan yang disifatkan oleh mereka kesenangan dikemudian hari. Itulah antara sikap orang lagi dahulu apa lagi di kalangan orang jaih-jaih yang lebih memikirkan kesejahteraan semata-mata biarpun mereka tahu bahawa untuk menikmati kesejahteraan itu akan terpaksa melalui susah payah, pengorbanan, mengharungi hutan belantara, meredah lautan, menyusur lautan, menyusur di bawah pancaran kilat pancut-memancut dengan gegaran kuat guruh tem-

parik dan curahan hujan lebat bagaikan gunung bersusun. Dan di lambung ombak yang ganas dan tinggi bagaikan gunung bersusun. Namun bila sampai kepada soal-soal mati hidup anak-pinak dan hubungan rapat lagi erat, dalam berkeluarga dan berketurunan, ada adat yang mengkekang mereka dari melangkahi atau dilangkahi oleh perlakuan-perlakuan yang tidak patut berlaku, pada pandangan mereka waktu itu. Maka apakah cakap gawah-gawah termasuk kepada adat yang diadatkan oleh mereka kepada anak-pinak mereka? Mungkin saja tidak, kerana waktu itu, mereka amat sensitif terhadap kaolahan atau perlakuan yang dianggap tidak baik dan tidak dapat diterima oleh mereka. Yang jelas, orang dahulu mementingkan sopan santun, halus manis budi peragai, lembut tutur dan laku, bersidang bersidayangku, berawang dan berawangku, si buah hati si caramin mata, bersialai dan bermalaiku serta malai suntingan dan banyak lagi gelar-gelaran pengganti nama yang melambangkan kasih dan sayang tersisih dari cacat cinangga yang menjadi teras kerukunan hidup orang dahulu itu.

Dengan yang demikian, cakap gawah-gawah (satu lagi) iaitu kurapak ambur-ambur, kalau memang tidak digemar, maka ketakutan dan kebimbangan mereka itu ialah berlandaskan adat atau kebi-

asaan orang Brunei agar tidak dilangkahi demi menjaga maruah diri. Di samping itu, kiranya takut kepada hal-hal yang lain, mungkin saja ada yang kait-mengait dengan keharmonian masyarakat waktu itu. Kalau ada tangkap-menangkap mungkin sahaja tidak ada kaitan dengan cakap gawah-gawah atau tidak berunding atau tumpang busub dan lain-lainnya. Kalau ianya dikaitkan dengan cakap malam dengar-dengarkan, cakap siang lihat-lihatkan, takut terdengar oleh tingkat gelagar, telinga dan mata di sana sini, maka hal yang demikian itu adalah lebih dipranakan kepada kawalan keselamatan awam yang tidak bererti pada sudut-sudut yang tertentu bahkan mencakup kepada kerukunan berjiran dan bermasyarakat.

Mungkin hal-hal seperti yang disebutkan di atas itu, kerana takut, kegiatan-kegiatan masyarakat tidak berapa kelihatan baik ia di bidang budaya, bahasa, sastera, perkhidmatan-perkhidmatan awam atau lain-lain gerakan seperti NGO atau pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan yang seumpamanya. Maksudnya, kalau dianggap bahawa orang dahulu itu tidak bersemangat dan tidak bercita-cita dalam perkara-perkara yang dikaitkan dengan berbangsa dan bernegara, maka agak sukar untuk menyatakannya lebih-lebih lagi kalau bertolak pada sudut sejarah

bangsa dan negara. Setiap sesuatu itu ada sebabnya. Semangat itu sendiri perlu kepada penjanjannya dan perlu ada tangga yang tersusun baik biar langkah demi langkah dilangkahkan secara yang lebih sempurna, aman, menggalakkan, menyukakan, menggisikan, menyenangkan, maka baharulah semangat itu berputik, berkembang dan terus mekar mengharumi berbangsa dan bernegara ini. Di antara banyak-banyak kegiatan masyarakat di masa silam, satu perkara yang ingin kita nikil sebagai contoh ialah semangat belia-belia Brunei di era 1950-an - 1960-an hingga ke awal 1970-an. Ketika itu, suasana negara dan lingkungan seperti mengundang hularan tangan-tangan anggota masyarakatnya yang sadar akan tanggungjawab masing-masing untuk melepaskan diri dari belenggu budaya yang lemah dan tidak bersemangat itu. Secara ringkasnya, kaum belia yang dipelopori oleh kaum guru telah mengambil punggur ke hadapan untuk menggalakkan kanak-kanak Brunei mencintai ilmu dan pelajaran. Bidang ini dilau-laungkan sebagai merupakan kunci utama untuk maju dan menjana semangat bangsa untuk membangun negara yang lebih bermakna iaitu negara dan bangsa itu sendiri. Hanya dengan ini keasliannya akan dapat dinikmati bersama. Tetapi kalau negara dan bangsa ini dibangung oleh orang lain ia tidak akan dapat duplikasi yang akhirnya wajah kita akan lebih mirip kepada wajah orang lain itu sendiri. Maka pertembungan budaya akan tidak dapat dielakkan. Dengan demikian ilmu pelajaran ditekankan sebagai bandul yang berperanan untuk mengingatkan kita apabila hendak memulakan sebarang langkah. Perkara utama yang dijana pada waktu itu ialah cara berfikir dan melatih serta menggalakkan generasi muda membacuh pemikiran membangun. Lalu bidang bahasa dan sastera dimafaatkan dengan baik. Penuntut-penuntut Brunei di seberang laut sama ada dari United Kingdom, Tanah Melayu, Singapura dan Mesir berganding bahu dengan belia tanah air dan guru-guru, menggunakan budaya dan sastera sebagai pentas penggerak semangat dan kesedaran berbangsa dan bernegara ini. Itulah orang dahulu.

Kenaikan pangkat, penetapan dan pertukaran  
36 orang pegawai kanan kerajaan

**BANDAR SERI BEGAWAN, 31 Mac.** - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan kenaikan pangkat, penetapan dan pertukaran jawatan kepada 36 orang pegawai kerajaan. Mereka ialah Dato Paduka Awang Mohd. Yusof bin Haji Mahmud, Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dilantik sebagai Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam di Jabatan Perkhidmatan Awam mulai 6 Februari 2003; Dato Paduka Awang Haji Wahid bin Haji Salleh, Pengarah Percetakan di Jabatan Percetakan Kerajaan dilantik menjadi Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mulai 1 Mac 2003; Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Haji Abd. Rahman, Penolong Kanan Pengarah Perkhidmatan Kewangan di Jabatan Perbendaharaan dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Pengarah Perkhidmatan Kewangan di Jabatan Perbendaharaan mulai 1 November 2002 dan Awang Haji Suhaimi bin Haji Abdul Ghafar, Pengarah Jalan Raya di Jabatan Kerja Raya ditukar

sebagai Pengarah Perkhidmatan Air di Jabatan Kerja Raya mulai 11 Februari 2003. Awang Haji Mat Salleh bin Haji Metussin, Pengarah Perkhidmatan Air di Jabatan Kerja Raya ditukar sebagai Pengarah Jalan Raya di Jabatan Kerja Raya mulai 11 Februari 2003; Awang Bahrin bin Md. Noor, Pemangku Timbalan Pengarah Keselamatan Dalam Negeri di Jabatan Keselamatan Dalam Negeri ditetapkan dalam jawatannya sebagai Timbalan Pengarah Keselamatan Dalam Negeri di Jabatan Keselamatan Dalam Negeri mula 15 Oktober 2002; Awang Abd. Mutalib bin Haji Md. Idris, Pemangku Penolong Pengarah Bahagian Sumber Tenaga Manusia di Kementerian Kesihatan ditetapkan dalam jawatannya yang dipangkunya tersebut mulai 1 Mac 2002; Awang Haji Amer Hamzah bin Pehin Omar Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria, Pegawai Pentadbir Kanan di Jabatan Perdana Menteri ditukar ke Jabatan Penerangan dan seterusnya dilantik sebagai Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan mulai 10 Februari 2003; Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Mohd. Tanjong, Penolong Pegawai

Daerah Brunei dan Muara di Pejabat Daerah Brunei dan Muara ditukar ke Jabatan Kerja Raya sebagai Pegawai Pentadbir Kanan mulai 10 Februari 2003 dan Pengiran Abd. Haris bin Pengiran Haji Shabudin, Penolong Pegawai Daerah Tutong di Pejabat Daerah Tutong ditukar sebagai Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara mulai 10 Februari 2003. Awang Ramlee bin Haji Jamuddin, Penolong Pegawai Daerah Temburong di Pejabat Daerah Temburong ditukar ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sebagai Pegawai Pentadbir Tingkat Khas mulai 10 Februari 2003. Awang Wardi bin Haji Mohd. Ali, Pegawai Pentadbir Tingkat Khas di Jabatan Perkhidmatan Elektrik ditukar ke Pejabat Daerah Tutong sebagai Penolong Pegawai Daerah Tutong mulai 10 Februari 2003; Awang Shahminan bin Haji Tengah, Pegawai Pentadbir Tingkat I di Jabatan Kehakiman Negara ditukar ke Pejabat Daerah Temburong sebagai Penolong Pegawai Daerah Temburong mulai 10 Februari 2003; Awang Md. Amir Hairil bin Haji Mahmud, Pegawai Pentadbir Tingkat I di Kement-

terian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama ditukar ke Jabatan Kehakiman Negara dalam jawatan yang sama mulai 10 Februari 2003 dan Awang Haji Afero Eswandy bin Haji Mohamad, Pegawai Pentadbir Pelatih di Pejabat Daerah Brunei dan Muara ditukar ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam jawatan yang sama mulai 10 Februari 2003. Awang Suhara Fadzali bin Haji Yusop, Pegawai Pentadbir Pelatih di Pejabat Daerah Tutong ditukar ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam jawatan yang sama mulai 10 Februari 2003; Awang Haji Kamis bin Haji Tamin, Pemangku Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi ditetapkan dalam jawatannya sebagai Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi mulai 1 Mac 2002; Awang Haji Razali bin Mohd. Yusoff, Pemangku Timbalan Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi di Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi ditetapkan dalam jawatannya sebagai Timbalan Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi mulai 1 April 2002; Awang Haji Awang bin Haji Mat Daud, Pemangku Pengarah Pelaksanaan dan Pengawasan di Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi ditetapkan dalam jawatannya sebagai Pengarah Pelaksanaan dan Pengawasan mulai 1 April 2002; Awang Haji Ismail bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Hashim, Pemangku Pengarah Perancangan di Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi ditetapkan dalam jawatannya sebagai Pengarah Perancangan mulai 1 April 2002.



DATO Paduka Mohd. Yusof bin Haji Mahmud dilantik sebagai Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.



DATO Paduka Haji Wahid bin Haji Salleh dilantik sebagai Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Perancangan dan Kemajuan Ekonomi ditetapkan dalam jawatan sebagai Pengarah Dasar dan Penyelarasan mulai 1 April 2002; Dr. Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abd. Hamid, Pemangku Pengarah Perangkaan di Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi ditetapkan dalam jawatannya sebagai Pengarah Perangkaan mulai 1 April 2002; Awang Haji Othman bin Haji Abd. Ghafar, Pegawai Pentadbir Kanan (selaku Ketua Bahagian Pentadbiran dan Perkhidmatan) di Kementerian Perhubungan ditukar gelaran jawatannya menjadi Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan di Kementerian Perhubungan mulai 10 Ogos 2002; Awang Haji Matassan bin Md. Daud, Pegawai Kanan Tugas-Tugas Khas (selaku Ketua Bahagian Pengangkutan) di Kementerian Perhubungan ditukar gelaran jawatannya menjadi Pengarah Pengangkutan di Kementerian Perhubungan mulai 10 Ogos 2002; Awang Jai bin Haji Abdullah, Pemangku Pengarah Pentadbiran di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri ditugaskan dalam jawatannya sebagai Pengarah Pentadbiran di Kementerian

Hal Ehwal Luar Negeri mulai 1 Disember 2002 dan Sheikh Haji Adnan bin Sheikh Mohamad, Pengarah Sekolah-Sekolah di Kementerian Pendidikan dilantik sebagai Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan di Kementerian Pendidikan mulai 4 September 2002. Pengiran Hajah Hairani binti PML Pengiran Muda Abdul Kahar, Pengarah Perkembangan Kurikulum di Kementerian Pendidikan ditukar ke Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan sebagai Pemangku Pengarah Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan di Kementerian Pendidikan mulai 9 September 2002; Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, Penolong Pengarah di Kementerian Pendidikan ditugaskan untuk bertukar ke Jabatan Pendidikan Teknik, Kementerian Pendidikan dan seterusnya dilantik sebagai Pemangku Pengarah Pendidikan Teknik mulai 9 September 2002; Dayang Hajah Norjuma binti Haji Mohd. Yusoff, Timbalan Ketua Unit Pendidikan Khas di Kementerian Pendidikan ditugaskan ke Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan dan dilantik sebagai Pemangku Pengarah Perkem-

bangsan Kurikulum mulai 9 September 2002 dan Dayang Apah binti Haji Abdul Majid, Pegawai Tugas-Tugas Khas di Kementerian Pendidikan dilantik sebagai Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah di Kementerian Pendidikan mulai 1 Oktober 2003. Awang Haji Damit bin Haji Ibrahim, Penolong Pengarah di Kementerian Pendidikan dilantik sebagai Pemangku Pengarah Kokurikulum di Kementerian Pendidikan mulai 25 November 2002; Awang Haji Mohd. Sarudin bin Haji Timbang, Pegawai Ugama Kanan di Jabatan Kehakiman Negara dilantik sebagai Pemangku Timbalan Pengarah Kehakiman Negara di Jabatan Kehakiman Negara mulai 1 Mac 2003; Awang Haji Abdul Hakim bin Haji Mohd. Yassin, Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka ditetapkan dalam jawatannya yang dipangkunya mulai 1 Mac 2003; Awang Haji Abdul Ghani bin Haji Omar, Setiausaha Kerja Majlis Pendidikan Teknik dan Vokasional (yang juga diperbantukan sebagai Pengarah SEAMEO-VOCTECH) di Kementerian Pendidikan dinaikkan pangkat dan ditetapkan dalam jawatannya sebagai Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi di Kementerian Pendidikan mulai 1 Oktober 2002; Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Md. Husain, Pegawai Pentadbir Kanan di Kementerian Pendidikan ditukar ke Jabatan Perkhidmatan Awam dalam jawatan yang sama mulai 1 April 2003 dan Awang Japar bin Bangkol, Pegawai Tugas-Tugas Khas di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ditukar ke Jabatan Belia dan Sukan dan seterusnya dilantik sebagai Pengarah Belia dan Sukan mulai 1 April 2003.



AWANG Haji Abdul Hakim ditetapkan jawatan sebagai Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka.



AWANG Haji Abdul Ghani ditetapkan jawatan sebagai Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kementerian Pendidikan.



AWANG Japar bin Bangkol dilantik sebagai Pengarah Belia dan Sukan.

Awang Haji Insanul Bakti bin Haji Abdul Aziz, Pemangku Pengarah Dasar dan Penyelarasan di Jabatan

# Anak tempatan ceburi kerjaya perhotelan

Oleh  
Haji Ahat HI

JERUDONG, - Bidang perhotelan kini sudah mendapat tempat sebagai kerjaya yang turut mendapat perhatian apabila empat orang anak tempatan telah dipilih berkhidmat di hotel-hotel kepunyaan Agensi Pelaburan Brunei (BIA) di luar negeri.

Mereka dipilih dari 167 orang pemohon dan masing-masing akan berkhidmat di Dorchester Hotel di London dan di Grand Hyatt serta Royal Plaza di Republik Singapura.

Timbalan Menteri Kewangan yang juga Ahli Lembaga Pengarah BIA, Yang Mulia Dato Paduka Haji Yakub bin Abu Bakar ketika menghadiri Majlis Ramah Mesra Program Peluang Pekerjaan Anak-anak Tempatan dengan hotel-hotel di bawah Dorchester Group dan hotel-hotel di Asia Pasifik menyatakan, galakan dan peluang kepada anak tempatan menceburi kerjaya perhotelan adalah terbuka dalam mengurangkan pengangguran dalam negara.

Pemilihan empat orang tempatan untuk bertugas di hotel-hotel kepunyaan BIA, adalah hasil temu duga yang



kompetitif yang dibuat oleh perwakilan Dorchester Group Hotel yang didatangkan daripada luar negeri, kata Dato Paduka.

"Dari itu diharap dan dinasihatkan kepada pioneer yang diambil untuk berkhidmat di luar negeri mengambil peluang keemasan dan mempelajari perkara-perkara yang baru dan sentiasa bersabar dalam menempuh cabaran-cabaran yang dihadapi di dalam pekerjaan semasa berkhidmat di luar negeri," kata Dato Paduka.

Dalam menjalankan tugas, tententunya akan mengetahui pahit manisnya dan insya-Allah dengan prihatin pengurusan BIA, kerjasama hotel-hotel di mana abiskita akan berkhidmat dan

juga komitmen dan under-standing abiskita, akan dapat abiskita atasinya dengan tabah.

Dato Paduka kemudian mengucapkan tahniah kepada mereka yang berjaya menceburi kerjaya perhotelan dan di atas doa restu ibu bapa dan keluarga akan memberikan kejayaan dalam kerjaya tersebut.

"Saya berharap projek memberikan pekerjaan orang-orang Brunei di luar negeri ini akan diteruskan dan dilaksanakan oleh pihak BIA dengan proaktif, sempurna dan mencapai target long term kita untuk bukan sahaja memberikan peluang pekerjaan tetapi insya-Allah mereka inilah yang akan menjadi tulang belakang pengurusan hotel-hotel kepu-

nyaan BIA di luar dan di dalam negeri di masa akan datang," tambah Dato Paduka.

Bagi target short term pula ialah untuk memberikan peluang orang-orang Brunei yang berkeinginan dan berkecayaan untuk berkhidmat di luar negeri seperti sehingga 10 peratus tiap-tiap hotel ketika ini adalah lebih 3,000 pekerja berkhidmat di hotel-hotel kepunyaan BIA dan ini bererti dalam short term insya-Allah jika tidak ada masalah 300 orang Brunei yang berkecayaan pelbagai bidang kelulusan akan mendapat pekerjaan dan tidak mustahil target short term ini akan memberikan peluang pekerjaan kepada orang Brunei akan tercapai.

**TIMBALAN** Menteri Kewangan, yang juga Ahli Lembaga Pengarah Agensi Pelaburan Brunei (BIA), Dato Paduka Haji Yakub bin Abu Bakar menghadiri Majlis Ramah Mesra Program Peluang Pekerjaan Anak-anak Tempatan dengan hotel-hotel di bawah Dorchester Group dan hotel-hotel di Asia Pasifik. - Gambar Hamadi HM.



**KELIHATAN** empat anak tempatan (duduk depan sekali) berjaya dipilih untuk berkhidmat di hotel-hotel kepunyaan BIA di luar negeri. - Gambar oleh Hamadi HM.

## Penubuhan HAZMAT penting memenuhi Perkhidmatan Masyarakat

Oleh  
Sahari Akim

**BERAKAS, 26 Mac.** - Penubuhan Pasukan "Hazmat" merupakan langkah penting ke arah merealisasikan matlamat murni Pasukan Perkhidmatan Bomba sekaligus memenuhi keperluan masyarakat.

Selain itu, penubuhan Pasukan Penyelamat Khas juga merupakan langkah positif jabatan tersebut dalam menangani kejadian-kejadian kecemasan dan bala bencana yang bukan sahaja bersifat routine semata-mata.

Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan Pengiran Dato Paduka Haji Maidin berucap demikian di Ucapan Perbarisan Tamat Latihan Bagi Rekrut Ahli Bomba Pelatih Lelaki Skuad 39/2002 - 2003 dan Pelatih Wanita Skuad 04/2002 - 2003 di Padang Kawad jabatan tersebut.

Pengiran Dato Paduka berseru kepada semua peringkat anggota Jabatan Perkhidmatan Bomba supaya akan terus mengamalkan budaya proaktif dan inovatif bagi meningkatkan kecekapan dan kemahiran yang sedia ada dengan mengadakan kecerapan latihan multi-skill.

"Kita berkeyakinan melalui latihan yang terancang dan teratur pasti dapat mencapai tahap kemahiran dan kepakaran yang diperlukan tersebut," tegasnya.

Terdahulu Pengiran Dato Paduka menyatakan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa mengambil perhatian berat terhadap program perkembangan latihan dan pening-

katan sumber tenaga manusia secara terancang dan ber sistematik serta kos efektif bagi para pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam.

Beliau percaya Jabatan Perkhidmatan Bomba akan terus merangka program perkembangan latihan secara berterusan ke arah peningkatan keupayaan sumber tenaga manusia bagi menghadapi pelbagai kemungkinan termasuk panggilan kecemasan yang bukan sahaja bertumpu kepada kebakaran malahan perkhidmatan kemanusiaan sejajar dengan tugas yang terkandung dalam Bab 7 dan Bab 8 dalam Akta Perkhidmatan Bomba (Pindaan 2000).

Ketika berucap Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan berkata, trend panggilan kecemasan yang diterima Pasukan Bomba ketika ini cukup ketara dan jauh lebih berbeza dari yang dialami beberapa tahun sebelumnya.

Menurut perangkaan, panggilan yang melibatkan tanah runtuh, banjir, kemalangan jalan raya, mencari dan menyelamatkan mangsa lemas, menangkap binatang liar dan sebagainya meningkat jumlahnya kepada 80 peratus berbanding panggilan kebakaran 20 peratus sahaja.

Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan menaruh keyakinan pengurusan teran-

cang dan berkesan merupakan cara ke arah melahirkan kumpulan sumber tenaga manusia yang produktif dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab dalam sesebuah organisasi.

"Kemahiran dan kepakaran sebagai matlamat penting pengurusan sumber tenaga manusia wajar mendapat perhatian utama seiring dengan keperluan pembangunan semasa di negara ini," ujarnya.

Pengiran Dato Paduka juga mengingatkan semua peringkat anggota pasukan bomba agar sentiasa meningkatkan tahap disiplin sebagai anggota 'beruniform' yang mengutamakan semangat kerja berkumpulan.

Tanpa disiplin tambahan, tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan tidak akan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan walau setinggi mana pengetahuan dan kemahiran seseorang itu.

Pengiran Dato Paduka juga menyempurnakan penyampaian hadiah kepada Pelatih Terbaik Semua Jurusan, Dayangku Rozainah binti Pengiran Abu Bakar; Pelatih Terbaik Teori, Dayang Maraini binti Haji Jaidin dan Pelatih Terbaik Amali, Loo Lim Sudirman.

Seramai 37 pelatih lelaki dan 12 pelatih wanita menamatkan latihan secara serentak setelah mengikuti latihan bermula 20 Julai 2002 dan berakhir pada 26 Mac 2003.



**SETIAUSAHA** Tetap Kementerian Kewangan, Pengiran Dato Paduka Haji Maidin memeriksa perbarisan Tamat Latihan Bagi Rekrut Ahli Bomba Pelatih Lelaki, Skuad 39/2002 - 2003 (kanan). Sementara gambar kiri, Dato Paduka menyampaikan hadiah kepada seorang rekrut terbaik. - Gambar oleh Hamadi HM.



### TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

PUSAT PERKHIDMATAN KOMPUTER,  
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM (BHGV)

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1	Permohonan latihan komputer	1 - 2 minggu
2	Permintaan mencetak laporan dan statistik	1 - 2 jam
3	Permintaan untuk mereka (design) sistem maklumat	2 - 3 bulan
4	Bantuan analisa data penyelidikan	1 - 2 minggu
5	Permohonan mel elektronik peribadi (untuk kakitangan UBD)	1 - 2 hari
6	Berlanggan ke Pusat Pangkalan Data Luar Negeri	2 - 3 minggu
7	Permintaan masuk ke Rangkaian Maklumat UBD	1 - 2 hari
8	Pembuatan laman 'web' atau masuk ke Sistem Rangkaian Maklumat Antarabangsa (Internet)	1 - 2 minggu

## BORANG PENDAFTARAN MENUNAIKAN FARDU HAJI 1424 HIJRAH MULA DIEDARKAN MULAI 10 APRIL 2003

JABATAN Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam sukacita memaklumkan kepada mereka yang berhajat untuk menunaikan Fardu Haji bagi musim haji tahun 1424 Hijrah/2004 Masihi bahawa :

- i) Borang-borang Pendaftaran Menunaikan Fardu Haji akan mula diedarkan pada hari Khamis, 8 Safar 1424 Hijrah bersamaan dengan 10 April 2003 Masihi. Borang-borang boleh diperolehi di tempat-tempat berikut dengan harga \$2.00 setiap seorang pada waktu pejabat dibuka :
  - a) Bahagian Pendaftaran dan Penerbangan, Jabatan Urusan Haji, Blok A (A-20), Bangunan Perdagangan Baitul Mal, Majlis Ugama Islam Brunei, Jalan Kota Batu, Bandar Seri Begawan BD 1517, Negara Brunei Darussalam.
  - b) Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

## Lawatan sambil belajar tanamkan sifat mencintai alam sekitar

**BANDAR SERI BEGAWAN, 27 Mac.** - Lawatan sambil belajar merupakan salah satu usaha menanamkan sifat mencintai alam sekitar kepada para penuntut di samping memberikan mereka sedikit sebanyak pengetahuan mengenai ilmu kejadian yang berhubung kait dengan flora dan fauna di persekitaran kehidupan alam semula jadi.

Ke arah itu, pihak Jabatan Muzium-Muzium Brunei dan Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SMJA) telah bekerjasama mengadakan Bengkel Apresiasi Alam Semula Jadi Melalui Seni lukis berlangsung di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei di sini.

Dalam memberikan gambaran mengenai alam semula jadi, para penuntut dibawa melawat ke Taman Rekreasi Tasik Merimbun yang mana lawatan berke-

Oleh  
Siti Aishah HS

naan akan dapat memberikan pengetahuan dan informasi mengenai ilmu kejadian bersumberkan ilham dari alam semula jadi di taman berkenaan.

Bengkel selama empat hari itu disertai oleh 19 orang pelajar dan lima daripadanya merupakan penuntut terbaik.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil kepada penuntut berkenaan, Pengetua SMJA, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Mohd. Hassan.

Dalam temu bual wakil PELITA BRUNEI bersama seorang penuntut berkenaan, Dayang Zaimah binti Imran dari Menengah 5K menyatakan dengan mengikuti bengkel tersebut beliau dapat memperbaiki dan mengembangkan mi-

nat beliau dalam bidang seni lukis, di samping memperbaiki cara melukis dengan betul.

Projek tersebut lebih mengutamakan penuntut yang mengambil mata pelajaran lukisan selain membuat pendekatan dan penekanan khas iaitu mencintai alam semula jadi melalui sudut lukisan selain merangsang minat melukis para penuntut bersumberkan ilham dari alam semula jadi.

Bengkel tersebut antara lain bertujuan untuk mendedahkan para penuntut terhadap ilmu pengetahuan dan memantapkan lagi kefahaman mereka dalam bidang seni lukis, di samping mengisi masa lapang penuntut di dalam menjalani cuti penggal pertama persekolahan dan sebagai pembimbing rakan sebaya ke arah aktiviti yang bermanfaat dan positif lebih-lebih lagi remaja seperti mereka.



NAIB Canselor UBD, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman dan Presiden UD, Dr. Tom Traves bertukar MoA setelah menandatangani perjanjian di bidang perubatan. - Gambar oleh Hamadi HM.

## UBD - UD meterai MoA

Oleh  
Siti Aishah HS

kan perhubungan koperatif dan kegiatan kerjasama dalam bidang perubatan.

Menandatangani memorandum berkenaan bagi pihak UBD ialah Naib Canselor, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman dan Dekan Institusi Perubatan Negara Brunei Darussalam, Dr. Zulkarnain bin Haji Hanafi manakala pihak UD diwakili oleh Presiden UD, Dr. Tom

Traves dan Dekan Perhubungan, Pembangunan Perubatan Antarabangsa dan Penyelidikan, Dr. Stan Kutcher bertempat di Bilik Persidangan Tingkat 2, Bangunan Pentadbiran, UBD di sini.

Antara lain perjanjian berkenaan meliputi kerjasama di bidang perubatan, pertukaran fakulti, pembangunan dan penyelidikan, pertukaran pelajar dan informasi.

Peraksanaan Program Perjanjian (MoA) yang

dimeterai di antara kedua-dua universiti berkenaan berjalan selama lima tahun dan tertakluk kepada sumber yang tersedia dan lanjutan serta pindaan yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.

Juga hadir ialah Duta Besar Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Paul S.H. Lau, Dekan-dekan Fakulti, pegawai-pegawai dan kakitangan UBD serta anggota Alumni Universiti Dalhousie.

## Pameran Kerjaya dan Kapal Terbuka Tentera Laut menerima sambutan

Oleh  
Dayangku Hajah Saidah PHOA

Belait. Pameran merangkumi kerjaya, peranan dan tanggungjawab tentera laut, peralatan yang mereka gunakan dan kemudahan yang diberikan kepada mereka yang ingin menyertai tentera laut seperti kursus akan diberikan kepada mereka

yang akan menjadi pegawai dan tentera biasa. Melalui pameran seumpama itu pengunjung akan dapat mengetahui kerjaya tentera laut dan menarik minat mereka untuk menyertai dalam bidang ketenteraan khususnya sebagai tentera laut.

Para pengunjung juga berpeluang menyaksikan lebih dekat lagi kapal yang digunakan oleh tentera laut bagi meronda perairan laut dan Sungai Brunei antaranya KDB Pejuang, KDB Pemburu dan KDB Teraban serta menyaksikan segala kelengkapan yang terdapat di dalam kapal-kapal berkenaan yang mempunyai lebih 70 orang krew kapal.

Kapal-kapal tersebut telah tiba di Dermaga Kastam pada petang kelmarin. Semasa berada di sini mereka mengadakan pelbagai aktiviti antaranya kempen kebersihan dan bertahil di tanah perkuburan orang-orang Islam di Batu 3, Kuala Belait serta mengadakan perlawanan bola sepak persahabatan bersama pegawai dan kakitangan Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad (BSP). Pameran tersebut telah diadakan buat kali pertama pada tahun 1999 dengan sambutan yang amat menggalakkan daripada penduduk Daerah Belait.



PENGUNJUNG berpeluang mencuba senjata yang terdapat di sebuah kapal tentera laut.



SEORANG ayah yang datang bersama anaknya ke Pameran Kerjaya dan Kapal Terbuka Tentera Laut menerangkan sesuatu mengenai gambar yang dipamerkan.



SALAH seorang pegawai tentera laut menunjukkan kepada Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Ali bin Mat Yassin fungsi alat yang mereka gunakan.

ARENA SUKAN

# Skwad negara atasi Johor 1-0

SELEPAS tewas 1 - 0 kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) pada minggu lalu di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, skuad negara bangkit mencatat kemenangan ketiga menumpaskan Johor 1 - 0 di Stadium Larkin, Johor Baru.

Kekalahan itu juga memadamkan rekod tanpa kalah Johor setakat ini dalam masa yang sama pula menambahkan kedudukan sembilan mata buat skuad negara.

Johor yang berada di tangga teratas Liga Perdana Dua memulakan permainan separuh masa pertama dengan pergerakan pantas yang hampir mem-

perolehi jaringan awal Yusmin Osman yang merembat ke tepi tiang gol.

Selepas percubaan itu, dua percubaan berturut-turut pula dilakukan oleh penyerang import Johor Gabreal, namun percubaan tersebut berjaya ditepis keluar oleh penjaga gol, Mohd. Wardun Yusof.

Skuad negara yang dikejutkan dengan beberapa percubaan itu juga berkesempatan melakukan beberapa percubaan melalui gandingan penyerang Afindi Yati Tuah, Abang Norsillmy dan Muhd. Brian Iman Abdullah Bothwel. Begitupun, percubaan tersebut gagal menepati sasaran, sehingga permain-

Oleh  
Haji Ahat HI

an separuh masa pertama tamat.

Sebaik saja lima minit permainan separuh masa kedua bermula, tuan rumah Johor pula dikejutkan dengan jaringan awal skuad negara yang memperolehi jaringan pertama melalui Haji Mohd. Subhi Abdillah Bakir yang menerima hantaran dari Rosmin Haji Khamis untuk menewaskan penjaga gol Zamri Mat Arif.

Kejutan jaringan pendahuluan itu memaksa barisan Johor lebih agresif melakukan serangan-serangan dari tengah dan tepi

padang, namun berjaya dikekang oleh penjaga gol Mohd. Wardun Yusof yang bertindak cemerlang menggagalkannya.

Segala kegagalan tersebut tidak melemahkan matlamat mereka, sebaliknya Johor terus meningkatkan serangan yang hampir memenuhi impian mereka apabila rembatan Gabreal mengenai hadangan pertahanan Mark William Tomas.

Kedudukan 1 - 0 itu kekal hingga tamat permainan meskipun skuad negara hampir menambatkan jaringan pada minit terakhir melalui pemain gantian Riwandi Wahit bersama Afindi Yati Tuah.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berangkat menyaksikan perlawanan Brunei Darussalam menentang ATM. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.



BELAIT menjuarai Kejohanan Sepak Takraw Belia Kebangsaan Bawah 20 Tahun, merakamkan gambar kenangan bersama penganjur Kejohanan PESTA BARU dan JBS. - Gambar oleh Hamadi HM.

## Belait kekalkan kejuaraan Sepak takraw Belia Kebangsaan

PASUKAN Belait berjaya mempertahankan kejuaraan Kejohanan Sepak Takraw Regu Belia Kebangsaan Bawah 20 Tahun selepas menumpaskan Regu ASEAN School dengan straight set pada perlawanan akhir di Kompleks Sukan Menglait, Gadong.

Belait yang semangannya menjadi pasuk-

Oleh  
Haji Ahat HI

an pilihan kejohanan ini mendahului 5 - 0 melalui sepak mula Roslani dan rejaman Hamadi dan kemudian ASEAN School mengejar hingga 5 - 5.

Pada kedudukan itu, mata demi mata kedua pasukan berkejaran sehingga pada kiraan 13 - 13, Belait menguasai permainan dan seterusnya memenangi set pertama dengan kedudukan 21 - 13.

Pada set kedua permainan pula regu ASEAN School menampakkan perubahan dengan sepak mula

Adib amat berkesan yang berjaya memungut banyak mata. Begitupun prestasi sepakan itu hanyalah seketika saja selepas berjaya disekat oleh Abdul Razak keadaan itu membuatkan Md. Yusof mengambil alih kedudukan tekong tetapi juga kurang berkesan sehingga Belait meninggalkan dengan 17 - 10.

Belait yang sudah yakin akan kemenangan itu terus memperlihatkan aksi cemerlang terutama Hamdi yang banyak melakukan rejaman dekat jaringan dan gagal dihadap oleh regu ASEAN School.

Kecemerlangan Hamdi itu meleburkan saingan

regu ASEAN School yang hanya berupaya melakukan selain mengharapkan peluang sepak mula oleh Md. Yusof.

Langkah itu tidak banyak memberikan kesan kepada ASEAN School sebaliknya Belait lebih menyerlah dan menamatkan permainan dengan kedudukan 21 - 11.

Kejohanan merebut piala sumbangan Syarikat Minyak Brunei Shell itu disertai oleh lebih 20 pasukan dari seluruh negara dan hadiah-hadiah disampaikan oleh Awang Haji Zaini bin Haji Omar dari Syarikat Minyak Brunei Shell.

## PERKASA belasah Muara Star 5 - 1

PERKASA berjaya mengekalkan kedudukan tanpa kalah Liga Bola Sepak Daerah Brunei dan Muara Bahagian Satu apabila membelasah Muara Star 5-1 dalam pertemuan di Padang Jabatan Belia dan Sukan Berakas.

PERKASA yang sebelum ini menundukkan PAPP 2 - 1, Sabina F.C 3 - 0, Rosmy 6 - 1, dan seri 2 - 2 dengan KAMA, memulakan permainan dengan rentak perlahan pada awal perlawanan. Bagaimanapun, pada minit terakhir permainan separuh masa pertama hendak tamat mereka berjaya menjaringkan gol pertama melalui Md. Kamri Haji Samad.

Kemudian di separuh masa kedua corak permainan PERKASA nampak bertenaga dengan barisan tengah dan penyerang berpadu menguasai permainan yang memudahkan mereka menam-

Oleh  
Haji Ahat HI

bahkan jaringan kedua rembatan Masonie Haji Jonaidi.

Beberapa minit selepas itu, Fazily Moslim pula menambahkan jaringan ketiga PERKASA selepas menerima umpaman lintang dari Haji Sofian Haji Mudin sebelah kiri dan terus merembat masuk mengatasi kawalan penjaga gol Muara Star, Ak. Md. Sani Pg. Haji Ladis.

Penguasaan PERKASA pada pertemuan itu kelihatan begitu menyerlah dengan melancarkan serangan bertali arus sehingga pada satu ketika hampir kesemua pemain Muara Star hanya bertahan.

Kesempatan itu dimanfaatkan dengan berkesan oleh barisan PERKASA yang kemudiannya menambahkan jaringan keem-

pat melalui Fazily Moslim yang bergerak secara solo hingga ke depan pintu gol dan terus merembat masuk.

Meskipun ketinggalan empat jaringan, Muara Star juga berkesempatan melancarkan beberapa percubaan mengejut yang kemudiannya membuahkan hasil jaringan pertama melalui Haji Julaihi Haji Mail yang hanya menolak bola masuk selepas gagal dikawal oleh Janisma Abu Bakar.

Kedudukan 4 - 1 itu tidak berakhir begitu saja sebaliknya PERKASA terus ghairah melakukan lebih banyak percubaan ke pintu gol namun barisan Muara Star mampu bertahan dalam menerima asakan.

Dalam keadaan bertahan itu Fazily Moslim sekali lagi berkesempatan menambahkan jaringan kelima PERKASA pada minit terakhir permainan

apabila hantaran tinggi Haji Md. Aslenan Haji Metussin berjaya dirembat masuk, menjadikan kedudukan keseluruhannya PERKASA mengatasi Muara Star 5-1.



PEMAIN Muara Star mengawal bola dekat pintu gol selepas menerima asakan barisan penyerang PERKASA yang berkesudahan PERKASA menang 5-1. - Gambar oleh Ramli Tengah.

## Menangani wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS)

# Apakah Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS)?

SARS merupakan penyakit pernafasan berjangkit yang baru muncul (atypical pneumonia) yang tidak diketahui sebabnya dan telah dilaporkan di seluruh dunia baru-baru ini. Penyakit tersebut biasanya bermula dengan suhu badan yang meningkat dengan tiba-tiba (lebih 38°C) dan batuk. Ianya juga diikuti dengan sakit di bahagian sendi, rasa dingin, sakit tekak dan sakit kepala. Tanda-tanda lain termasuk cirit-birit dan ruam badan. Sebilangan kecil kes-kes penyakit akan mengalami susah bernafas dan mungkin mengakibatkan jangkitan paru-paru (pneumonia) yang lebih teruk dan membawa maut. Penyakit ini berkaitan dengan mereka yang mengunjungi ke tempat-tempat yang terjejas atau hubungan rapat dengan mereka yang telah dikenal pasti menghidap SARS.

### Apakah punca penyakit SARS?

Punca penyakit SARS masih tidak diketahui. Walau bagaimanapun, hasil penyelidikan sejauh ini menunjukkan bahawa ejen penyebab mungkin dari sejenis virus.

### Adakah ia berjangkit dan bagaimana ia merebak?

Ya, penyakit ini berjangkit. Dari kes-kes SARS yang dilaporkan sejauh ini ia merebak melalui hubungan rapat (sama ada dengan menjaga, tinggal bersama, hubungan

bersemuka atau terdedah kepada cecair pernafasan seseorang yang telah dijangkiti).

### Berapa cepatkah seseorang itu akan jatuh sakit selepas dijangkiti?

Biasanya ia akan mengambil masa 2 - 7 hari, walau bagaimanapun ia juga boleh mengambil masa 10 - 14 hari. Penyakit ini biasanya bermula dengan demam panas yang melebihi 38°C, diikuti dengan batuk yang kering dua hari kemudiannya (sila lihat di atas mengenai kesan-kesan dan tanda-tanda penyakit).

### Siapa yang mempunyai risiko?

Mereka yang mengunjungi tempat-tempat yang terjejas atau ada hubungan rapat dengan mereka yang telah dijangkiti wabak SARS.

### Bagaimana SARS dikenal pasti?

Penyakit SARS dikenal pasti berasaskan simptom-simptom klinikal, pernah mengunjungi ke tempat-tempat yang terjejas atau ada berhubung rapat dengan mereka yang dijangkiti SARS dan melalui pemeriksaan x-ray dada.

### Bolehkah ia disembuhkan?

Pada masa ini, tidak terdapat ubat-ubatan yang tertentu. Walau bagaimanapun jika awda baru balik daripada berkunjung ke tempat-tempat yang terjejas dan menghidap simptom-simptom seperti selesema (sila lihat di atas kesan dan simptom penyakit), awda hendaklah mendapatkan rawatan perubatan secepat mungkin.

### Adakah terdapat sebarang suntikan untuk penyakit SARS?

Pada masa ini tidak terdapat suntikan untuk mencegah wabak SARS.

### Di manakah kawasan dan tempat yang terjejas?

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, jangkitan penyakit secara tempatan dilaporkan di negara-negara berikut:

Negeri	Kawasan
Kanada	Toronto
Singapura	Singapura
China	Wilayah Guandong, Hong Kong, Shanxi, Wilayah Taiwan
Viet Nam	Hanoi

Sehingga 5 April 2002.

Nota: Negara-negara yang termasuk di dalam rajah di atas akan berubah menurut laporan harian terkini dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

### Apakah nasihat melancong dari Kementerian Kesihatan?

Sebagai langkah-langkah berwaspada, Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan orang ramai supaya mengelakkan dari berkunjung ke tempat-tempat yang terjejas kecuali jika benar-benar perlu. Bagi mereka yang tidak dapat menangkalkan jadual perjalanan ke tempat-tempat berkenaan, mereka adalah dinasihatkan supaya mengelakkan daripada berkunjung ke tempat-tempat yang sesak, menjaga kebersihan diri terutama sekali dengan mencuci tangan dan bagi meningkatkan sistem ketahanan badan awda, pastikan awda mendapatkan rehat yang secukupnya, pemakanan sihat dan senaman.

### Apakah yang harus awda lakukan jika awda baru berkunjung ke tempat-tempat di mana kes-kes SARS telah dilaporkan?

Awda seharusnya memantau kesihatan awda sendiri semasa berada di tempat-tempat berkenaan dan sehingga 14 hari selepas awda balik. Jika awda jatuh sakit dengan demam panas serta batuk atau susah bernafas, awda hendaklah mendapatkan rawatan perubatan segera ke Bahagian Kemalangan dan Kecemasan hospital yang terdekat. Maklumkan doktor bahawa awda baru-baru ini telah berkunjung ke tempat-tempat yang terlibat kes SARS dan sama ada awda ada berhubung dengan seseorang yang menghidap simptom-simptom SARS.

Untuk makluman lanjut atau sebarang pertanyaan, sila hubungi Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan melalui talian telefon seperti berikut:

1800-0991 atau laman web: www.moh.gov.bn.



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim ketika memberikan taklimat mengenai SARS kepada pengetua-pengetua dan guru-guru besar seluruh negara. - Gambar oleh Ramle Tengah.

# Pengetua, Guru Besar disaran sama-sama menangani SARS

BANDAR SERI BEGAWAN, 3 Mac. - Pengetua-pengetua dan Guru-guru Besar institusi pendidikan tinggi, maktab dan sekolah kerajaan dan bukan kerajaan dari seluruh negara dinasihatkan sentiasa peka dan membuat pemantauan bagi menangani wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) di sekolah masing-masing.

Mereka dinasihatkan berbuat demikian semasa menghadiri Taklimat Mengenai Pelan Tindakan Kementerian Pendidikan berbilang di Maktab Perguruan Agama Seri Begawan di sini.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim dan Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Dayang Hafsa binti Haji Abdul Majid.

Juga hadir di majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan.

Dr. Awang Haji Abdul Latif dalam taklimatnya antara lain menerangkan mengenai wabak SARS, punca dan di mana ia bermula, negara-negara terlibat, cara jangkitan,

### Oleh Sahari Akim

pemantauan dan pencegahan yang perlu dilakukan oleh orang ramai terutama para pelajar dan warga sekolah.

Katanya virus wabak SARS yang sangat berbahaya, cepat merebak dan boleh membawa maut itu belum dapat dikenal pasti dengan jelas oleh pakar-pakar perubatan dan ketika ini belum terdapat vaksin atau ubat-ubatan khusus yang boleh menyembuhkan penyakit tersebut.

Selain berwaspada dan mengambil langkah-langkah yang perlu serta mengikuti nasihat Kementerian Kesihatan orang ramai khususnya para pelajar dan warga sekolah juga dinasihatkan supaya mengelakkan dari melancong atau melawat negara-negara di mana terdapatnya kejadian SARS.

Beliau juga menasihatkan supaya orang ramai tidak panik atau merasa gusar, tetapi hendaklah sentiasa berwaspada dan segera ke hospital berjumpa doktor jika mengalami simptom SARS.

"Kita perlu sentiasa ber-

jaga-jaga serta mengambil langkah-langkah pencegahan, di samping mengikut nasihat yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan," tegasnya.

Sementara itu Dayang Hafsa dalam taklimatnya antara lain menerangkan mengenai penubuhan Jawatankuasa Adhoc dan Pelan-pelan Tindakan Kementerian Pendidikan dalam menangani wabak SARS khasnya bagi para pelajar dan warga sekolah termasuk jabatan-jabatan di bawah kementerian tersebut.

Menyentuh tindakan setengah ibu bapa atau penjaga pelajar yang membawa pulang atau tidak menghantar anak mereka belajar seperti yang terdapat di beberapa buah sekolah kerana kuartr jangkitan SARS, beliau menasihatkan para Pengetua dan Guru Besar supaya akan dapat menerangkan se jelas-jelasnya kepada mereka agar tidak mendengar khabar-khabar angin yang tidak berasas.

Kementerian Pendidikan mempunyai pelan tindakan dalam menghadapi dan menangani SARS dan akan menentukan sama ada sesebuah sekolah atau semua sekolah di negara ini perlu ditutup mengikut prosedur yang ditentukan

oleh Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan jika tindakan itu perlu dilakukan, jelasnya.

Tambahnya, penerangan perlu diberikan kepada para pelajar, ibu bapa atau penjaga supaya mereka memahami keadaan sebenar yang berlaku di maktab atau sekolah masing-masing.

Jika disyaki terdapat sebarang simptom SARS kepada seseorang pelajar maka pihak sekolah hendaklah menghubungi ibu bapa atau penjaga pelajar berkenaan dan menasihatkan supaya membawanya mendapatkan pemeriksaan doktor di hospital.

Kementerian Pendidikan akan mengeluarkan siaran akhbar mengenai perkembangan SARS terutama untuk makluman ibu bapa atau penjaga jika difikirkan perlu, katanya.

Maklumat seperti risalah dan poster yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan akan diedarkan di kesemua institusi, maktab dan sekolah selain maklumat tambahan juga akan disediakan oleh Kementerian Pendidikan untuk disampaikan kepada ibu bapa dan penjaga pelajar.

## TIPS MENGENAI SARS

- \* Alhamdulillah belum ada kes jangkitan SARS dilaporkan di Negara Brunei Darussalam.
- \* Wabak SARS merupakan penyakit berbahaya, mudah berjangkit dan boleh membawa maut.
- \* Tidak ada rawatan, khusus tidak ada vaksin mencegah jangkitan dan rawatan hanya dibuat secara 'supportive'.
- \* Test Kid untuk mengdiagnosis virus belum ada dalam pasaran.
- \* Kes bermula di tingkat 9, Hotel Metropole, Hong Kong (12 Februari).
- \* Profesor Liu, 64 tahun (Pakar Perubatan Pernafasan) dari Guandong, China dimasukkan ke hospital pada 22 Februari dan meninggal 24 Februari 2003.
- \* SARS dipercayai terjadi dari kuman virus 'Pranyovirus' dan 'Coronavirus'.
- \* Simptom SARS: Suhu badan yang tinggi dengan tiba-tiba, sesak nafas atau kesukaran bernafas dan batuk.
- \* Jika simptom terjadi, cepat mendapatkan rawatan di hospital.
- \* Jangkitan SARS terjadi secara 'close contact' dengan penghidap SARS/kajian selama ini belum membuktikan jangkitan boleh berlaku secara 'casual'.
- \* Orang yang pernah berada di negara kejadian SARS mungkin tidak dijangkiti jika tidak mempunyai simptom selepas 14 hari balik dari tempat kejadian.
- \* Orang ramai dinasihatkan jangan panik atau terlalu gusar tetapi sentiasa peka, berwaspada dan berjaga-jaga serta mengikut nasihat Kementerian Kesihatan.
- \* Elakkan melancong/melawat negara-negara di mana terdapat kejadian SARS.

## TINDAKAN KEBANGSAAN MENANGANI SARS

- \* Jawatankuasa "Task Force" Menangani Wabak SARS Kebangsaan.
- \* Jawatankuasa Kerja Kementerian Kesihatan.
- \* Jawatankuasa Kerja Teknikal Kementerian Kesihatan.
- \* Strategi utama:
  - Pengawasan Terperinci ke atas SARS.
  - Mengenal pasti kes yang disyaki jika terdapat simptom SARS.
  - Pengasingan kes untuk mencegah jangkitan.
  - Pelan kontingensi.
  - Pengawasan di lapangan terbang dan pelabuhan.
  - Semua 'inbound passanger' dimestikan mengisi borang pengawasan SARS.
  - Diberikan 'peringatan kesihatan' mengenai SARS.
  - Penumpang yang sakit/mempunyai simptom SARS dibawa terus ke hospital.
  - 'Outbound' passanger diberikan peringatan kesihatan mengenai SARS.
  - Persediaan di Pusat/Klinik Kesihatan/Hospital.
  - Pendidikan Umum - Siaran Akhbar/Peringatan pengembaraan/Hotline/Poster dan leaflets.
- Untuk maklumat lanjut orang ramai boleh menghubungi:

Telefon: 2382755 (juga faks)  
2382041/2382044/2381640  
Sambungan 7701/02; 7809/10; 7693/7686

# Menangani Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS)

## Pelan Tindakan Kementerian Pendidikan

DALAM menangani wabak SARS yang merebak dengan cepat di beberapa buah negara maka Kementerian Pendidikan telah membuat Pelan Tindakan yang akan digunakan oleh jabatan-jabatan di bawah kementerian tersebut termasuk semua institusi pengajian tinggi, maktab-maktab dan sekolah-sekolah kerajaan dan bukan kerajaan di seluruh negara.

Pelan Tindakan yang akan diteliti dan diubah suai mengikut keperluan semasa itu melibatkan semua pihak terutama warga sekolah, pelajar, ibu bapa dan penjaga pelajar untuk sama-sama memantau dan menangani wabak yang membimbangkan itu.

Antara tindakan yang dilaksanakan oleh kementerian tersebut termasuklah menubuhkan Jawatankuasa Adhoc Menangani SARS; menyediakan Pelan

Oleh Sahari Akim

Tindakan Kementerian Pendidikan; mengadakan Sidang Akhbar atau Siaran Akhbar; mengadakan hotline semasa waktu bekerja dan mengeluarkan memorandum mengandungi maklumat SARS ke semua maktab dan sekolah.

Jawatankuasa Adhoc dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap dan dianggotai oleh Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Ketua Pengarah, Pegawai Tugas-Tugas Khas, Setiausaha dan Pendaftar UBD dan beberapa pengarah Kementerian Pendidikan.

Bidang tugas jawatankuasa ini ialah menyediakan Pelan Tindakan Kementerian Pendidikan bagi menangani masalah wabak SARS di kalangan pelajar dan warga sekolah; memantau situasi SARS di

dalam dan luar negeri; bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan bagi mengawasi dan mencegah terutama di kalangan pelajar/warga sekolah; melalui urusetia menyalurkan maklumat terkini kepada semua institusi pendidikan di negara ini dan membantu Kementerian Pendidikan dalam membuat sebarang keputusan mengenai wabak SARS.

Sementara itu Pelan Tindakan kementerian tersebut pula menggariskan tindakan bersepadu jika terjadi wabak SARS; pegawai dan kakitangan memahami tindakan yang perlu diambil secara teratur dan berkesan; berusaha meredakan kebimbangan ibu bapa dan warga sekolah; mencegah/mengurangkan risiko jangkitan dan merangsang warga sekolah/ibu bapa sama-sama bertanggungjawab menangani wabak tersebut.

### BERWASPADA, BERDOA DAN BERTAWAKAL

PARA pelajar dan warga sekolah disarankan sentiasa berwaspada, berdoa dan bertawakal dalam menghadapi wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) yang melanda beberapa buah negara ketika ini.

Selain sentiasa berusaha menangani dan mengelakkan wabak tersebut secara fizikal dengan memenuhi peraturan dan nasihat dari pihak-pihak berwajib maka adalah baik jika kita memohon perlindungan dari Allah Subhanahu Wataala agar diri, keluarga dan penduduk negara ini tidak ditimpa wabak tersebut.

Antara langkah berjaga-jaga yang disarankan dalam Pelan Tindakan Kementerian Pendidikan ialah:

- \* Sentiasa menjaga kebersihan diri seperti mencuci tangan dengan sabun sebelum makan dan selepas

menggunakan bilik air atau tandas.

- \* Mengikuti nasihat Kementerian Kesihatan supaya tidak melawat/melancong ke tempat-tempat kejadian SARS seperti Guangdong, Beijing, China, Hong Kong, Hanoi Viet Nam dan Republik Singapura.

- \* Mengelakkan diri dari mengunjungi tempat-tempat sesak.

- \* Warga sekolah yang beragama Islam digalakkan membaca Doa Tolak Bala dan doa-doa yang perlu setiap hari, membaca Surah Yaasin setiap hari Khamis dan sembahyang hajat.

- \* Sentiasa tenang dan sedia mematuhi arahan/nasihat Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan ketika menghadiri Taklimat SARS Bagi Pengetua dan Guru-guru Besar seluruh negara.

LAPORAN KUMULATIF JUMLAH KES SARS (sehingga 2 April 2003)			
Negara	Jumlah Kes Kumulatif	Jumlah Kematian	Pertalian/Jangkitan Setempat
Australia	1	0	None
Belgium	1	0	None
Kanada	58	6	Yes
China	1,190	46	Yes
China, Hong Kong Special Administrative Region	708	16*	Yes
China, Taiwan	13	0	Yes
Perancis	1	0	None
Jerman	5	0	None
Itali	3	0	None
Republic of Ireland	2	0	None
Romania	3	0	None
R. Singapura	95	4	Yes
Spanyol	1	0	None
Switzerland	2	0	None
Thailand	7	2	None
United Kingdom	3	0	None
Amerika Syarikat	72	0	To be determined
Viet Nam	58	4	Yes
<b>Total</b>	<b>2,223</b>	<b>78</b>	

## Garis panduan Kementerian Pendidikan menangani SARS

KEMENTERIAN Pendidikan Negara Brunei Darussalam telah menyediakan Pelan Tindakan berwaspada dalam menangani masalah Sistem Pernafasan Akut Teruk (Severe Acute Respiratory Syndrome - SARS). Pelan Tindakan ini merupakan panduan untuk semua sekolah-sekolah, maktab-maktab dan institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini jika terjadinya wabak SARS.

Pelan Tindakan itu menggariskan beberapa tindakan bersepadu Kementerian Pendidikan jika terjadinya wabak SARS di semua institusi pendidikan di negara ini.

Pelan Tindakan ini menyatakan :

1. Jika tidak ada kes SARS di negara ini, semua sekolah, maktab dan institusi pengajian tinggi tidak perlu ditutup. Walau bagaimanapun, tindakan berjaga-jaga mesti diambil oleh semua pihak, seperti menjaga kebersihan diri, mengikut nasihat dan arahan Kementerian Kesihatan supaya tidak mengunjungi tempat-tempat di mana kejadian SARS dilaporkan berlaku, mengelakkan mengunjungi tempat-tempat sesak dan warga sekolah yang beragama Islam digalakkan membaca doa.

2. Jika sekiranya ada kes SARS dilaporkan tetapi tidak melibatkan pelajar atau ibu bapa/penjaga, adik-beradik pelajar dan warga sekolah, sekolah juga tidak perlu ditutup. Pihak sekolah akan diberi 'Nasihat Kesihatan' seperti yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.

3. Jika sekiranya ada kes SARS yang melibatkan ibu bapa/penjaga, adik-beradik atau orang yang tinggal serumah dengan pelajar, pelajar berkenaan dinasihatkan untuk berjumpa doktor dengan segera dan tidak dibenarkan bersekolah dan dinasihatkan untuk tinggal di rumah (home quarantine) selama 10 hari. Pelajar berkenaan hanya dibenarkan bersekolah setelah mendapatkan pengesahan dari doktor Kementerian Kesihatan.

4. Jika sekiranya ada kejadian kes SARS yang melibatkan pelajar dan warga sekolah, sekolah-sekolah terlibat akan ditutup selama 10 hari dan dibuka kembali setelah disahkan oleh Kementerian Pendidikan. Semua pelajar dari sekolah ini dinasihatkan berada di rumah (home quarantine) selama sepuluh hari sehingga disahkan boleh ber-

sekolah oleh Kementerian Pendidikan.

5. Semua institusi pendidikan negara ini sama ada institusi swasta atau Kerajaan hanya akan ditutup selama 10 hari jika ramai (lebih dari tiga) pelajar dari sekolah-sekolah yang berlainan dijangkiti SARS. Keputusan menutup semua sekolah dibuat selepas mendapat kebenaran Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Semua institusi pendidikan ditutup sehingga disahkan selamat untuk dibuka semula dan pelajar-pelajar yang tidak mempunyai simptom SARS sahaja yang dibenarkan balik bersekolah.

6. Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan akan mengeluarkan maklumat terkini mengenai SARS kepada semua institusi pengajian tinggi, maktab dan sekolah.

Kementerian Pendidikan juga telah menubuhkan Bilik Gerakan Khas untuk menerima sebarang pertanyaan melalui nombor telefon 2380620 dan 2381224 (waktu bekerja), dan 8864945 (di luar waktu bekerja).

ARENA SUKAN

# Brunei-Muara pertahankan kejuaraan Pesta Sukan Kebangsaan

KONTINJEN Brunei dan Muara berjaya mempertahankan kejuaraan keseluruhan Pesta Sukan Kebangsaan (PSK) Ke-6 dengan memenangi 41 pingat emas, 29 perak dan 19 gangsa berjumlah 89 pingat keseluruhan.

Sementara kontinjen Polis Diraja Brunei (PDB) yang cuba mengejar tetapi gagal dan hanya di tangga kedua dengan kutipan 18 emas, 9 perak dan 7 gangsa dengan jumlah 34 pingat, manakala kontinjen Belait di tempat ketiga dengan 10 emas, 10 perak dan 9 gangsa berjumlah 29 pingat.

PSK bermula 22 Mac lalu dengan mempertandingkan 15 acara sukan melibatkan atlet kebangsaan dan daerah serta per-sendirian.

Ita ditutup dengan rasminya oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain di majlis yang ringkas.

Sebelum majlis penutup, kontinjen Brunei-Muara mengutip pingat emas terakhirnya melalui pasukan bola jaring wanita dengan mengalahkan pasukan bola jaring Belait dengan mata 20 - 19.

Dalam perlawanan yang agak sengit itu Brunei-Muara di separuh masa pertama hingga kedua jauh ditinggalkan oleh Belait tetapi serangan yang menjadi dan jaringan yang tepat Brunei-Muara berjaya menyamakan jaringan pada masa tinggal tiga minit saja.

Serangan balas Belait terlepas dua jaringan yang gagal disempurnakan oleh penjaringnya dan 'counter attack' Brunei-Muara berjaya membuat jaringan yang hanya berbaki satu minit dan serangan seterusnya gagal menghasilkan jaringan setelah pengadil meniupkan wisel penamat.

Namun pasukan Belait berpuas hati kerana pemain-pemainnya telah melihat permainan yang sebaiknya tetapi hanya nasib yang tidak menyebelahi mereka dengan hanya tewas perbezaan satu mata.

Pesta Sukan Kebangsaan Ke-7 akan diadakan dua tahun dari sekarang yang sudah bermula sejak tahun 1988.

Piala pusingan dan iringan kepada juara keseluruhan disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang diterima oleh Penolong Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Haji

Liputan  
Abdullah Asgar  
Gambar-gambar oleh  
Ramle Tengah



Abdul Harith. Brunei (PDB), Belait, Sendirian Berhad (BSP), Tutong, Temburong, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Syarikat Minyak Brunei Shell Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) dan Universiti Brunei Darussalam (UBD).



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bergambar kenangan bersama juara pasukan bola jaring wanita, Daerah Brunei dan Muara.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyampaikan piala pusingan kepada juara keseluruhan Pesta Sukan Kebangsaan Ke-6 iaitu Pasukan Daerah Brunei dan Muara.

## KUTIPAN PINGAT-PINGAT PESTA SUKAN KEBANGSAAN KE-6 2003

BIL.	KONTINJEN	EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH PINGAT
1	DAERAH BRUNEI-MUARA	41	29	19	89
2	POLIS DIRAJA BRUNEI	18	9	7	34
3	DAERAH BELAIT	10	10	9	29
4	DAERAH TUTONG	8	12	11	31
5	DAERAH TEMBURONG	5	5	8	18
6	A.B.D.B.	4	13	12	29
7	SYARIKAT MINYAK BRUNEI SHELL SENDIRIAN BERHAD	0	1	0	1
8	PERSATUAN BANK-BANK BRUNEI	0	0	3	3
9	SYARIKAT PENERBANGAN DIRAJA BRUNEI	0	0	0	0
10	UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM	0	0	0	0
JUMLAH KESELURUHAN		85	78	69	232

# ABDB buktikan sebagai pasukan terbaik

BERAKAS, 30 Mac. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) memastikan impian mereka sebagai pasukan terbaik dalam acara bola sepak tercapai setelah kemenangan tipis 2 - 1 ke atas Daerah Brunei dan Muara (DBM)



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Harun menyampaikan piala kepada pasukan ABDB yang muncul juara dalam perlawanan bola sepak PSK Ke-6.

di perlawanan akhir bagi merebut pingat emas di Pesta Sukan Kebangsaan (PSK) tahun ini semalam.

Jaringan kedua di awal separuh masa kedua hasil sepakan penalti yang disudahkan oleh Sardillah

Abdullah cukup mencalar-kan impian dan harapan pasukan DBM yang telah mempamerkan persembahan yang baik dan banyak mengasak namun gagal menyerlahkan ancaman serangan di bahagian depan.

ABDB yang memulakan ancaman bermulanya perlawanan di separuh masa pertama cuba mengorak langkah seawal minit keempat apabila hantaran kejutuan setelah didahului Samdani kepada Awang Seruji hanya sekadar untuk menguji kekebalan benteng lawan apabila rembatannya tersasar keluar.

ABDB yang diurus oleh Puasa Haji Ahad menampakkan kesan yang sangat baik di sepanjang perlawanan PSK ini dengan mencatatkan tanpa kalah, di samping membariskan beberapa tuggak harapan

Oleh  
Abu Bakar HAR

yang pernah bermain untuk pasukan kebangsaan seperti Nordin Tujoh dan penjaga golnya, Ali Zanda Sitom.

Namun keghairahan pasukan tentera dalam mengejar kemenangan telah diledakkan dengan satu kejutan setelah didahului 1 - 0 apabila pasukan DBM diberi tendangan penalti setelah Mohd. Julremi yang menerima bola di kawasan petak D di jatuhkan dengan tackle yang kasar oleh pertahanan ABDB.

ABDB yang menerima amaran awal tidak mahu terus tertekan dan hanya memerlukan lapan minit kemudian bagi menya-

makan kedudukan setelah mengubah rentak permainan dengan lebih berhati-hati dan mengambil kesempatan dari pertahanan DBM yang terperangkap dalam keadaan kelam-kabut sambil ABDB, melalui Samdani dengan mudah menolak bola masuk yang terhidang di depan pintu gol.

Sardillah yang membawa kepada kejayaan ABDB setelah berjaya mengatasi DBM melalui sepakan penaltinya tujuh minit bermulanya masa kedua membuat pasukan tentera leka malah bagai hilang punca apabila pasukan lawan melipatgandakan asakan bertubi-tubi.

DBM yang menampilkan bakat-bakat muda yang dikemudi oleh Azmanudin Haji Gillen selaku ketua

pasukan hampir menyamakan kedudukan dalam serangan mengejut selang beberapa minit sebelum wisel penamat dibunyikan, namun ketangkasan Ali Zanda Sitom yang semanginya bermain dengan baik malam itu berjaya menangkis rembatan kenangan Md. Hardyman Lamit dari dalam petak penalti.

DBM yang terus mengasak dan melipatgandakan serangan memburu gol penyamaan tetap dikekang dengan kukuh di belakang oleh pemain-pemain pertahanan ABDB sekalipun pemain tengah mereka kurang berfungsi di masa kedua dan ini membuat pemain-pemain muda DBM ini akur dengan keputusan bagi membenarkan kemenangan mutlak kepada pasukan ABDB di kejohanan dua tahun sekali ini.

ARENA SUKAN

# Sonadey buat kejutan acara lebuah raya

PENDATANG baru mewakili kontinjen Temburong, Sonadey Abdul Jalil membuat kejutan dalam acara lebuah raya lumba basikal 140 kilometer Pesta Sukan Kebangsaan (PSK) Ke-6 kerana berjaya mengutip pingat emas dengan catatan masa 3 jam 32 minit 29.27 saat.

Namun catatan ini belum lagi berjaya mengatasi masa yang dibuat oleh Cheing

Cheiw Lie dua tahun lalu, 3 jam 29 minit tetapi beliau berpuas hati kerana menempatkan Reduan Yusof mengutip pingat perak dengan perbezaan hanya lebih satu saat dan Muhd. Arbe Shadatul Farrani Zainal Abidin mengutip pingat gangsa dengan perbezaan lebih seminit di belakang.

Sementara bagi acara berpasukan pi-

Oleh  
Abdullah Asgar

ngat perak dimenangi oleh Pasukan Tutong 'B' dengan 18 mata; pingat perak, Pasukan Belait 'A' dengan 21 mata dan Pasukan Brunei-Muara 'A' hanya mengutip pingat gangsa dengan 24 mata.

Di awal perlumbaan tidak banyak percubaan 'break away' dilakukan memandangkan hampir kesemua peserta di tahap kecergasan yang tinggi melainkan sebahagian saja sebagai memenuhi koata yang diberikan oleh penganjur.

Tetapi ketika perlumbaan memasuki kilometer 90, Reduan Yusof membuat 'break away' hingga ke kilometer akhir perlumbaan sebelum dikejar kembali oleh kelompok utama.

Apa yang menarik di perlumbaan kali ini ketunggalan pelumba veteran yang sering membuat kayuhan di depan berbanding pelumba muda yang hanya berkayuh di belakang.

Jika keadaan begini berterusan, tahap pelumba junior agak sukar untuk dinilai kekuatan mereka kerana setiap perlumbaan ialah kerjasama berpasukan bukannya mengikuti di belakang dengan membiarkan rakan membuat sesuatu.

Dengan berakhirnya PSK Ke-6 hari ini, acara lumba basikal sedikit sebanyak dapat memberi pengajaran kepada pelumba junior untuk berbuat sesuatu sebagai satu pasukan yang kuat dan mantap.

Pingat kemenangan disampaikan oleh tetamu kehormat, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Harun bin Haji Ismail.



JAGUH LEBUH RAYA ... Ucapan tahniah oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Harun kepada Awang Sonadey Abdul Jalil dari Pasukan Daerah Temburong menjuarai acara perseorangan lebuah raya.



SEMANGAT KESUKANAN ... Kelihatan pemenang pingat emas Pasukan Polis Diraja Brunei dan pingat perak dari Daerah Brunei dan Muara bagi acara 4 x 400 meter lelaki merasa megah dengan pingat kemenangan masing-masing.

Oleh  
Abu Bakar HAR

## Acara rejam lembing: JEAN MERBAI CIPTA REKOD BARU

BERAKAS, 28 Mac. - Atlet berusia 19 tahun yang berasal dari Ulu Daerah Tutong, Jean Merbai Biju merupakan satu-satunya atlet yang berjaya mencipta rekod kebangsaan selama berlangsungnya Pesta Sukan Kebangsaan (PSK) Ke-6 tahun ini.

Beliau yang beraksi acara rejam lembing berjaya memecahkan rekod kebangsaan lama yang diciptanya sendiri sewaktu menyertai SUKMA di Sabah tahun lalu dengan catatan 55.82 kepada 57.20 meter.

Beliau yang pada mulanya merasa sedikit kecewa setelah sasarannya kepada 60 meter tidak tercapai namun hanya berpuas hati dengan pencapaian setakat ini.

Beliau yang akan bertanding di Sukan Arafura akan terus menjalani latihan di bawah bimbingan jurulatihnya, Dayang Tea Ai Seng bersama rakan sepasukannya Lim Chy Chyuan yang juga pemenang pingat perak dengan catatan 50.01 meter sebagai persiapan permulaan penyertaan ke Sukan SEA yang akan datang dengan azam sasaran 60 meter tersebut akan dapat dicapainya sedikit masa nanti.

Sementara dalam acara yang sama bagi wanita, pingat emas dimenangi

oleh Nurhashima Abdullah dari Daerah Temburong dengan catatan 26.44 meter dan diikuti oleh Tong Sing dan Hin Chua Ling bagi pingat perak dan gangsa.

Kehadiran Salam Sigar yang pernah menyerlah dalam acara trek dan padang suatu masa dulu menyerikan acara lompat tinggi sekali gus mengutip pingat emas bagi Daerah Temburong dengan lompatan 1.75 meter diikuti oleh atlet Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pengiran Razak dengan lompatan 1.70 meter.

Namun kemunculan semula atlet wanita yang pernah mewakili negara dalam acara padang, Tea Ai Seng sememangnya tidak diragukan lagi setelah berjaya mengutip pingat emas bagi kedua-dua acara yang disertainya, lempar cakera dengan catatan 26.77 meter dan buang peluru 9.52 meter.

Manakala bagi acara lempar cakera lelaki, pingat emas dikutip oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) dengan catatan 36.65 meter melalui

Ampuan Kifli; pingat perak oleh peserta Daerah Brunei dan Muara (DBM) melalui Pengiran Azizul Akbar dengan lemparan 36.09 meter dan pingat gangsa mencatatkan 28.56 meter oleh Koperal Roslan dari ABDB.



ATLET HARAPAN ... Jean Merbai Biju (kiri) satu-satunya atlet yang memecah rekod kebangsaan di PSK Ke-6 setelah berjaya mencipta rekod baru bagi acara rejam lembing dan di sebalahnya, Jimmy Ahar yang berjaya mengutip tiga pingat emas di kejohanan tersebut.

Bagi acara buang peluru lelaki pingat emas dikutip oleh Lim Chee Wee dari DBM dengan lontaran 12.68 meter diikuti dengan lemparan 11.36 dan 10.42 yang dibuat oleh atlet PDB, Wan Zulaini dan Ampuan Kipli.

## PDB saingi DBM

Oleh Abu Bakar HAR

BERAKAS, 29 Mac. - Acara trek yang dipertandingkan selama dua hari sempena Pesta Sukan Kebangsaan (PSK) tahun ini memperlihatkan kebangkitan atlet-atlet Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) sekalipun mendapat tentangan dari Pasukan Daerah Brunei dan Muara (DBM) yang sememangnya pasukan pilihan untuk menjuarai acara ini.

PDB yang menguasai acara lelaki khususnya bagi acara 400 meter ke atas sememangnya tidak perlu diragukan lagi apabila menggandingkan dua beradik iaitu Jimmy dan Sefli Ahar yang sukar digugat kedudukan mereka ketika ini.

Jimmy yang meraih pingat emas bagi acara 1,500 meter di SUKMA, Sabah tahun lalu kini membuktikan kepantasannya di negara sendiri membantu pasukannya mengutip tiga pingat emas melalui acara lari 400 meter perseorangan, 4 x 400 meter dan 800 meter, manakala abangnya Sefli mengutip dua pingat emas melalui acara jarak jauh iaitu 1,500 meter dan 5,000 meter.

Begitu juga dengan kehadiran Alinawaty yang berjaya mengutip tiga pingat emas bagi acara lompat jauh, lari 200 dan 400 meter di samping satu pingat emas melalui acara 100 meter lari berpagar dikutip melalui Juliana.

Namun begitu, pasukan lain yang dianggap sebagai pasukan bukan pilihan umpamanya Daerah Belait pada tahun ini

telah menguasai bagi acara utama iaitu lari pecut 100 meter dengan mencatat masa 10.82 saat melalui Maqnum Wahab dan diikuti oleh peserta Daerah Brunei dan Muara (DBM) yang mengutip pingat perak dan gangsa melalui Haseri Asli dan Shahjohan yang masing-masing mencatat masa 11.00 saat dan 11.01 saat.

Bagaimanapun DBM yang menampilkan atlet-atlet muda memerlukan asuhan dan bimbingan secukupnya setelah menampilkan prestasi yang sangat baik umpamanya, pelari 1,500 meter wanita, Nurzyenny yang mengutip pingat emas di pesta ini dengan catatan 5':31":1 saat dan pelari 3,000 meter wanita, Jenny Tan Peng Ling yang mencatat 12':41":6 saat, di samping dua orang pelari pecut wanita 100 meter iaitu Nursari Hafizah dan Yvone Lim Hui Chen yang masing-masing mencatat masa terpanjang iaitu 12.92 saat dan 13.94 saat.

Selain itu pelari-pelari dari Daerah Temburong yang kurang diberi tumpuan cuba mengejutkan pelari lain apabila dua pelarinya Kamaludin Tujoh berjaya menguasai acara 400 meter lari berpagar dengan masa 1':02":05 saat dan Chester Johnny Tan dengan mudah menguasai acara lari 110 meter berpagar dengan catatan 15.8 saat.

ARENA SUKAN

# DBM kuasai emas bola keranjang

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Mac. - Daerah Brunei dan Muara (DBM) menguasai sepenuhnya gelanggang bola keranjang Pesta Sukan Kebangsaan tahun ini setelah mencatatkan kemenangan bagi acara lelaki dan wanita sekaligus menambah kutipan pingat emas untuk kontinjen.

Perlawanan yang berlangsung di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Chung Hwa di ibu negara itu menyaksikan penampilan bakat-bakat baru dan muda yang jika diberi asuhan setentunya mencirikan lagi mutu sukan ini di masa akan datang khususnya dalam penyerapan pemain-pemain kebangsaan.

Perlawanan yang dianggap sebagai batu loncatan bagi Persatuan Bola Keranjang Negara Brunei Darussalam untuk mengukur mutu permainan di samping sebagai kemudahan bagi mereka untuk membuat pemilihan ke atas pemain-pemain yang berpotensi untuk diserapkan dalam pasukan kebangsaan terutama dalam persediaan sukan yang akan datang.

Perkara itu diakui oleh Jurulatih Pasukan Bola Keranjang yang berasal

dari Republik Filipina, Bennet Palad yang sama-sama menyaksikan perlawanan akhir merebut pingat emas dan perak antara pasukan DBM menentang pasukan Daerah Temburong.

Katanya, pesta sukan yang diadakan itu merupakan langkah yang baik dalam mengembangmaju sukan di negara.

Menyentuh sukan bola keranjang, beliau menyatakan inilah masanya bagi kita dapat menyaksikan kebolehan dan keupayaan pemain dari pelbagai pasukan yang berpotensi untuk diserapkan dalam pasukan kebangsaan.

Jelasnya, selama berlangsungnya sukan itu beberapa orang pemain dari pelbagai pasukan telah memikat hati beliau untuk diserapkan sebagai pemain kebangsaan kerana kebo-

lehan dan keupayaan mereka dalam bermain, di samping faktor-faktor lain.

Persaingan sengit antara kedua-dua pasukan di peringkat akhir menyaksikan kebolehan dan kelebihan pasukan masing-masing. Pasukan DBM yang kebanyakan terdiri pemain-pemain skim dan pemain kebangsaan tetap diberi saingan hebat sehingga di akhir perlawanan dengan kesudahan 72 - 61.

Pasukan Daerah Temburong yang nampaknya tertekan dalam masa suku pertama dan kedua setelah ketinggalan 34 - 24 bangkit di suku ketiga dengan membuat strategi baru, disamping serangan mengejut sehingga mampu mengikat kedudukan dengan kiraan mata 50 - 42.

Namun dengan ketangkasan beberapa pemain DBM seperti Goh Kiat Chn

dan Goh Boon Tiong, di samping bantuan arahan di luar gelanggang memudahkan mereka mengatur strategi baru selain mengambil kesempatan dari kelemahan pihak lawan yang sering membuat kesilapan terutama hantaran bola dan jaringan yang kurang menepati sasaran.

Pasukan Daerah Belait telah berjaya mengutip pingat gangsa setelah berjaya menundukkan pasukan Daerah Tutong perlawanan awal malam itu dengan kiraan 80 berbalas 59.

Sementara pada perlawanan akhir yang berlangsung semalam bagi acara wanita, pasukan DBM telah membuktikan keunggulannya mengutip pingat emas setelah berjaya menewaskan pasukan Daerah Tutong dan diikuti pingat gangsa oleh Daerah Temburong.



Oleh Abu Bakar HAR

# Mudah gondol pingat emas

GADONG, - Jaguh acara ping pong negara, Foo Su Shan telah menghadapi laluan sukar membolot pingat emas perlawanan akhir ping pong Pesta Sukan Kebangsaan (PSK) Ke-6 di Kompleks Sukan Mengliat, 27 Mac lalu.

Oleh Samle HJ

tup ruang pencabarnya, Stephanie Liew, peserta Daerah Brunei dan Muara (DBM).

Kemudian, juara Piala Presiden 2002 dan Pesta Sukan Remaja tahun lalu membuktikan kehebatannya dalam set terakhir dengan 11 - 3 untuk kembali sebagai jaguh ping pong perseorangan wanita.



STEPHANIE Liew, peserta Daerah Brunei dan Muara jaguh ping pong perseorangan wanita. - Gambar oleh Hamadi HM.

Ketika peserta Daerah Belait membolot emas, Hew Bing Vie pula hadir membalut kedukaan rakannya apabila berjaya menjinakkan Tan To Ming, dari Kuala Belait dengan kiraan 4 - 2.

Sekalipun menerima kejutan pada set pertama 8 - 11, Hew bijak menguasai gelanggang sehingga bangkit untuk menyamakan kedudukan 11 - 8 di set kedua sekalipun tersentak lagi pada set seterusnya 6 - 11.

Namun, aksi berhati-hati Hew akhirnya merangkap rentak Tan pada dua set terakhir sekali gus mengukir kemenangan 11 - 5 dan 11 - 4.

Rakannya, Ak. Mohd. Sufian pula berpuas hati di tempat ketiga untuk menyumbang pingat gangsa kepada skuad DBM selepas mengalahkan Chee Wei Onn.

Skuad ping pong Kuala Belait bagaimanapun cemerlang untuk kembali merampas pingat emas dalam acara kumpulan selepas menewaskan pasukan DBM 4 - 2.

Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) pula merebut pingat gangsa apabila menundukkan pasukan ABDB.



BALAS SERANGAN ... Kelihatan seorang pemain bola tampar Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) cuba menghantar bola kepada pasukan Daerah Belait bagi menentukan pingat gangsa yang dimenangi oleh pasukan ABDB dengan kiraan 2 - 0.

# Pasukan PDB lalui saingan getir rebut emas

lelaki dikutip oleh pasukan Daerah Belait.

Menyentuh mengenai persembahan mutu perlawanan di sepanjang PSK Ke-6, Jurulatih Kebangsaan, Awang Zaini bin Haji Maidin menjelaskan bahawa mutu permainan bola tampar di PSK tahun ini kurang menyerlah memandangkan ianya baru dikembangkan sejak tahun lalu.

Bagaimanapun hasil dari usaha itu menyaksikan kehadiran pemain-pemain muda dalam sukan tersebut yang memerlukan pembaikan atau sesi latihan mahupun skim.

Perancangan masa depan, pihak persatuan katanya telah mengatur pelbagai rancangan seperti skim bakat khusus bagi sekolah-sekolah rendah

dan menengah dan skim pemain kebangsaan.

Untuk mengekalkan bakat-bakat muda kekal dalam sukan ini, Persatuan Bola Tampar jelasnya telah merancang beberapa kejohanan yang mengandungi tiga peringkat di mana hasil dari kejohanan itu nanti pihak persatuan akan memilih pemain-pemain

yang berkeupayaan untuk diserapkan ke peringkat kebangsaan.

Penglibatan orang ramai khususnya remaja yang ingin menceburkan dalam sukan itu Persatuan Bola Tampar mengalualukan kepada yang berminat untuk menyertai skim yang akan dibukakan kemudian.

# Chung Kwei Ming kutip pingat emas kedua

Oleh Abu Bakar HAR

CHUNG Kwei Ming merebut kejuaraan acara kriterium dalam Pesta Sukan Kebangsaan (PSK) Ke-6 kerana berjaya mengutip pingat emas kedua peribadinya yang di luar jangkaan.

Kemenangan beliau dalam acara ini yang disertai oleh 17 orang pelumba memang di luar dugaan, kerana peserta veteran yang sememangnya diramal menang ternyata meleset dengan hanya berpuas hati di tempat keempat.

Chung Kwei Ming dari Kontinjen Polis Diraja Brunei (PDB) memperolehi 32 mata untuk mengutip pingat emas; kedua, Arifin Hassim kontinjen Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, (ABDB) dengan 16 mata mendapat perak dan ketiga, Haji Hairman Haji Jumat 10 mata mengutip gangsa mewakili kontinjen.

Peserta harapan Adullah Asgar hanya berpuas hati di tempat keempat dengan hanya mengutip enam mata yang diramal memenangi acara kegemarannya.

Sedikit kemalangan terjadi di perlumbaan itu yang

diadakan Stadium Negara Hassanal Bolkhiah, Berakas pada 28 Mac lepas ketika memasuki pusingan kelapan melibatkan empat peserta iaitu tiga dari Belait dan seorang pelumba Tutong.

Kesemua mereka tidak dapat meneruskan perlumbaan memandangkan kecederaan yang dialami, manakala hanya lapan pelumba berjaya menamatkan perlumbaan sebanyak 25 pusingan sejauh 80 kilometer.

Pingat kemenangan disampaikan oleh tetamu kehormat Timbalan Pasuruhjaya Polis Diraja Brunei, Pengiran Ahmad bin Pengiran Haji Damit.

Pada 29 Mac berlangsung acara lebih raya 140 kilometer yang bermula dan berakhir di Stadium Negara Hassanal Bolkhiah yang dijangka melibatkan hampir 60 pelumba bagi kategori perseorangan dan berpasukan.

ARENA SUKAN

# K'jaan berikan sokongan ke arah perkembangan Sukan Wushu



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain merasmikan Persekutuan Wushu Negara Brunei Darussalam. - Gambar oleh Hamadi HM.



SEORANG ahli Persekutuan Wushu ketika mempersembahkan Sukan Wushu. - Gambar oleh Hamadi HM.

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 Mac. - Kerajaan dengan keupayaan yang ada melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) akan berterusan memberi sokongan ke arah perkembangan Sukan Wushu di negara ini, kata Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Katanya, adalah sangat penting kepada kepimpinan persekutuan itu untuk menyediakan keutamaannya yang realistik dan perancangannya supaya tidak menghampakan bukan hanya kepada ahli-ahlinya malah kepada pencinta seni mempertahankan diri di negara ini.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain berkata demikian ketika berucap di Majlis Penubuhan Persekutuan Wushu Negara Brunei Darussalam di Sekolah Menengah Chung Hwa di sini.

Menurut Yang Berhormat, di peringkat awal ini penekanan seharusnya diberikan kepada promosi sukan itu di semua aspek.

Ini kerana tambahnya, sukan tersebut bukan hanya dipromosikan sebagai

'sukan untuk cemerlang' malah yang lebih penting ialah 'sukan untuk semua'.

"Sebagai satu persekutuan yang muda, kepentingan sepatutnya ditempatkan kepada keseluruhan promosi bagi sukan itu lebih dahulu dan ke arah kepopularitannya di kalangan masyarakat ramai di negara ini," ujar beliau.

Sukan Wushu adalah sukan baru di negara ini di sebalik kewujudannya yang sudah lama di Asia malah sudah lama diterima di Sukan Asia dan Sukan SEA.

Di negara ini penubuhan Persekutuan Wushu Negara Brunei Darussalam diterajui oleh Awang Ang Swee Chuau sebagai Yang Dipertua; Timbalan Yang Dipertua, Awang Lau Shiew Yuen manakala empat orang Naib Yang Dipertua terdiri Awang Goh Kim Tiam, Lim Kee Soon, Wong Ming Ching dan Soon Seng Lee.

Setiausaha Agung ialah Awang Lim Boon Hwa, sementara Leong Seong Cheong menjadi Bendahari dan Wong Chia Sheng dilantik sebagai Pegawai Penyelidik Sukan Wushu.

Sebagai persediaan awal, persekutuan itu akan memi-

lih beberapa orang ahlinya yang terdiri dari atlet untuk menjalani latihan di bawah bimbingan jurulatih Awang

Chen Nianen dari China bagi menyertai Sukan SEA Ke-22 di Viet Nam penghujung tahun ini.

Oleh  
Abdullah Asgar



AHLI-AHLI Persekutuan Wushu Negara Brunei Darussalam membaca Ikrar Persekutuan Wushu di Majlis Perasmian persekutuan itu yang berlangsung di Sekolah Menengah Chung Hwa. - Gambar oleh Hamadi HM.

## TUTONG RANGKUL EMAS

Oleh  
Abu Bakar HAR

BERAKAS, 29 Mac. - Jaringan kontroversi Surat Gumbang memastikan kemenangan pasukan hoki wanita Daerah Tutong mengutip pingat emas menyingkirkan anak didik Brandai Dadong di perlawanan akhir hoki Pesta Sukan Kebangsaan (PSK) Ke-6 tahun ini.

Daerah Tutong yang membariskan beberapa pemain pengalaman seperti Suraya dan Faridah merupakan nadi penggerak utama dalam pasukan ini setelah terikat tanpa jaringan dalam masa 70 minit.

Di sepanjang permainan kedua-dua pasukan telah mempamerkan semangat sukan yang tinggi sekalipun mutu permainan mereka belumlah dapat menyaingi kehebatan pemain-pemain luar negara seperti Malaysia.

Surat Gumbang yang bertugas sebagai Jururawat di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) menjadi wira pasukan Daerah Tutong melahirkan kegembiraannya sejurus selepas berakhirnya perlawanan menyatakan kunci kejayaan mereka adalah persefahaman dan kerjasama antara satu sama lain.

Sebaliknya pasukan Daerah Brunei dan Muara (DBM) yang membariskan pemain-pemain muda nampak kecewa di akhir perlawanan, namun tindakan pantas dari jurulatih mereka memberi kata-kata perangsang memadamkan kekecewaan mereka itu.

Sememangnya faktor kekalahan itu berpunca daripada kurangnya pengalaman dan pendedahan para pemain dan jelas di perlawanan akhir membuktikan kekurangan-kekurangan yang ada pada mereka

memerlukan pembaikan sama ada dari segi latihan mental mahupun fizikal.

Faktor kurangnya pengalaman pasukan Daerah Brunei dan Muara ini juga diakui oleh Jurulatih Hoki kebangsaan, Brandai Dadong namun beliau sendiri berpuas hati dengan persembahan yang dicapai oleh anak buahnya sejak bermulanya PSK ini sekalipun mendapat pingat perak.

Kekalahan di peringkat kebangsaan akan mendorong anak buahnya untuk mengikut terus latihan-latihan yang akan datang, di samping mempelajari dan memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada pada anak buahnya.

Sementara pemenang pingat gangsa disandang oleh pasukan Daerah Temburong setelah menewaskan pasukan Daerah Belait.

Dalam pada itu di perlawanan akhir hoki lelaki, pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah berjaya menumpaskan pasukan Daerah Temburong melalui jaringan emas setelah kedua-dua pasukan terikat tanpa jaringan.

Manakala dalam perlawanan bagi merebut pingat gangsa pasukan Daerah Brunei dan Muara mudah membalas pasukan Belait dengan jaringan 5 - 1.

# Pengiran Anak Hasnan rangkul emas

Oleh  
Abu Bakar HAR

BERAKAS, 29 Mac. - Pengiran Anak Hasnan dari Daerah Brunei-Muara (DBM) muncul pemenang pingat emas bagi acara skuasy setelah menewaskan Saiful Rizal dari Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) di perlawanan akhir bagi acara perseorangan.

Saiful Rizal yang sememangnya memberi tentangan sengit kepada Pengiran Anak Hasnan terpaksa akur dengan ketangkasan setelah bermain dalam empat set dengan kiraan 9 - 7, 10 - 8, 4 - 9 dan 9 - 4.

Sementara pingat gangsa dikutip oleh pemain dari DBM melalui Ak. Khairul Amin setelah menewaskan pemain ABDB, Husaini dengan kiraan 9 - 2, 9 - 1 dan 8 - 1.

Manakala bagi acara berpasukan, DBM yang menjadi pasukan pilihan tewas di tangan ABDB di perlawanan akhir sekali gus mengutip pingat perak, sementara pingat gangsa dikutip oleh pasukan Tutong.

"Perlawanan yang sememangnya dikuasai oleh

yang lebih baik di mana sejak tahun 1999 atlet-atlet skuasy di negara ini tidak lagi didedahkan dengan perlawanan ke luar negara yang mana menurut beliau dengan pendedahan itu akan dapat mengukur setakat mana kemampuan mereka.

Atlet-atlet muda yang dijangka menyerlah jika mendapat pendedahan secukupnya dan perhatian dari pelbagai pihak ialah Pg. Anak Hasnan, Ak. Khairul Amin, Saiful Rizal dan Saiful Haris.



JUARA ... Pasukan hoki wanita Daerah Tutong meraikan kemenangan mereka setelah menjuarai hoki wanita PSK menewaskan pasukan dari Daerah Brunei dan Muara melalui jaringan emas.

# Berangkat ke Republik Indonesia

Oleh Sahari Akim


BERAKAS, 7 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Republik Indonesia bagi lawatan negara selama 4 hari.

Berangkat ke lapangan terbang bagi mengucapkan selamat berlepas ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Juga berada di lapangan terbang Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis-majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Datuk Bandar London, Yang Amat Berhormat Alderman Gavyn Arthur. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menadah tangan ketika doa dibacakan oleh Mufti Kerajaan sejurus sebelum berangkat ke Republik Indonesia. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO.



# Berkenan menerima mengadap Datuk Bandar London

Oleh Aliddin HM

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Datuk Bandar London, Yang Amat Berhormat Alderman Gavyn Arthur yang berlangsung di Istana Nurul Iman di sini.

Yang Amat Berhormat diiringi oleh Lady Mayoress, Miss Carole Blackshaw dan Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Andrew Caie.

Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di

Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng hadir sama di Majlis Mengadap itu.

Datuk Bandar London berada di negara ini dalam

rangka lawatan selama lima hari.

Semasa berada di sini, Yang Amat Berhormat dan rombongan akan membuat kunjungan muhibah kepada Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, para pegawai tinggi yang berkaitan dasar ekonomi, kewangan dan pelaburan.

Yang Amat Berhormat dan rombongan juga dijadualkan menemui Ketua Hakim, Haji Mohammed Saied dan Peguam Negara, Dato Paduka Haji Kifrawi bagi mengadakan perbincangan khas Meja Bulat mengenai isu perundangan di Negara Brunei Darussalam yang akan dipengerusikan oleh wakil Persatuan Peguam, Hugh Mc-Dermott.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea yang baru ke negara ini, Tuan Yang Terutama Kim Woong-Nam.

# TAP ISYTIHARKAN DIVIDEN KADAR 3 PERATUS, 2002

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 April. - Pengerusi Lembaga Tabung Amanah Pekerja, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Mohamed Yusof mengumumkan hari ini bahawa Lembaga Pengarah Tabung Amanah Pekerja (TAP) dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengisytiharkan dividen pada kadar tiga peratus untuk tahun 2002 berdasarkan pendapatan terkumpul berjumlah kira-kira B\$31,881,480.26.

Dividen terkumpul pada tahun 2002 itu telah pun dikreditkan ke dalam akaun ahli-ahli pada 3 April 2003 yang lalu dan Penyata Akaun Ahli akan dikirimkan kepada setiap ahli dalam masa terdekat dari sekarang. Namun demikian, ahli-ahli yang berhasrat untuk memperoleh maklumat mengenai akaun mereka bolehlah berhubung secara bertulis, berhubung ke mana-mana pejabat TAP sewaktu pejabat dibuka bagi menggunakan 'kiosk-e-info TAP' atau dan mendapatkan cetakan Penyata mereka.

Jumlah kesemua dividen yang dibayar kepada 74,545 ahli pada tahun 2002 ialah \$16,964,920.02 berbanding dengan \$13,597,242.95 pada tahun 2001 untuk 69,945 ahli.

Justeru itu walaupun dalam keadaan iklim kewangan yang rumit dan jumlah ahli yang semakin meningkat, TAP masih mampu membayar kadar dividen yang sama seperti di tahun 2001. Dividen pada kadar tiga peratus ini jika dilihat dari latar belakang kadar inflasi dan kadar faedah pada masa ini yang masih di tahap yang rendah menggambarkan bahawa nilai simpanan para pencari-masih berjaya dilindungi dan ditambah nilai.

Sebagai sebuah agensi keselamatan sosial bagi faedah persaraan ahli, TAP akan meneruskan strategi pelaburan yang berhemat dan komited dalam menjaga serta meningkatkan nilai simpanan ahlinya, insya-Allah.

# DPMM menerima mengadap Duta Besar Republik Korea

Oleh Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 April. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah hari ini berkenan menerima mengadap Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam yang baru di Istana Nurul Iman.

Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Kim Woong-Nam yang baru memulakan tugasnya sebagai Duta Besar Istimewa dan Mutlak negaranya di negara ini.

TYT minggu lalu telah pun menyampaikan wati-

keh perliantannya sebagai Duta Besar Republik Korea yang baru ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sebelum berkhidmat ke negara ini, TYT pernah berkhidmat sebagai 'Menteri' (Timbalan Duta) di Kedutaan Besar Republik Korea yang berpejabat di Jakarta, Republik Indonesia.

Hubungan Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea bukan hanya terikat melalui hubungan diplomatik malah kedua-dua negara merupakan rakan dialog dalam ASEAN-Korea dan kedua-dua negara menganggotai

Pertubuhan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Bagi Republik Korea, Negara Brunei Darussalam juga merupakan pembekal utama gas kepada beberapa buah syarikat gergasi utamanya dan Republik Korea juga mengeksport produk kereta yang digunakan secara meluas di negara ini selain barangan elektronik dan elektronik buatan negara itu yang juga mendapat sambutan masyarakat di sini.

Di samping itu dalam bidang sukan beberapa orang jurulatih juga telah dikontrak oleh persatuan sukan di negara ini untuk memberi bimbingan kepada para atlet negara.

Hadir di majlis itu ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya.

## SAMBUTAN MAULUD NABI S.A.W

DIMAKLUMKAN kepada umat Islam di negara ini bahawa Urusetia Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama akan mengadakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallamu bagi tahun 1424 Hijrah yang mana acara kemuncaknya ialah perhimpunan dan perarakan yang akan diadakan di Taman Hari Sir Muda Omar

'Ali Saifuddin, pada hari Rabu 12 Rabiulawal 1424/14 Mei 2003.

Borang-borang penyer-taan boleh diperolehi daripada:

Urusetia Perayaan Hari-hari Kebesaran Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.

**TINGKATKAN KEWASPADAAN MENANGANI JANGKITAN WABAK SARS**

BERAKAS, 3 April. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain berkata, bagi mengemaskinikan daftar fakir miskin agar lebih bersistematik dan sempurna pihaknya melalui Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) telah memperkenalkan tiga bahagian borang mengikut warna untuk diisi oleh pemohon fakir miskin.

Borang-borang itu ialah borang berwarna putih adalah bagi orang-orang yang namanya belum termasuk dalam daftar fakir miskin di Kementerian Hal Ehwal Ugama, warna kalas pula bagi fakir miskin yang namanya termasuk dalam daftar berkenaan, sama ada mereka itu menerima bantuan bulanan seperti kewangan, makanan asasi, bayaran sewa rumah dan lain-lain.

Manakala warna kuning bagi penerima-penerima bantuan menjelang Hari Raya dan akhir tahun sahaja, bukan penerima bantuan bulanan.

Perkara itu dijelaskan oleh Yang Berhormat di Majlis Perjumpaan Dengan Amil-amil Seluruh Negara mengenai projek mengemaskinikan Senarai Fakir Miskin MUIB berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah di sini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan keperluan bagi mengemaskinikan daftar fakir miskin adalah disebabkan beberapa perkara iaitu akhir-akhir ini terdapat dalam surat-surat khabar tempatan mengenai berita orang-orang yang hidup dalam kesusahan dalam berbagai-bagai aspek, sama ada kesusahan dari segi perbelanjaan menyara kehidupan keluarga, persekolahan dan tempat tinggal.

Sebab kedua ialah terdapat orang-orang yang menulis surat ke Kementerian Hal Ehwal Ugama dan MUIB bagi memohon bantuan kewangan disebabkan desakan kehidupan dan kesusahan yang dihadapi.

Menurut Yang Berhormat, terdapat sejumlah 3,961 fakir miskin yang berdaftar dari jumlah itu 3,089 adalah ketua keluarga dan 872 tanggungan yang menerima agihan wang zakat yang dibahagikan sebelum menjelang Hari Raya dan akhir tahun Masihi.

"Tujuan pengagihan sebelum Hari Raya itu ialah bagi menepati kehendak syarak supaya fakir miskin tersebut dapat bersama-sama bergembira menyambut kedatangan Hari Raya. Agihan yang kedua pada akhir tahun Masihi adalah bertujuan untuk membantu fakir miskin menyediakan ke-

perluan-keperluan persekolahan anak-anak dan tanggungan mereka yang bersekolah," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat berkata, dari jumlah 3,961 fakir miskin itu terdapat seramai


927 orang iaitu 274 ketua keluarga dan 653 tanggungan yang menerima bantuan bulanan berupa bantuan wang tunai, mahupun bantuan keperluan asasi iaitu barang-barang makanan dan minuman sehari-hari.

Majlis perjumpaan setengah hari bersama para amil dihasrat oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk memberikan penerangan yang lebih jelas mengenai projek mengemaskinikan daftar fakir miskin dan cara-cara per-

laksanaannya. Majlis itu disusuli dengan sesi taklimat kepada amil-amil mengenai pelaksanaan projek mengemaskinikan daftar fakir miskin, di samping memberikan garis panduan kepada amil-amil yang dilantik

dalam mengenal pasti mereka yang berhak dan layak menepati kehendak syarak di mana bantuan yang dihulurkan dapat dimanfaatkan oleh mereka yang layak menerima dengan sebaik-baiknya serta cara-cara perlaksanaannya.

Seramai 233 orang amil daripada 131 kawasan seluruh negara menghadiri majlis perjumpaan tersebut iaitu Brunei dan Muara seramai 155 orang, Belait 22 orang, Tutong 40 orang dan Temburong seramai 16 orang.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain ketika berucap di Majlis Perjumpaan Dengan Amil-amil Seluruh Negara. - Gambar oleh Harun HR.

Oleh Haji Ahmad HS

## Mengemaskinikan daftar fakir miskin secara sistematik

### JAWATANKUASA AGIHAN WANG ZAKAT NILAI SESUATU PERMOHONAN

BERAKAS, 3 April. - Manusia berhajat dan memerlukan enam perkara asasi iaitu perlindungan atau

tempat tinggal, makanan dan minuman, pakaian, perubatan dan kesihatan, pendidikan dan pelajaran

termasuk pengangkutan atau perhubungan. Keenam hajat keperluan yang dijelaskan adalah

menjadi bahan perbincangan dan penilaian Jawatankuasa Mengeluarkan Zakat untuk menimbangankan dan memutuskan sesuatu permohonan.

Perkara itu dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain di Majlis Perjumpaan Dengan Amil-amil Seluruh Negara berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah di sini.

Atas asas-asas itu, kumpulan wang zakat antaranya telah diagihkan kepada fakir miskin meliputi perlindungan dan tempat tinggal, wang zakat yang telah dikeluarkan dalam tahun 2002 berjumlah \$354,159.02, kata Yang Berhormat.

Manakala bantuan makanan dan minuman telah diberikan kepada 77 ke-

uarga fakir miskin dalam tahun yang sama berjumlah \$57,960.00, di samping bantuan-bantuan lain juga diberikan kepada mangsa kebakaran seramai 1,011 orang bagi tahun 2002 meliputi bantuan kewangan, peralatan dan keperluan persekolahan semuanya berjumlah \$141,702.46.

Yang Berhormat menambah, pengagihan juga dilakukan ke atas fakir miskin yang menerima zakat sebelum menjelang Hari Raya dan akhir tahun Masihi 2002 ialah seramai 3,951 orang dengan jumlah zakat dikeluarkan berjumlah \$3,264,850.00.

Di samping itu sepanjang tahun 2002 bantuan juga dihulurkan kepada fakir miskin yang ingin berusaha dalam berbagai-bagai bidang untuk meningkatkan tahap kehidupan mereka termasuk bantuan modal perniagaan, ke-

perluan menangkap ikan, peralatan pertanian, peralatan mesin jahit, peralatan membuat makanan dan peralatan mesin memotong rumput yang berjumlah semuanya \$31,091.00.

Bantuan-bantuan seumpamanya itu dapat mendorong fakir miskin dan keluarga untuk berusaha bagi meningkat dan memperbaiki tahap kehidupan mereka kepada yang lebih baik dan merupakan usaha bagi melepaskan diri dan belenggu kesusahan dan kemiskinan.

"Sehingga kini ada sebahagian mereka mampu memperoleh pendapatan yang agak lumayan dan tidak lagi mengharapkan apa-apa bantuan daripada Majlis Ugama Islam Brunei," jelas Yang Berhormat.

Tidak dapat dinafikan bantuan yang dihulurkan itu ada yang kurang men-

datangkan kesan yang baik kepada penerimanya, kerana tidak dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya, sehingga ada yang tergamak menjual peralatan yang diberikan itu untuk kepentingan yang lain.

Yang Berhormat seterusnya menegaskan bantuan berupa kemudahan dan peralatan sebenarnya menjurus kepada menggalakkan para penerimaanya berusaha dengan titik peluh mereka sendiri, berdikari bagi memperoleh penghasilan dan pendapatan agar menepati kehendak melepaskan diri dari kehidupan yang susah dan menderita.

Sepanjang tahun 2002, kumpulan wang zakat telah dikeluarkan kepada Asnaf Fakir Miskin sahaja berjumlah \$4,542,598.55 tidak termasuk agihan kepada asnaf-asnaf lain iaitu mu'alaf, amil, al-gharimin dan ibni sabil.



AMIL-AMIL yang juga berperanan menjayakan projek mengemaskinikan Senarai Fakir Miskin di negara ini. - Gambar oleh Harun HR.


# Sastera dan Budaya

# سستردان بودايا

**R**ENCANA ini memberi tumpuan mengenai penggunaan kata ganti nama dalam Dialek Melayu Brunei dalam situasi keluarga asas. Penggunaan kata ganti nama dibahasakan dalam keluarga asas. Dalam lingkungan keluarga asas, penggunaan kata ganti nama dilihat dengan cara penggunaan kata ganti nama melalui panggilan yang dibuat oleh suami isteri, ibu dengan anak, bapa dengan anak atau sebaliknya dan juga antara adik-beradik. Penggunaan sesuatu kata ganti nama dalam Dialek Melayu Brunei seharusnya betul iaitu sesuai dengan nilai kemelayuan masyarakat Brunei itu sendiri. Lebih-lebih lagi sesuai dengan nilai sopan santun, hormat-menghormati dan adat resam masyarakat Melayu Brunei.

## DEFINISI KELUARGA ASAS

Menurut Norazit Selat (1989 : 59), keluarga asas mengandungi sepasang suami isteri dan anak-anak mereka yang lebih dikenali sebagai dua generasi. Menurutnyanya lagi (1989 : 113) bahawa rajah sebuah keluarga asas adalah seperti berikut: (Ego atau diri sendiri)



## DEFINISI DIALEK MELAYU BRUNEI

Dialek Melayu Brunei adalah dialek sosial yang kedua terpenting di Negara Brunei Darussalam. Dialek Melayu Brunei ialah dialek atau bahasa sehari-hari yang digunakan dalam pertuturan dan perbualan di kalangan orang-orang Melayu Brunei dan antara orang-orang yang berlainan puak di Brunei. Penggunaan Dialek Melayu Brunei adalah dibahasakan dalam situasi yang formal mahupun bukan formal.

## DEFINISI KATA GANTI NAMA

Menurut Asmah Hj. Omar (1980 : 65), kata ganti nama adalah kata yang berdiri di tempat kata nama dan boleh berfungsi pada subjek dan objek dalam ayat yang pada amnya memasuki sistem tertutup. Selain itu juga kata ganti nama boleh dibahagikan kepada tiga subgolongan: ganti nama diri, ganti nama penunjuk dan ganti nama tanya.

Manakala menurut Tatabahasa Dewan (1996 : 103), kata ganti nama diri orang mengandungi perkataan yang merujuk diri orang tertentu, iaitu diri orang pertama, diri orang kedua dan diri orang ketiga seperti yang ditunjukkan di bawah ini:

- (a) Kata ganti nama diri orang pertama:  
Tunggal: saya, aku, beta dan patik,  
Jamak: kami dan kita.
- (b) Kata ganti nama diri orang kedua:  
Tunggal: anda, engkau dan awak.  
Jamak: kamu.
- (c) Kata ganti nama diri orang ketiga: ia, dia, mereka, dan -nya.

Dalam Dialek Melayu Brunei ada terdapat perbezaan. Bentuk-bentuk kata ganti nama diri bagi Dialek Melayu Brunei hanya sebahagian sahaja disebutkan dalam rencana ini yang tertumpu kepada penggunaan kata ganti nama dalam situasi keluarga asas.

Kata ganti nama dalam Dialek Melayu Brunei dibeberapakan kepada tiga jenis iaitu :

- (a) Kata ganti nama diri pertama:  
Tunggal: aku, kadiaku dan nyangku.  
Jamak: kami, kadikami dan katani/kitani.
- (b) Kata ganti nama diri kedua:

# KELUARGA ASAS: PENGUNAAN KATA GANTI NAMA DALAM DIALEK MELAYU BRUNEI

Tunggal: kau, kadikau, kadikita, nyamu/nya'ta dan kita.

Jamak: kamu, kadikamu dan abis kita.

(c) Kata ganti nama diri ketiga:

Tunggal: ia, nya, kadidia dan kadia.

Jamak: abis dia, bisdiurang dan diurang.

## PENGUNAAN KATA GANTI NAMA DALAM SITUASI KELUARGA ASAS

Penggunaan kata ganti nama dalam Dialek Melayu Brunei dalam situasi keluarga asas diujarkan dalam bentuk panggilan. Ini melihat bagaimana bentuk panggilan dibahasakan oleh individu-individu dalam situasi keluarga asas. Cara penggunaan kata ganti nama dilihat melalui panggilan yang dibuat oleh suami dengan isteri atau isteri dengan suami, ibu dengan anak atau anak dengan ibu, bapa dengan anak atau anak dengan bapa dan juga antara adik-beradik iaitu abang, kakak dan adik.

Bentuk panggilan yang dibuat untuk komunikasi oleh anggota-anggota keluarga asas akan menunjukkan bahawa bahasa ada mempunyai nilai kemelayuan masyarakat Melayu Brunei yang termasuk nilai hormat, sopan santun dan adat resam masyarakat Melayu Brunei. Selain itu komunikasi dengan cara yang betul akan menunjukkan sifat dan budi pekerti si penutur.

Ini dapat dijelaskan oleh Nik Safiah (1990 : 93) yang mengatakan bahawa kata ganti diri dititikberatkan dalam sesuatu perbualan kata-kata ganti yang digunakan oleh seseorang itu dapat menggambarkan kedudukannya berbanding dengan orang yang dilawan bercakap dan orang-orang lain yang ada di sekitarnya, sehinggalah melalui penggunaan sesuatu bentuk bahasa orang lain yang mendengar perbualan itu dapat menentukan status atau kedudukan mereka.

Manakala dalam Bahasa Melayu penggunaan kata ganti nama adalah berkait rapat pula dengan bentuk-bentuk panggilan (forms of address). Dari itu bentuk-bentuk panggilan adalah kerana untuk ingin menghormati atau memuliakan seseorang.

Perbincangan seterusnya ialah mengenai bagaimana cara pertuturan yang diujarkan oleh anggota-anggota keluarga asas. Ini akan dilihat melalui panggilan yang dibuat antara suami dengan isteri, ibu dengan anak, bapa dengan anak atau sebaliknya dan juga antara adik-beradik.

### Antara suami isteri atau sebaliknya

Dengan ikatan perkawinan di antara suami isteri dapat lagi mengeratkan hubungan yang erat dan intim. Dalam berbahasa suami dan isteri sering menggunakan kata-kata yang penuh hormat antara satu dengan lain yang menunjukkan hubungan yang lebih erat dan intim. Dari itu penggunaan kata ganti nama diri pertama dan kata ganti nama diri kedua sering digunakan di antara perbualan suami dan isteri. Sebagai contoh:

Suami: "Ikut kadikau bajalan arah mama?"  
(Ikut kau pergi ke tempat emak).

OLEH HAJTEENA H.O.

Isteri: "Kalau arah mama atu tantu ku ikut."  
(Kalau di tempat emak tentu aku ikut).

Suami: "Aku basiap udah ni." (Aku sudah siap).

Isteri: "Nanti dulu bang, telampau bagagas kadikita ani." (Tunggu dulu abang, terlampau cepat kau ini).

Contoh yang diberikan di atas ini jelas menunjukkan bahawa adanya rasa hormat si isteri kepada si suami. Walaupun faktor umur membandingkan antara suami dan isteri tetap juga si isteri hormat kepada suami. Apabila si isteri tidak menggunakan kata-kata itu tadi jelas bahawa si isteri tidak hormat kepada si suami.

Selain itu penggunaan kata ganti nama merujuk kepada suami iaitu abang atau bang juga digunakan.

### Antara ibu dengan anak

Penggunaan kata ganti nama biasa diujarkan di kalangan ibu dengan anaknya adalah berbeza. Perbezaan ini menunjukkan atau menggambarkan status dan rasa hormat kepada mereka yang lebih tua daripada pihak yang dilawan bercakap. Lebih-lebih lagi anak wajib patuh dan hormat kepada ibu. Antara rasa hormat yang penting sekali ialah dari segi perbualan sehari-hari. Seringkali anak menggunakan kata ganti nama kedua tunggal merujuk kepada ibu. Adapun contoh di bawah ini:

Ibu: "Kadiaku kan bajalan dahulu." (Aku hendak berjalan).

Anak: "Aku kan ikut kita." (Aku hendak ikut).

Ini menunjukkan bahawa penggunaan kata ganti nama diri kedua tunggal iaitu kita merujuk kepada ibu. Ini juga memperlihatkan rasa hormat pada ibu. Adalah tidak hormat apabila anak menyebut nama ibu mereka sendiri dan kau apabila dalam perbualan. Adapun kau itu adalah bahasa kasar. Manakala penggunaan kata ganti nama bagi anak menggunakan kata ganti nama diri kedua tunggal iaitu kadikau atau kau. Selain daripada itu penggunaan mama atau ibu digunakan juga.

### Antara bapa dengan anak

Penggunaan kata ganti nama antara bapa dengan anak adalah juga sama tujuannya iaitu adanya rasa hormat kepada orang tua. Adapun cara panggilan bapa memanggil anak adalah seperti;

Bapa: "Ada udah kau buat minuman?"  
(Sudahkah kau membuat minuman?).

Anak: "Kita mahu minuman panas." (Kau mahu minuman panas).

Penggunaan kata ganti nama diri pertama dan kedua tunggal digunakan dalam perbualan ini. Manakala anak yang ingin bercakap dengan bapanya maka seorang anak itu mesti menggunakan bahasa yang sopan. Adalah kurang sopan atau bahasa kasar jika perkataan kau itu merujuk kepada bapa atau disebut namanya. Ada juga di kalangan anak selain menggunakan kita mereka menyebut bapa atau pa.

### Di antara adik-beradik

Dengan melihat perhubungan di antara adik-beradik adalah menunjukkan betapa amat erat-nya hubungan mereka. Adapun perhubungan ini diujarkan oleh perbezaan peringkat umur. Dalam situasi adik-beradik tentu ada yang sulung dan ada yang bungsu iaitu ada abang dan kakak. Tentu sekali adik yang bungsu akan hormat pada kakak atau abangnya. Melalui perhubungan yang erat ini akan menunjukkan penggunaan kata ganti nama diri pertama, kedua dan ketiga.

Dalam perbualan atau pertuturan di antara adik-beradik, si abang atau si kakak boleh menggunakan kata ganti nama diri pertama tunggal aku dan kata ganti diri kedua tunggal kau. Tetapi bagi adik pula ia tetap menggunakan aku bagi dirinya. Namun dia harus menggunakan kita untuk abang dan kakaknya tetapi tidak boleh menggunakan kau. Adapun penggunaan kau untuk abang dan kakak adalah tidak hormat dan juga adalah dikenali bahasa kasar bagi orang Melayu Brunei. Ini dapat dilihat melalui contoh di bawah ini:

Adik: "Kita kan mana?" (Kau hendak ke mana?).

Abang/Kakak: "Bajalan. Kan ikut kau?"  
(Berjalan. Hendak(mempelawa) ikut kau?).

Selain itu penggunaan kata ganti nama merujuk kepada abang atau kakak digunakan seperti kak atau bang.

## KESIMPULAN

Penggunaan kata ganti nama adalah penting penggunaannya dalam Dialek Melayu Brunei. Apabila melihat penggunaan kata ganti nama dalam keluarga asas, jelas menunjukkan adanya penggunaan kata ganti nama berdasarkan faktor umur dan kekeluargaan. Jika tidak menggunakan kata ganti nama dengan betul ini akan menunjukkan bahawa si penutur adalah orang yang tidak tahu berbahasa, kurang sopan dan bahasa yang digunakan itu adalah bahasa kasar.

Jadi tujuan penggunaan kata ganti nama dalam Dialek Melayu Brunei adalah untuk memperlihatkan adanya rasa hormat-menghormati kepada orang yang tua usianya. Dari itu penggunaan kata ganti nama seharusnya dimulailah dari keluarga itu sendiri dan akhirnya ia menjadi satu kebiasaan apabila berada di luar situasi keluarga itu iaitu dalam masyarakat Melayu Brunei.

## RUJUKAN:

- Arbak bin Othman, 1985. Mengajar Tatabahasa, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, 1990. Beberapa Persoalan Sosiolinguistik Bahasa Melayu : Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim dan Rakan-rakan, 1996. Tatabahasa Dewan, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sulaiman Masri, 1989. Inilah Bahasa Baku, Malaysia : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Pengiran Haji Kamaluddin bin Pengiran Haji Md. Said, 1995. 'Nya' Dalam Dialek Melayu Brunei Dalam Dialek Memperkaya Bahasa, Brunei Darussalam : Dewan Bahasa dan Pustaka.

# BERSIHKAN HATI, HINDARI SIFAT KEJI

**M**ARILAH kita sentiasa mempertingkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan bersungguh-sungguh dengan melaksanakan segala apa-apa jua suruhan-Nya dan meninggalkan apa-apa jua larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keredaan dan rahmat Allah Subhanahu Wataala.

Kehidupan di Hari Akhirat merupakan kehidupan yang pasti akan ditempuh oleh manusia. Kebenarannya tidak boleh diragukan lagi kerana berita tersebut telah disampaikan oleh Rasul-rasul terdahulu sehingga kepada Rasul yang terakhir iaitu Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sesungguhnya kehidupan di akhirat adalah kehidupan yang kekal abadi di mana manusia akan ditempatkan sama ada di Syurga atau di Neraka sesuai dengan amalan yang telah mereka lakukan di dunia.

Syurga ialah satu tempat yang penuh dengan kenikmatan, kebahagiaan dan keindahan yang tiada bandingannya dengan seluruh kesenangan yang pernah dinikmati di dunia ini.

Ini adalah tempat khusus bagi hamba-hamba Allah Subhanahu Wataala yang beriman dan bertakwa hanya kepada-Nya.

Manakala Neraka pula adalah tempat abadi bagi mereka yang tidak mahu beriman kepada Allah, ingkar serta suka melakukan perkara maksiat ketika hidup di dunia. Kerana itulah tempat yang paling sesuai buat mereka hanyalah Neraka, tempat yang penuh dengan penyiksaan dan penderitaan serta penyesalan.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Fat-h ayat 17 yang tafsirnya:

*"Dan siapa yang berpaling ingkar akan disiksa-Nya dengan azab yang tidak terperi sakitnya."*

Maka sudah setentunya tempat abadi yang kita inginkan adalah Syurga. Tidak dapat dinafikan semua umat manusia pasti mahukan tempat yang selesa lagi menyenangkan sebagai tempatnya bersenang-

senang di Hari Akhirat nanti.

Ini kerana para penduduk Syurga akan hidup dalam penuh kenikmatan dan kesenangan dengan wajah yang berseri-seri serta akan sentiasa merasa aman dan damai bahkan juga masalah sakit atau menjadi tua dan mati tidak akan timbul kerana perkara tersebut tidak akan terjadi di Syurga.

Betapa bahagianya kehidupan di Syurga, keindahannya dihiasi dengan pohon buah-buahan yang lazat rasanya, sungai yang sentiasa mengalirkan air yang bersih bahkan terdapat juga sungai yang mengalirkan air susu, madu serta khamar yang tidak memabukkan.

Bangunan-bangunan-pula tersergam indah yang diperbuat dari emas dan perak serta dihiasi pula dengan kilauan batu-batu mutiara dan permata. Hampanan permaidani sutera juga turut menghiasi Taman Syurga. Begitu juga dengan kehadiran bidadari-bidadari yang cantik yang

**LANGKAH utama yang wajib kita miliki ialah iman dan takwa serta rasa cinta kepada Allah Subhanahu Wataala. Setelah itu berusaha untuk menjadi seorang Muslim yang sebenar iaitu dengan mentaati segala perintah-perintah-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya dan perbuatan-perbuatan maksiat lagi mungkar.**


disediakan untuk penghuninya.

Sesungguhnya di Syurga terdapat apa yang belum pernah dilihat oleh mata, didengar oleh telinga dan dirasa oleh hati dan jiwa. Itulah dia di antara kenikmatan yang bakal diterima dan dinikmati oleh orang-orang yang beriman dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala.

Perlu kita ingat bahawa setiap kesenangan yang ingin diperolehi perlu ada usaha untuk mendapatkannya kerana ia tidak akan datang sendiri dan terhasil jika kita malas berusaha. Sebagai contoh, orang

yang inginkan kekayaan pasti akan bekerja keras mencari wang demi kesenangannya dalam menjalani kehidupan. Begitu juga keadaannya jika kita inginkan Syurga sebagai tempat tinggal abadi, kita perlu berusaha untuk mendapatkannya.

Langkah utama yang wajib kita miliki ialah iman dan takwa serta rasa cinta kepada Allah Subhanahu Wataala. Setelah itu berusaha untuk menjadi seorang Muslim yang sebenar iaitu dengan mentaati segala perintah-perintah-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya dan perbuatan-perbuatan maksiat lagi mungkar.



Dalam kita melaksanakan kewajipan yang disuruh haruslah kita menunaikan semuanya dan bukannya sebahagian saja mengikut yang disukai.

Sebagai contoh kita menunaikan salat fardu tetapi tidak cukup waktunya seperti Salat Subuh pada masa yang sama meninggalkan kewajipan yang lain seperti tidak membayar zakat harta padahal kita mampu dan telah memenuhi syarat yang wajib zakat harta.

Sesungguhnya kebahagiaan di Syurga jauh lebih indah jika dibandingkan dengan kebahagiaan yang

kita miliki kini. Dari itu rebutlah peluang selagi masih diberi kesempatan.

Terdapat banyak amalan yang dapat membantu kita untuk menempatkan diri di Syurga iaitu setelah kewajipan fardu kita sempurna laksanakan. Kita buatlah perkara yang baik seperti sedekah, wakaf atau ringan tulang dan suka membantu mereka yang memerlukan pertolongan bahkan menjaga hubungan baik silaturahim juga amat digalakkan khasnya di kalangan keluarga, sahabat dan jiran-jiran tetangga kita.

Biarpun begitu jangan pula dalam usaha kita mencari keredaan Allah Subhanahu Wataala kita selitkan sifat-sifat yang tercela yang mana akibatnya boleh mencacatkan ganjaran pahala yang bakal diperolehi. Misalnya bersedekah tetapi jika niat untuk membangga diri atau riak atau menda-

pat pujian maka sia-sialah perbuatan tersebut.

Dari itu bersihkanlah jiwa dan hati kita dari segala macam sifat yang buruk semoga amal ibadat yang kita lakukan mendapat ganjaran pahala seperti yang dikehendaki dan selanjutnya akan dapat menikmati kebahagiaan yang kekal bersama orang-orang yang beriman di Syurga kelak, amin.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Ar-R'ad ayat 35 yang tafsirnya:

*"Sifat Syurga yang dijanjikan kepada orang-orang yang bertakwa itu ialah air sungai-sungainya sentiasa mengalir di sekitar tamannya, makanannya kekal tidak putus-putus dan naungannya sentiasa teduh. Itulah kesudahan usaha orang-orang yang bertakwa sedang kesudahan usaha orang-orang yang kafir pula ialah Neraka."*

## وقت سمبھيخ، امساک، شوروق دان ضحي

وقت ۲ سمبھيخ، امساک، شوروق دان ضحي باگي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رايو، 7 صفر، 1424 برسمان دغن 9 افريل، 2003 هيغك كهاري ثلاث، 13 صفر، 1424 برسمان دغن 15 افريل، 2003 اداله سفرت دجاوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شوروق	ضحى	مسيحي
7	12.24	3.28	6.28	7.38	4.49	4.59	6.16	6.39	الربيل
8	12.23	3.28	6.28	7.38	4.49	4.59	6.16	6.39	
9	12.23	3.29	6.28	7.38	4.48	4.58	6.15	6.39	
10	12.23	3.29	6.28	7.38	4.48	4.58	6.15	6.38	
11	12.23	3.30	6.28	7.38	4.47	4.57	6.14	6.38	
12	12.22	3.30	6.28	7.38	4.47	4.57	6.14	6.37	
13	12.22	3.30	6.28	7.38	4.46	4.56	6.14	6.37	

وقت ۲ سمبھيخ باگي دائره توتوغ ديمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت ديمبه نيگ مينيت، سمبھيخ فرض جعة دملوروه نكارا بروني دارالسلام مولاي دري فوكل 12.45 تھاري.

**PARA penduduk Syurga akan hidup dalam penuh kenikmatan dan kesenangan dengan wajah yang berseri-seri serta akan sentiasa merasa aman dan damai bahkan juga masalah sakit atau menjadi tua dan mati tidak akan timbul kerana perkara tersebut tidak akan terjadi di Syurga.**

**Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'ala Aalihie Wasabihie Waman Walah.**

**APAKAH DIA SEMBAHYANG-SEMBAHYANG YANG DILARANG MELAKUKANNYA ITU?**

**S**EMBAHYANG-SEMBAHYANG yang ditegah melakukannya pada waktu-waktu yang lima ialah sembahyang sunat *Muthlaq* iaitu sembahyang yang tiada mempunyai sebarang sebab seperti sembahyang sunat Tasbeih dan juga sembahyang yang bersebab tetapi sebabnya itu terkemudian. Sembahyang yang sebabnya terkemudian itu ialah seperti sembahyang sunat Ithram dan sembahyang sunat Istikharah. Sebab sembahyang sunat Ithram itu adalah kerana memakai Ithram, ia hanya berlaku setelah melaksanakan sembahyang Ithram dan Istikharah itu pula kerana membuat suatu perkara itu dimulakan selepas sembahyang Istikharah.

Adapun sembahyang yang sebabnya terdahulu daripada sembahyangnya ataupun beringan, maka harus dikerjakan pada waktu-waktu tegahan itu, tidak makruh dan tidak haram. Misa sembahyang-sembahyang berkenaan ialah seperti sembahyang qada sama ada fardu atau sunat, sembahyang Jenazah, sembahyang Istisqak, sembahyang gerhana, sembahyang sunat yang dinazarkan, sembahyang Hari Raya, sembahyang Dhoha, sembahyang sunat Tawaf, sembahyang sunat Wuduk, sembahyang sunat Tahiyatul Masjid, sujud Tilawah dan sujud Syukur dan lain-lain salat yang sebabnya terdahulu.

Sembahyang-sembahyang ini harus untuk dilakukan pada lima-lima waktu dilarang melakukan sembahyang itu berdasarkan hadis Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan Ijmak para ulama.

Menurut sebuah riwayat mengenai dengan peristiwa taubat Ka'ab bin Malik bahawa dia telah melakukan sujud Syukur selepas sembahyang fardu Subuh sebelum lagi terbit matahari.

Menurut sebuah hadis lagi yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda kepada Bilal yang maksudnya:

*"Wahai Bilal! Cuba kau ceritakan kepadaku apakah pekerjaan yang apakah kau harapkan daripada pekerjaan-pekerjaan*

*yang telah kamu lakukan dalam Islam. Sesungguhnya aku mendengar bunyi kasut engkau di hadapanmu di Syurga?"* Bilal berkata: "Aku tidak melakukan suatu pekerjaan yang paling aku harapkan selain aku tidak pernah bersuci sama ada malam atau siang kecuali untuk bersembahyang dengannya, sembahyang yang ditentukan oleh Allah untukku (sembahyang sunat)." (Hadis riwayat Al-Bukhari).

Hadis di atas menjelaskan bahawa sujud Syukur harus dilakukan pada waktu yang terlarang. Begitu juga dengan sembahyang sunat Wuduk setelah bersuci dengan mengambil wuduk sebagaimana yang diamalkan oleh Bilal Radiallahuanhu tidak mengira siang atau malam.

Ini kerana sebab sembahyang sunat wuduk dan sujud Syukur itu adalah sebab yang terdahulu bukan terkemudian. Begitu juga halnya dengan sembahyang-sembahyang lain yang mempunyai sebab yang terdahulu.

**HIKMAH PENGHARAMAN SEMBAHYANG PADA WAKTU-WAKTU BERKENAAN**

Larangan mengerjakan sembahyang pada waktu-waktu berkenaan mempunyai hikmah yang tersendiri.

Waktu ketika matahari terbit, maka terbitnya matahari itu adalah di antara dua tanduk syaitan, lalu orang kafir bersembahyang untuknya. Waktu ketika matahari tergelam (rembang) pula, ketika itulah Neraka Jahannam dimarakkan dan pintu-pintunya dibuka dan waktu ketika matahari hendak terbenam, maka terbenamnya matahari itu adalah di antara dua tanduk syaitan maka orang kafir bersembahyang untuknya. Perkara ini ada dijelaskan di dalam hadis-hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam antaranya hadis daripada Abdullah ash-Shu'abiji bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

# Waktu-waktu yang ditegah melakukan sembahyang



**IRSYAD HUKUM**

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti  
E-mail : mufti@brunet.bn  
Fatwa@brunet.bn

*"Ketika matahari terbit akan disertai oleh syaitan. Jika matahari telah naik, maka syaitan akan meninggalkannya. Apabila matahari tepat berada di tengah (waktu istisqak) maka syaitan akan menyertainya, tetapi jika matahari telah gelincir, maka syaitan akan menjauhinya. Apabila matahari hampir terbenam pula, maka syaitan akan menyertainya dan jika matahari telah terbenam, maka syaitan akan menjauhinya. Di waktu-waktu inilah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melarang seseorang mengerjakan sembahyang." (Hadis riwayat An-Nasaie).*

Sabda Baginda lagi yang maksudnya:

*"Maka sesungguhnya Neraka Jahannam dinyalakan pada waktu tengah hari iaitu ketika matahari berada di tengah-tengah." (Hadis riwayat An-Nasaie).*

Adapun hikmah melarang sembahyang sunat selepas sembahyang Subuh dan Asar bukanlah disebabkan sesuatu yang wujud dalam waktu itu, sebab dari segi hukum waktu itu dihabiskan dengan kewajipan waktu, yang lebih baik daripada sunat yang sebenarnya. (Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh: 1/520).

**LAIN-LAIN WAKTU YANG DITEGAH MELAKUKAN SEMBAHYANG**

Selain daripada waktu-waktu tegahan bersembahyang sebagaimana yang diperjelaskan di atas ada juga beberapa waktu dan keadaan yang juga dilarang sama ada hukumnya makruh atau haram sebagaimana yang akan diuraikan di bawah ini.

**1. KETIKA HENDAK DIRIKAN SEMBAHYANG FARDU**

Makruh memulakan sembahyang sunat selepas muadzdzin memulakan iqamah sembahyang, sama ada sembahyang itu sembahyang sunat rawatib, seperti sembahyang sunat Subuh, Zuhur dan lain-lain. Sama ada dia meyakini yang dia akan sempat mendapat satu rakaat bersama-sama imam atau tidak. (Lihat Al-Majmu': 4/62)

Dalil pendapat ini hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi wasallam, Baginda bersabda yang maksudnya:

*"Apabila sembahyang didirikan, maka tidak boleh dilakukan sembahyang kecuali sembahyang fardu." (Hadis riwayat Imam Muslim).*

Adapun hikmah larangan bersembahyang sunat selepas iqamah dilangkaan ialah supaya seseorang itu sempat bersembahyang fardu bersama-sama dengan imam dari awalnya, iaitu dia boleh memulakan sembahyang beringan dengan imam. Jika dia sibuk dengan sembahyang sunat, dia akan

luput takbiratul ihram bersama-sama imam. Begitu juga dia akan luput beberapa amalan sembahyang yang menyempurnakan fardu. Fardu adalah lebih utama di jaga supaya sempurna. Hikmah lain pula ialah adanya larangan daripada menyalaui imam. (Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh: 1/532).

**2. KETIKA KHATIB BERADA DI ATAS MIMBAR**

Sebaik saja imam duduk di atas mimbar, maka ditegah dan dilarang daripada melakukan sembahyang. Tegahan ini adalah khusus kepada mereka yang telah sedia ada hadir di masjid sedang imam telah pun duduk di atas mimbar.

Berkata Imam An-Nawawi yang maksudnya:

"Berkata Ash-hab Sya'fi'iyah: Apabila imam duduk di atas mimbar adalah ditegah untuk memulakan sembahyang sunat, mereka menaqli bahawa telah ijmak ulama dalam perkara ini. Dan berkata Pengarang al-Hawi: Apabila imam duduk di atas mimbar adalah haram ke atas orang yang berada di dalam masjid untuk memulakan sembahyang sunat, jika waktu itu dia sedang di dalam sembahyang hendaklah dia duduk (berhenti)." (Al-Majmu': 4/472).

Haram mendirikan sembahyang sama ada sembahyang itu sembahyang fardu atau sunat sekalipun qada sembahyang itu wajib disegerakan. Umapamanya orang yang meninggalkan sembahyang Subuh tanpa sebarang uzur, maka haram dia melakukan qada Subuh itu sejak dari waktu dukunya imam itu sekalipun sebelum dia membacakan khutbah. Atau sekalipun dia yakin yang dia boleh selesai dan sempat mengikuti permulaan khutbah, sebagaimana yang telah di'timadkan oleh al-Ramli dalam Fatwanya. (Fathul 'Allam 3/111).

Jika dilakukannya sembahyang pada ketika itu,

**Bilangan 156 Bahagian Kedua**

maka tidaklah sah sembahyangnya walaupun pada ketika imam itu membacakan doa untuk sultan ataupun ketika mengucapkan taraddhi (mengucapkan Radiallahu Anh apabila disebut nama-nama para sahabat) kerana semua itu dikira ada hubungannya dengan khutbah Jum'ah. (Fathul 'Allam : 3/111).

Berkata Ibnu Hajar di dalam Tuhfah yang maksudnya:

"Tidak sah (sembahyang fardu seperti sembahyang qada yang baru dia teringat ketika itu sekalipun wajib disegerakannya atau sembahyang sunat) dan juga tidak sah tawaf dan sujud Tilawah atau Syukur menurut yang zahir pada keduanya (tawaf dan sujud Tilawah atau sujud Syukur) sebab mengambil ilah para ulama mengapa di haramkan sembahyang (selepas imam duduk di atas mimbar) kerana perbuatan itu adalah menghindar atau berpaling daripada (mendingar) khutbah secara keseluruhan." (Hawasyi Syarwani wa Ibn Qasim 'ala At-Tuhfah : 2/457).

Sepertimana di haramkan mendirikan sembahyang pada waktu tersebut, adalah juga di haramkan memanjangkan sembahyangnya. Maka, sesiapa yang pada ketika itu (ketika imam duduk di atas mimbar) dia sedang sembahyang, maka wajib dia mentakhfif (meringankan) atau menyingkatkan sembahyangnya itu. (Fathul 'Allam : 3/112)

Maksud mentakhfifkan sembahyang itu ialah memadai melakukan perkara-perkara yang rukun dan wajib dalam sembahyang sahaja. Ada juga pendapat lain yang mendefinisikan bahawa maksud takhif itu ialah meninggalkan tathwil (memanjangkan) menurut 'urf (ke-

biasaan) dan ini adalah pendapat yang awjah seperti mana dalam syarah ar Ramli. Menurut pendapat ini adalah makruh menambah daripada apa yang wajib sebagaimana yang dikatakan oleh Al-Kurdi sebagai menjaga pendapat yang pertama itu. (Fathul 'Allam : 3/113).

As-Sayyid Abu Bakr menyebatkan sebagaimana yang dinaqalnya daripada perkataan Ibn Qasim bahawa sayugianya jika dia memulakan sembahyang fardu sebelum imam (khatib) duduk di atas mimbar, dan khatib itu duduk sedang dia masih di dalam sembahyangnya, jika sembahyangnya itu tinggal dua rakaat maka harus dia melakukannya (menyempurnakannya) dan wajib dia mentakhfif.

Jika banyak (lebih daripada dua rakaat), maka ditegah melakukannya dan wajib dia memberhentikannya atau menukarkannya menjadi sembahyang sunat dan memadai melakukannya dua rakaat di samping wajib mentakhfifkannya. (Fathul 'Allam : 3/113)

Adapun orang yang baru memasuki masjid sedang imam telah duduk atau berada di atas mimbar membaca khutbah, maka harus yakni sunat selagi tidak ditakuti akan luput bertakbiratul ihram bersama-sama imam sebelum dia duduk. Begitu juga orang telah duduk kerana lupa atau jahil tetapi belum panjang jarak masanya di sunatkan bersembahyang sunat dua rakaat dengan niat tahiyatul masjid. (Hawasyi Syarwani wa Ibn Qasim 'ala at-Tuhfah : 2/457).

Pada pendapat Mazhab Hanafi dan Mazhab Maliki pula, makruh hukumnya melakukan sembahyang tahiyatul masjid pada ketika itu sebagaimana yang dijelaskan oleh pengarang Rahmatul Ummah. (Fathul 'Allam : 3/113).

**BERSAMBUNG**

## WASIAT RASULULLAH KEPADA UMAT ISLAM

**A**L-IMAM Abu Daud dan At-Tirmizi meriwayatkan sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bersumber daripada seorang sahabat, Abu Najih Al-'Irbadi bin Sariah, ia telah berkata :

"Kami telah diberi nasihat oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan sebuah nasihat yang menggerunkan hati dan menyebabkan air mata menitis, maka kami berkata : Nasihat itu seolah-olah nasihat dan ingatan orang yang hendak mengucapkan selamat tinggal. Oleh itu, mohon tuan meninggalkan pesan kepada kami." Lalu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pun bersabda yang bermaksud :

*"Saya berpesan kepada kamu supaya takutkan Allah 'Azza wajalla dengan mentaati perintah-Nya dan larangan-Nya sekalipun kamu diperintah oleh seorang hamba. Sesungguhnya sesiapa yang hidup lama di antara kamu, maka dia akan melihat perancangan dan kemungkaran yang banyak. Maka dari itu, hendaklah kamu berpegang teguh dengan sunnah dan sunnah Khalafa ar-Rasyidin yang mendapat petunjuk sesudahku (dalam perkara I'tiqad, perbuatan dan percakapan), dan peganglah dengan bersungguh-sungguh sunnah mereka itu. Hendaklah kamu menjauhkan diri daripada perjalanan lain selain daripada perjalanan mereka, kerana sesungguhnya setiap perkara yang direka dan diada-adakan (yang bukan berasal dari agama dan menyeleweng daripada perjalanan mereka itu) adalah bid'ah dan tiap-tiap bid'ah itu adalah sesat."*

Hadis tersebut merupakan wasiat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada seluruh umat Islam. Dalam wasiat

tersebut Baginda berpesan supaya umat Islam sentiasa berpegang teguh dengan perintah Allah sambil mengingatkan bahawa pada satu masa akan ada pertentangan yang hebat terhadap agama Islam. Pada masa itu, umat Islam akan berhadapan dengan pelbagai perkara yang bertentangan dengan hukum Islam yang dilakukan secara berleluasa atas nama kebebasan.

Apa yang telah dibimbangkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu nampaknya telah pun menjadi kenyataan. Umat Islam kini berhadapan dengan apa yang dinamakan sebagai ledakan teknologi dan kecanggihan yang tiada batasan. Akibatnya, ada di antara umat Islam yang terpengaruh dan mula meringan-lingankan soal agama semata-mata untuk mengejar kemajuan dan tidak mahu ketinggalan dalam menikmati apa yang dinamakan sebagai keseronokan dan kepuasan hidup. Dari sini timbullah pelbagai gejala sehingga ada yang terperangkap dalam pelbagai bentuk kemaksiatan, keganasan dan yang paling menyedihkan ada yang sanggup menukar akidahNya demi untuk mencapai maksud dan tujuan.

Bagi menghindarkan umat Islam daripada terus terperangkap dengan jajahan pemikiran

yang tidak Islami, maka umat Islam awal-awal lagi diperingatkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam supaya sentiasa berwaspada dan bersiap sedia melengkapkan diri dengan ilmu agama yang boleh didapati dari sumber utama iaitu Al-Quran dan hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam. Walau bagaimanapun kuat pun dugaan yang dihadapi oleh umat Islam, selama berpegang teguh dengan Al-Quran dan hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, insya-Allah umat Islam tidak akan berpecah dan tetap akan bersatu meskipun berlainan bangsa, negara dan warna kulit.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Malik, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud:

*"Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, kamu tidak akan sesat selagi kamu berpegang teguh kepada keduanya, iaitu: Kitab Allah (Al-Quran) dan sunnah Nabi-Nya."*

Al-Quran dan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga adalah rujukan utama umat Islam jika berlaku sebarang pergagahan pendapat. Inilah cara Islam menyelesaikan kekusutan yang berlaku di kalangan umat Islam sesuai dengan firman Allah




Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nisaa', ayat 59, yang tafsirnya:

*"Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan juga kepada Ulil Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam suatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya, jika kamu benar beriman kepada Allah dan Hari Akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya."*

Sama-sama kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala memberikan kita kekuatan serta melindungi dan memelihara kita supaya sentiasa berada dalam landasan yang betul mengikut syariat Islam.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain merasmikan Pusat Bahagia Eric Goh di Jalan Pandan Lima, Kuala Belait. - Gambar oleh Dayangku Hajah Saidah PHOA.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain beramah mesra bersama seorang pelajar Pusat Bahagia Eric Goh. - Gambar oleh Dayangku Hajah Saidah PHOA.

## KERAJAAN ALUKAN SUMBANGAN BANTU MASYARAKAT KURANG BERNASIB BAIK

Oleh  
Dk. Hjh. Saidah PHOA

KUALA BELAIT, 27 Mac. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengalu-alukan kerjasama yang erat dan sumbangan ikhlas dari seluruh lapisan masyarakat di negara ini dalam sama-sama menghulurkan perkhidmatan dan bantuan kepada masyarakat yang kurang bernasib baik.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menambah, dengan bantuan dan keprihatinan seluruh masyarakat terhadap mereka yang kurang bernasib baik, mereka akan terus dapat mengecapi kehidupan yang selesa, baik dan sejahtera serta akan dapat menyumbang kepada pembangunan negara sebagaimana juga masyarakat yang normal.

Berucap di Majlis Penyerahan dan Perasmian Pusat Bahagia Eric Goh kepada Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di Jalan Pandan Lima, Yang Berhormat berharap, pusat itu akan dapat digunakan dengan sebaik-baiknya oleh golongan yang berkeperluan khas di daerah itu bagi memastikan mereka mendapat bimbingan dan latihan dalam keadaan dan suasana yang selesa dan memberangsangkan.

"Keadaan sedemikian ini perlu diwujudkan bagi memastikan kanak-kanak dapat dibimbing dan dididik dengan sempurna," kata Yang Berhormat yang juga berharap langkah yang dibuat oleh Dana Eric Goh di daerah itu akan dapat dilartakan ke daerah-daerah lain oleh dermawan dan badan perniagaan lain yang berhasrat untuk menyumbangkan jasa dan bakti mereka kepada golongan yang kurang upaya di negara ini.

Pusat Bahagia yang

bernilai lebih suku juta ringgit dibiayai sepenuhnya oleh Dana Peribadi Eric Goh Kait Yong yang terbesar yang pernah diterima oleh jabatan tersebut bagi keperluan mereka yang kurang upaya khususnya kanak-kanak cacat di daerah itu.

Oleh itu kata Yang Berhormat, sumbangan tersebut adalah komitmen yang sangat bermakna dari kalangan masyarakat umum khususnya individu atau dermawan dan badan sukarela dalam sama-sama membantu dan menandai keperluan mereka yang kurang upaya di negara ini.

"Langkah positif yang ditunjukkan oleh Dana Peribadi Eric Goh Kiat yang adalah satu langkah yang bijak dan patut dicontohi oleh masyarakat di negara ini yang sememangnya terkenal dengan sifat pengasih, baik hati dan pemuangan negara sebagaimana juga masyarakat yang normal."

Selain itu kata Yang Berhormat, sumbangan tersebut juga berserta bayaran gaji dua orang pekerja, penjaja malam dan pembersih di pusat itu bagi tempoh dua tahun merupakan suatu kemajuan cemerlang dalam sikap pemuduhan orang Brunei ke atas golongan yang memerlukan.

Pusat Bahagia Daerah Belait telah ditubuhkan pada tahun 1983 bertempat di sebuah rumah kerajaan yang terletak di Jalan Piasau. Walau bagaimanapun, pusat itu telah berpindah ke Pusat Belia Kuala Belait pada tahun berikutnya dan dua tahun selepas itu pusat berkenaan berpindah lagi ke rumah kerajaan Kelas 'C' di Jalan Carey.

Oleh kerana perkembangan taman rekreasi yang telah dilaksanakan di kawasan itu, lima tahun kemudian iaitu pada tahun 1991 sekali lagi pusat tersebut berpindah ke rumah kerajaan Kelas 'B' di Jalan Pandan Lima namun disebabkan keadaan bangunan itu tidak lagi sesuai, kurang selamat dan boleh membahayakan kanak-kanak ter-

sebut, pada bulan Ogos 1998 mereka dipindahkan secara sementara ke Bangunan Jabatan-jabatan Kerajaan di Daerah Belait, sementara bangunan yang ada itu dirobohkan pada akhir tahun 2001.

Dalam waktu yang sama, jabatan berkenaan telah berusaha untuk memperbaiki kerosakan bangunan tersebut namun disebabkan usaha membaik pulih kerosakan tersebut memerlukan kos yang terlalu tinggi, jabatan tersebut berusaha untuk mendapatkan derma bagi membina sebuah pusat yang baru.

Dengan keprihatinan dan sikap pemuduhan masyarakat yang sangat tinggi di negara ini khususnya dermawan Goh telah bersejua melalui Dana Peribadi Eric Goh Kait Yong bagi membiayai sepenuhnya pembinaan bangunan baru pusat itu dengan ke-

luasan tapak 0.283 hektar. Majlis perletakan batu asas bangunan itu telah dilakukan pada 4 Mac lepas.

Bangunan pusat itu dilengkapi dengan lapan buah kelas, dapur, bilik staf, bilik komputer, bilik pengetua atau pengajar kanan dan empat tandas. Keramaian pelajarinya pada masa ini 56 orang.

Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Hajah Zaliha binti Haji Mohiddin dalam ucapan alu-aluannya menyeru orang ramai agar akan terus tampil ke hadapan dalam sama-sama membantu pihak kerajaan bagi memberikan perkhidmatan kebajikan masyarakat kepada yang memerlukan dan melaksanakan program serta aktiviti yang boleh membantu mereka yang berkenaan membina kehidupan yang baik dan sejahtera.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Awang Idris bin Haji Belaman menanam sebatang pokok sempena Hari Perhutanan Sedunia dan Perasmian Tapak Perkhidmatan Hutan Simpan Berakas. - Gambar oleh Md. Zul-izli HD.

## Penggubalan Akta Perhutanan kaji semula perundangan, kemaskinikan pentadbiran, penguatkuasaan sumber hutan

Oleh  
Abdullah Asgar

BERAKAS, 21 Mac. - Kerajaan telah meluluskan peruntukan bagi penggubalan Akta Perhutanan melalui Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-8 yang bukan hanya tertumpu pada mengkaji semula perundangan dan peraturan hutan, tetapi juga bagi mengemaskinikan pentadbiran sumber hutan dan penguatkuasaannya.

Penggubalan akta itu juga bagi peningkatan pungutan hasil dari sektor perhutanan yang diharapkan boleh membantu dalam peningkatan Keluaran Dalam Negeri Kasar (GDP) bagi sektor perhutanan.

Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU), Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman menjelaskan ketika berucap di Majlis Pelancaran Hari Perhutanan Sedunia dan Pembukaan Rasmi Tapak Perkhidmatan Hutan Simpan Berakas di sini.

Menurutnya, selain daripada itu, projek yang sedang dan akan dijalankan bagi pembangunan sumber hutan hendaklah juga mengambil kira penajaan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan yang mana akan dapat membantu mengurangkan kadar pengangguran di kalangan penduduk di negara ini.

"Saya difahamkan sudah banyak projek yang berasaskan hutan dijalankan oleh syarikat-syarikat tempatan yang merupakan satu perkembangan yang baik," ujar Dato Paduka.

Menurut beliau, ia juga bukan saja boleh meningkatkan keupayaan dan kewibawaan syarikat tempatan, malah akan dapat memajukan dan menaikkan taraf keupayaan syarikat tempatan.

Dalam hubungan itu tambahnya, adalah disarankan agar projek-projek

kerajaan akan dapat mengutamakan sekali gus dapat mengetengahkan penggunaan produk-produk tempatan bagi mengembangkannya industri yang terlibat.

"Ini bukan saja boleh membantu menjana pasaran tempatan malah boleh meningkatkan keyakinan pengguna kepada produk-produk tempatan yang bermutu tinggi," katanya.

Sumber hutan tropika katanya, yang terdapat di negara ini kaya dengan kepelbagaian tumbuhan semula jadi memerlukan pengembangan dan kaji selidik bagi membongkar rahsia yang terdapat di dalamnya, terutama sekali yang menjurus kepada pengembangan bidang perubatan.

"Sudah terbukti pada masa ini oleh para saintis antarabangsa bahawa sebilangan ubat atau penawar bagi sebilangan penyakit boleh diperolehi hasil dari pemprosesan tumbuhan hutan," ujarnya.

Di samping itu katanya, sumber hutan juga sudah dikenal pasti berpotensi untuk dikembangkannya secara komersil tetapi wajar juga diimbangi dengan pemeliharaan nilai biodiversiti hutan, tanpa mengugut nilai-nilai sosial dan alam sekitar.

"Umpamanya pembangunan industri ekopelancongan dan bioteknologi hutan adalah di antara perkembangan yang dialu-alukan bagi penglibatan perusahaan kecil dan sederhana (SME) sesuai dengan hasrat pemeliharaan dan pengurusan sumber biodiversiti negara," tambahnya.

Tema Hari Perhutanan Sedunia tahun ini ialah 'Hargailah Hutan Kita' merupakan sambutan kali

ke-21 yang bertujuan menyebarkan dunia bagi mengekalkan sumber hutan supaya tidak pupus, akibat eksploitasi hutan yang tidak terbatasi dan terkawal.

Di negara ini penjagaan hutan dilindungi dengan akta dan peraturan yang dibuat oleh kerajaan yang cukup terkawal tetapi tidak dinafikan terdapat juga pembalakan haram secara kecilan, namun dapat juga dikesan oleh pihak berkuasa dan dikenakan dengan tindakan undang-undang.

Menurut anggaran yang dikeluarkan oleh FAO 1990 adalah dianggarkan kerosakan hutan tropika saja ialah pada kadar 4.6 juta hektar setahun atau pada kadar kepupusan 0.6 peratus setahun.

Tetapi di negara ini Jabatan Perhutanan telah mengenakan sistem pembalakan memilih dengan komited pada memperkayakan semula hutan yang telah dibalok.

Supaya stoknya mencukupi bagi pusingan kedua dan seterusnya dengan cara menggiatkan rawatan 'sibikalcar' iaitu dengan memperkayakan stok kayu melalui sistem tanaman jalur, di mana sasaran ialah pada kadar merawat 2,500 hektar setahun.

Selain itu jabatan berkenaan juga giat membangunkan ladang hutan bagi tujuan menghasilkan papan gergaji sebagai punca atau sumber ketiga bekalan kayu selepas bekalan dari hutan asli dan kayu import setakat ini telah membangunkan ladang berkenaan pada kadar 1,000 hektar atas tanah kerajaan dengan spesies yang cepat membesar.

Majlis tersebut diteruskan dengan penanaman anak-anak pokok yang boleh dibalok di masa akan datang yang disertai oleh penuntut-penuntut beberapa buah sekolah menengah di Daerah Brunei dan Muara.

**MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...**

**Pendidikan di sekolah, media masa, kesedaran individu mainkan peranan penting**

**K**EINDAHAN alam semula jadi adalah anugerah Tuhan yang amat tinggi nilainya kepada manusia. Kebersihan alam sekitar dapat menjamin kesihatan dan keharmonian hidup masyarakat dan rakyat sesebuah negara. Agama Islam juga menuntut umatnya agar menitikberatkan kebersihan rohani dan jasmani bagi menajua kehidupan yang bahagia, sihat dan harmoni di muka bumi ini.

Kebersihan merupakan asas yang menyumbang kepada tahap kesihatan yang tinggi. Salah satu daripadanya ialah kebersihan dalam penyediaan makanan. Restoran-restoran dan gerai-gerai seharusnya mementingkan kebersihan semasa menyediakan makanan dan minuman para pelanggannya untuk mengelakkan keracunan makanan.

Tukang-tukang masak, pelayan-pelayan dan kakitangan sesebuah restoran hendaklah memastikan kebersihan diri dan kawasan sekeliling juga amat penting di samping kebersihan semasa penyediaan dan penghidangan pesanan pelanggan. Jika dapur dan bahan-bahan mentah masakan tidak bersih dan ditutup dengan rapi tentunya mengundang binatang-binatang seperti lalat, lipas dan tikus. Binatang-binatang ini sudah dikenal pasti sebagai 'disease carrier' atau pembawa penyakit atau kuman bagi penyakit-penyakit seperti kolera, typhoid dan sebagainya.

Membiarkan air bertakung dalam bekas-bekas yang biasa didapati di kawasan rumah seperti pasu bunga, tin-tin atau botol-botol kosong, tayar buruk, saluran-saluran air, tempurung, bekas perangkap semut, bekas-bekas penyimpanan air dan lain-lain adalah di antara lokasi-lokasi nyamuk bertelur dan membiak. Jika sekiranya Nyamuk Aedes yang membiak di tempat-tempat yang disebutkan tadi sudah tentunya merupakan ancaman yang berbahaya kepada kesihatan kita semua terutamanya anak-anak kecil kerana Nyamuk Aedes pembawa Penyakit Demam Denggi. Oleh itu pastikan tiada tempat untuk nyamuk membiak dengan membersihkan persekitaran sama ada di dalam atau di luar rumah kita.

Di samping itu, membuang sampah sarap sesuka hati ke dalam sungai akan mencemarkan air di perairan negara kita terutamanya bagi mereka yang tinggal di Kampong Ayer. Sampah sarap ini lama kelamaan akan merubah warna air dan juga berbau busuk.

Keadaan sedemikian sudah tentunya mencemarkan pandangan dan kesejahteraan serta mengancam keselamatan dan kesihatan, bukan sahaja penduduk tempatan malah pelancong-pelancong yang berkunjung ke negara ini. Ini juga akan memberikan imej yang buruk kepada negara kita dan secara tidak langsung menjejaskan usaha-usaha kerajaan untuk mengembangkan industri pelancongan di negara kita.

Usaha pihak kerajaan memperkenalkan sistem pembuangan sampah yang teratur bagi Kampong Ayer merupakan langkah positif ke arah mewujudkan alam sekitar yang bersih, udara yang nyaman, masyarakat yang sihat di samping kehidupan yang harmoni dan sejahtera bagi para penduduk Kampong Ayer yang terkenal sebagai 'Venice of The East' akan tetap menjadi tarikan pelancong luar negara dan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk tidak bergantung sepenuhnya kepada hasil minyak dan gas insya-Allah akan tercapai.

Melalui pelajaran sivik di sekolah-sekolah, iklan di radio dan televisyen serta media masa, kesedaran dan sikap setiap individu di negara kita ini dapat disemai agar mementingkan kebersihan dari semua aspek dan dalam setiap masa. Ibarat kata pepatah 'melentur buluh biarlah dari rebung', maka sikap generasi muda hari ini akan tersemat mencintai kebersihan diri bagi mengekalkan kesihatan dan kesejahteraan, seterusnya mencintai alam sekitar yang bersih demi kesinambungan keselamatan generasi kita sambung-bersambung.

**Norhidayati binti Haji Sulong,  
No. 9, Simpang 40-175,  
Kampong Sungai Akar, BC 4115.  
No. k/p : 00-350971**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG**

1. 'Kebersihan Persekitaran Tanggungjawab Kita'. Tarikh tutup 12 April 2003.
2. 'Peranan Ibu Bapa Sangat Penting Dalam Mendidik Anak-anak'. Tarikh tutup 19 April 2003.
3. 'Membenters Masalah Sosial Di Kalangan Remaja dan Pelajar'. Tarikh tutup 26 April 2003.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

**Sidang Penyunting,  
Minda Pembaca,  
Unit Pelita Brunei,  
Jabatan Penerangan,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas,  
Bandar Seri Begawan, BB 3510,  
Negara Brunei Darussalam.  
<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>  
email: [pelita@brunet.bn](mailto:pelita@brunet.bn)**

**MINDA Pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Kebersihan Persekitaran Tanggungjawab Kita'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:**

**Kesedaran masyarakat terhadap kebersihan aset kepada pembangunan negara**

**K**EBERSIHAN persekitaran merupakan tanggungjawab bersama kerana ia mencerminkan kesejahteraan sesebuah negara dan menampakkan keharmonian penduduk dan masyarakatnya. Sikap cintakan kebersihan persekitaran perlu dipupuk dan dipraktikkan kerana alam sekitar merupakan aset semula jadi yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wataala. Justeru itu, masyarakat di negara kita perlu menanamkan sifat cintakan kebersihan bagi merealisasikan dan mewujudkan budaya hidup sihat, selesa dan sejahtera.

Persekitaran bersih yang dilengkapi dengan prasarana-prasarana dan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang memuakan dapat membantu serta mendatangkan keuntungan berlipat-lipat ganda kepada negara kita khususnya bagi menarik pengunjung dari dalam negeri dan luar negeri. Contohnya tempat-tempat perancangan yang menjadi tumpuan para pengunjung dalam keadaan persekitaran yang bersih dengan dilengkapi prasarana-prasarana seperti tempat-tempat riadah, tandas-tandas awam, pondok dan sebagainya. Semua ini tentunya mendatangkan faedah terutama dapat meningkatkan ekopelancongan dan ekonomi negara kita.

Bagi generasi muda kita, mereka haruslah memiliki sifat cintakan kebersihan. Di sini ibu bapa memainkan peranan dalam mendidik anak-anak mereka dalam menjaga kebersihan serta sentiasa mencintainya. Ibu bapa merupakan 'role models' bagi anak-anak mereka. Bak kata pepatah melentur buluh biar dari rebung. Ibu bapa perlu melatih anak-anak mereka serta mendorongnya agar tidak 'camah mata' dan menjadikan kebersihan sebagai sebahagian pengetahuan dalam hidup mereka di masa akan datang. Justeru itu, kebersihan perlulah ditekankan kepada anak-anak kita agar mereka menjadi anak yang cintakan kebersihan dan bukan sebaliknya.

Guru-guru juga memainkan peranan penting dalam

**Kekuatan mengundang penyakit, jejakkan kehidupan kita**

**P**ERSEKITARAN dan setiap makhluk yang hidup di muka bumi ini saling memerlukan satu dengan yang lain, bak kata pepatah seperti aur dengan tebing. Sebagai contoh, manusia dan binatang memerlukan persekitaran yang bersih untuk meneruskan kehidupan yang harmoni, manakala persekitaran pula memerlukan manusia untuk memantau kebersihannya.

Tidak seperti binatang, manusia diberi akal untuk berfikir. Manusia mampu berfikir cara-cara untuk memastikan persekitaran bersih dan boleh menjauhkan diri dari perbuatan yang mengundang pencemaran. Malah kebersihan adalah aspek utama dalam kehidupan kita seharian dan dituntut dalam Islam. Oleh itu, kebersihan persekitaran adalah tanggungjawab kita (manusia).

Jika kebersihan persekitaran tidak dijaga, kita yang menanggung impaknya. Pada tahun 1998 kita telah mengalami masalah jerebu yang teruk hasil daripada pembakaran terbuka yang berleluasa.

Masalah ini membawa kepada malapetaka yang lain seperti kemalangan jalan raya dan peningkatan orang yang menghidap penyakit sesak nafas. Jika pembakaran terbuka berterusan jumlah karbon di udara akan meningkat dan ini akan menjadikan lapisan ozon semakin tipis.

Situasi ini akan mengundang satu lagi penyakit yang menggerunkan iaitu kanser kulit.

Selain itu akibat pembuangan sampah di merata tempat dan sungai-sungai juga akan menyebabkan pencemaran yang boleh menyebarkan penyakit berjangkit seperti malaria dan kolera yang mungkin akan meragut banyak nyawa.

Untuk melaksanakan kewajipan kita iaitu menjaga kebersihan persekitaran, ada beberapa perkara yang harus kita praktikan.

Kebersihan persekitaran termasuklah kebersihan udara, air dan darat (tanah). Tindakan wajar yang harus diambil bagi mendapatkan udara yang bersih lagi segar ialah menggunakan minyak tanpa plumbum.

Selain itu kita hendaklah mengelakkan pembakaran secara terbuka dan tidak membakar bahan-bahan yang mengandungi karbon dan plumbum seperti tin minuman, plastik dan tayar.

Bagi mewujudkan air yang bersih kita bertanggungjawab untuk tidak membuang sampah di sungai-sungai. Selain sampah sarap, sisa-sisa kimia dan toksik dari kilang-kilang juga tidak patut dibuang sesuka hati terutamanya di sungai atau laut kerana perbuatan ini menjejaskan kehidupan laut seperti ikan yang juga menjadi sumber makanan kita.

Selain itu juga memberi kesan negatif kepada kualiti air yang kita minum. Sampah sarap di dalam sungai turut menjejaskan pengaliran air yang boleh mengundang banjir dan apabila air cetek pendedahan yang menyakitkan mata akan terserlah dan bau busuk yang meloyakan akan memenuhi rongga hidung.

Membuang sampah di merata tempat akan mengugut kebersihan. Oleh itu perbuatan seperti ini haruslah dielakkan. Buanglah sampah di tempat yang dikhaskan. Walaupun tempat pembuangan sampah dikhaskan untuk membuang sampah, sebaiknya beg-beg sampah diikat dan dimasukkan ke dalam kontena sampah yang disediakan agar terhindar dari kedatangan tetamu yang tidak diundang seperti tikus dan lipas.

Media masa seperti surat khabar, televisyen dan internet boleh dijadikan saluran dalam menyemai kesedaran. Kita perlu mendedahkan kepada umum kepentingan kebersihan persekitaran, cara-cara untuk menjaganya serta impak negatif jika persekitaran tidak dijaga.

Beberapa buah kampung di negara kita telah mengadakan kempen kebersihan dan pertandingan halaman rumah yang indah. Ini adalah salah satu cara untuk melaksanakan tanggungjawab kita.

Selain itu kita juga mesti menanamkan sifat tidak camah mata dalam diri kita dan jauhkan sifat pemugut. idak menjadi kesalahan malah akan mendapat pahala jika kita mengutip sampah yang bersepad di tepi jalan atau di sebuah taman rekreasi.

Pepatah ada mengatakannya bahawa, 'melentur buluh biarlah dari rebung'. Oleh itu kebersihan diri mahupun kebersihan persekitaran perlu diterapkan dalam diri kanak-kanak dari awal lagi. Teknik yang berkesan dalam mendidik kanak-kanak ialah dengan memberi contoh dan kewajiban kita terhadap kebersihan persekitaran agar generasi akan datang tahu tanggungjawab mereka kelak.

Menjaga kebersihan persekitaran menjadi tanggungjawab kita kerana kebersihannya akan melambangkan peribadi kita. Kita akan merasa sihat, cergas dan ceria. Malah individu seperti ini amatlah diperlukan oleh negara untuk menjadikannya sebagai sebuah negara yang maju, dihormati dan digalati. Oleh itu, bersamasamalah kita melaksanakan tanggungjawab kita terhadap kebersihan persekitaran demi mengukir imej yang baik buat negara tercinta.

**Dk. Siti Rosinah binti Pg. Rusli,  
No. 4A, Simpang 1579-37, Perumahan Rakyat Jati, Kampong Telisai, Tutong, TC 1345.  
No. k/p : 00-302162**

mendidik dan membentuk pelajar-pelajar agar cintakan kebersihan persekitaran. Para pelajar dibentuk supaya menjadi masyarakat yang peka terhadap kebersihan dan tidak membuang sampah merata-rata tempat dengan sewenang-wenangnya. Mempraktikkan dan mendedahkan para pelajar melalui aktiviti-aktiviti kempen kebersihan juga dapat memupuk serta membentuk mereka agar lebih menyayangi dan menjaga alam sekitar daripada tercemar. Justeru itu, para pelajar haruslah bersikap proaktif terhadap kebersihan persekitaran kerana kebersihan menjamin kehidupan yang selesa dan sihat sejahtera.

Alhamdulillah di negara ita, kesedaran masyarakat terhadap kebersihan alam sekitar semakin menggalakkan dan menjadikannya sebagai kegiatan mereka. Contohnya di kampung-kampung kempen kebersihan sering diung-kayahkan bagi sama-sama memelihara dan membersihkan kawasan-kawasan persekitarannya. Bukan setakat itu sahaja, malah sektor-sektor kerajaan dan sektor-sektor swasta juga bersama-sama berganding bahu meningkatkan tahap kebersihan negara kita sejajar dengan peningkatan pembangunan negara. Dengan adanya aktiviti-aktiviti kebersihan seperti ini, ianya dapat membantu serta meningkatkan aktiviti bergotong-royong di kalangan masyarakat kita dan membantu meningkatkan taraf kebersihan negara kita.

Masyarakat di negara kita haruslah peka terhadap tahap dan kualiti kebersihan negara kerana kebersihan alam sekitar merupakan aset kepada pembangunan negara. Masyarakat haruslah bersama-sama berganding bahu meningkatkannya kerana kebersihan mencerminkan kesihatan, kesejahteraan dan harmoni. Justeru itu, kita hendaklah memastikan keadaan persekitaran bersih dan tidak tercemar dan bukan 'camah mata'.

**Ak. Mohd. Shahrom Pg Hj. Shamsuddin,  
No. 33, Simpang 637-84-26-33,  
STKRJ, Lambak Kiri, BB 1114.  
No. k/p : 00-296922**

REMAJA

# EKSEKUTIF MUDA

**D**I SALAH sebuah negara jiran kalangan belia remaja lepasan universiti yang masih mencari pekerjaan selalu membuat pertemuan untuk bersembang di satu tempat minum yang agak eksklusif. Pertemuan mereka ini adalah bertujuan bagi mengurangkan tekanan dan kerunsingan yang masih bermain di benak fikir mereka iaitu ketiadaan pekerjaan. Bukan sedikit mereka yang bertemu dan berbual-bual kosong sambil diisikan juga dengan pemikiran yang positif untuk mencari jalan keluar bagaimana cara menyara kehidupan.

Bagi mereka yang ada bakat ada pula mengisikan waktu kosong dengan kerja-kerja kreatif seperti menulis, berlakon dan menjadi tukang masak, asalkan ada pekerjaan walaupun dalam bentuk sementara akan tetapi memberikan kepuasan untuk mendapatkan rezeki yang halal. Setelah penat bekerja mereka bertemu di tempat minum itu untuk bertukar-tukar fikiran sambil mengurangkan stress yang melanda. Masa berlalu begitu pantas tanpa mereka sedari waktu yang mereka lalui juga semakin berputar tanpa menanti apa yang akan mereka lakukan demi survival kehidupan.

Terhasil dari keadaan ini tidak kurang juga dari mereka berjaya memecah pintu kebuntuan dengan mencari jalan keluar membuka perniagaan dan berusaha secara kumpulan dengan menubuhkan syarikat-syarikat kecil yang berorientasikan runding cara, seni kreatif, meningkatkan kemahiran diri dan pelbagai lagi yang bersesuaian dengan kelulusan yang ada pada mereka.

Keadaan ini juga membuka ruang dan laluan untuk mereka berkarya. Begitulah kerasnya ke-

OLEH H.A. MANAP

hidupan yang tidak semudah untuk kita lalui akan tetapi ketabahan dan kemahiran dalam mengendalikan perjalanannya akan memandu kita kepada suatu penemuan yang menghasilkan kejayaan.

Kejayaan tidak boleh dicapai tanpa berusaha dan usaha di dalam era yang ada sekarang mestilah berbekalkan ilmu baru akan terhasil kecemerlangan dan kejayaan yang positif. Se-

bagai 'eksekutif muda' begitulah jolokan yang diberikan kepada mereka, cara mereka mengisikan kekosongan waktu dan pertemuan tersebut memang agak berbeza dengan mereka yang lepak tanpa sebarang tujuan. Kerana bersembang dengan menambah buah fikiran atau istilah sekarang 'brainstorming' merupakan salah satu jalan atau kaedah untuk memecah sebarang kebuntuan bagi sesuatu masalah.

Kerana itu belia remaja perlu pintar dan bijak bila

berdepan dengan keadaan seperti ini. Menyelam sambil minum air memang boleh dijadikan sebagai aplikasi untuk mencari jalan keluar membina diri meskipun kita terpaksa berusaha dengan cara berdikari.

Memang agak seronok kalau belia remaja lepasan pengajian tinggi berani menerokai bidang perkerjaan yang diwujudkan sendiri seperti menjadi pengurus kepada syarikat sendiri, perancang, perunding cara dan banyak lagi boleh dilakukan untuk membuka dimensi baru dalam arus perkerjaan di negara kita.

Menjadi 'eksekutif muda' mestilah bijak mengendalikan diri, bijak mengatur strategi kehidupan untuk bekerja, tahu merancang untuk berusaha,

pandai mengatur waktu untuk mengurus niaga dan sentiasa cepat bertindak melakukan sesuatu tindak-tanduk, bila berlaku kelem-bapan.

Belia remaja apatah lagi yang memiliki pelbagai keilmuan dan kemahiran perlu bertindak secara tangkas dan tidak malas atau kalah oleh arus kehidupan yang tidak menjanjikan ruang perkerjaan yang mencukupi.

Memang jalannya agak rumit untuk ditempuhi akan tetapi keberanian dan daya tahan diri yang mampu berdikari mungkin akan membawa keberhasilan yang menggalakkan.

Contohnya kenapa orang lain boleh buat yang bermula dari usaha kecil-kecilan, akhirnya mampu berkembang hingga ke-

pada mewujudkan suatu gagasan niaga yang besar lagi kukuh. Apakah kita tidak mahu mencontohi, waktu belia remaja Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang gigih berusaha dan berniaga hingga membawa kepada hasil yang begitu cemerlang.

Bukankah resipi yang dibawakan dan ditunjukkan oleh Baginda sudah mencukupi untuk dijadikan sebagai 'role model' dan aset dalam bidang usaha niaga. Memang bukan semudah apa yang kita katakan tetapi ternyata kita perlu kepada perubahan dan anjakan paradigma yang membawa kepada kejayaan.

Belia remaja lepasan pengajian tinggi merupa-

kan aset penting negara sebagai mekanisme yang akan menggerakkan dan penerus kemajuan masyarakat dan negara.

Dalam keadaan yang ada sekarang ini dan juga melihat kepada laluan yang semakin rumit kita perlu berubah kepada membuka jalan yang bukan sahaja melebarkan ruang kerja akan tetapi dapat mewujudkan suatu keadaan bilamana kita mampu mewujudkan 'eksekutif muda' yang gigih dan cemerlang.

Kita yakin perubahan, ketegasan, keberanian dan pemikiran yang proaktif sudah pasti akan menghasilkan generasi 'eksekutif muda' yang berwibawa yang menyumbang kepada kemajuan negara keseluruhannya.

## Penandatanganan penerbitan pakej buku 'Go With Science'

**BANDAR SERI BEGAWAN, 24 Mac.** - Jabatan Perkembangan Kurikulum (JPK), Kementerian Pendidikan bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini menandatangani perjanjian bersama Pearson Education Asia Private Limited bagi penerbitan bersama bahan-bahan kursus kurikulum 'The Upper Primary Science'.

Menandatangani bagi pihak kerajaan ialah Pemangku Pengarah Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan,

Dayang Hajah Norjum binti Haji Yusop. Manakala syarikat berkenaan diwakili oleh Pengurus Besar Pearson Education Asia Private Limited, Awang Andrew Yeo dan disaksikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Perkembangan Kurikulum, Awangku Abdullah bin Pengiran Haji Tengah dan Dayang Marinah Marzuki, Penerbit syarikat berkenaan.

Majlis itu berlangsung di Bilik Persidangan JPK yang dihadiri oleh para pegawai Bahagian Pelajaran Rendah, Jabatan Penadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan dan ke-

tua-ketua unit JPK.

Pakej 'Upper Primary Science' yang baru, 'Go With Science' mengandungi buku teks murid yang berwarna sepenuhnya, buku kerja dan buku sumber untuk guru. Di samping itu pihak penerbit juga membentuk sebuah laman web untuk kemudahan guru-guru.

Menurut siaran akhbar JPK, pakej itu yang di-ungkayahkan oleh para pegawai dari Unit Sains dan Pertanian JPK akan memastikan pelaksanaan kurikulum 'Upper Primary Science' yang baru mulai tahun ini.

## 'Pantang Larang Kitani' muat 144 tegahan orang tua-tua

**BERAKAS, 20 Mac.** - Buku 'Pantang Larang Kitani' tulisan Hadijah Haji Hassan mendapat perhatian umum kerana memuatkan banyak pantang larang atau tegahan orang Melayu yang diwarisi dari orang tua-tua atau nenek moyang terdahulu.

Menurut Pengarah Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam (UBD) Profesor Madya Dr. Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid yang mengupaskan buku berkenaan, merupakan pantang larang yang dilihat dari aspek sasaran iaitu peringkat kanak-kanak dan umum.

Katanya, sejumlah 144 pantang larang telah dimuatkan ke dalam buku tersebut dan dilihat berdasarkan format penyusunannya iaitu pengertian pantang larang, tujuan dan pe-



PENGARAH Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Profesor Madya Dr. Haji Hashim.

ngajaran yang diambil daripada pantang larang itu.

Format yang digunakan, jelasnya konsisten dari awal hingga akhir, di samping itu disertakan juga lukisan yang menggambarkan pantang larang dan kecelakaan yang akan menimpa jika pantang larang tersebut tidak dipatuhi.

Oleh Abdullah Asgar

"Walau bagaimanapun, faktor-faktor sejarah sebab wujudnya pantang larang itu tidak begitu disentuh secara tuntas ia berselindung di sebalik tujuan," kata beliau.

Belia berucap demikian ketika mengulas buku 'Pantang Larang Kitani' terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka yang ditulis oleh Hadijah Haji Hassan berlangsung di Balai Sarmayuda.

Menurut beliau, kebanyakan pantang larang dalam buku itu berkisar dalam lingkungan keluarga, manakala yang berhubung pantang larang pekerjaan kurang dititikberatkan iaitu seperti pantang larang ke laut, masuk hutan, berhuma dan lain-lain.

"Saya rasa pantang larang seperti itu wajar dimasukkan kerana ia mempunyai hubungan dengan mata pencarian kebanyakan keluarga di Kampong Ayer dan juga di kawasan darat," jelasnya.

Tambahnya, sesuatu yang menarik dalam buku itu ialah penulisanya sudah meninggalkan kalimat jangnan, inda dapat, inda boleh, inda kuasa di pangkal pantang larang berkenaan.

Walau bagaimanapun, kalimat 'jangnan' cuma terdapat pada pantang larang 'jangnan imbang-imbang di pintu kelak tidak sampai hajat' dan kalimat dilarang terdapat pada pantang larang. 'Dilarang memulas telinga kanak-kanak di kluatiri maling'.

Penulis menurut beliau, memperoleh pantang larang yang dikumpulkan melalui informan berdasarkan ketuaan namun merujuk kepada ketuaan informan perlu difikirkan.

Selain itu sedikit biodata informan wajar diberi tempat dalam buku itu, kalau perlu disertakan gambarnya.

Ini merupakan suatu penghargaan yang cukup bernilai kepada informan dan kalau perlu informan diundang ketika mengulas buku itu, katanya.

Akan tetapi beliau memuji usaha penulis buku pantang larang kerana menyusun buku seperti itu bukanlah sesuatu perkara mudah, ia berkehendakkan komitmen yang tinggi, kesabaran, nakat, kelutanan dan fikiran yang sentiasa seimbang.



PEMANGKU Pengarah Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Norjum binti Haji Yusop dan Pengurus Besar Pearson Education Asia Private Limited, Awang Andrew Yeo semasa menandatangani perjanjian berkenaan. - Gambar oleh Ramlil Tengah.



SEBAHAGIAN para peserta yang menghadiri ulasan buku 'Pantang Larang Kitani'. - Gambar oleh Ramlil Tengah.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz semasa menyampaikan cenderamata kepada seorang graduan. - Gambar oleh Masri Osman.

## Projek Televisyen Berita ASEAN (ATN) papar berita ASEAN

Oleh Abdullah Asgar

BERAKAS, 22 Mac. - Negara-negara ASEAN kini akan boleh menyaksikan lebih banyak berita bergambar melalui peti televisyen mengenai ASEAN yang disiarkan melalui pancaran satelit mulai 26 April setiap hari Rabu hasil projek Televisyen Berita ASEAN (ATN).

Pelancaran ATN telah dirasmikan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah di Majlis Perpisahan Makan Malam Bagi Mesyuarat Jawatankuasa ASEAN Bagi Kebudayaan dan Maklumat Ke-38, COCI.

Ini diadakan malam tadi di sebuah hotel di sini yang dihadiri oleh perwakilan COCI dari semua anggota ASEAN termasuk pegawai-pegawai kanan kerajaan negara tuan rumah.

Projek ATN terkandung dalam Pelan Bertindak Hanoi yang menginginkan ASEAN lebih dipromosikan keseluruhan anggotanya yang dicadangkan oleh Negara Brunei Darussalam.

Antara yang terkandung dalam ATN itu nanti termasuklah berita-berita dalam negeri ASEAN yang disiarkan oleh stesen-stesen televisyen di negara masing-masing.

Negara Brunei Darussalam melalui Bahagian Berita dan Hal Ehwal Semasa dan Sukan, Radio dan Televisyen Brunei, (RTB) akan memuatkan penyiaran pertamanya pada 26 April ini.

ASEAN telah memulakan projek pertukaran berita sejak tahun 1988 sebulan sekali melalui program COCI.

## Program Pendidikan Jururawat perlu ambil kira perubahan persekitaran

Oleh Siti Aishah HS

JERUDONG, 29 Mac. - Perubahan persekitaran dan cabaran untuk menjalani cara kehidupan yang sihat diambil kira sebagai garis panduan di dalam merangka program-program pendidikan jururawat.

Pengetua Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB), Dayang Hajah Suraya Noraidah menyatakan demikian di Majlis Makan Malam sempena Konvokesyen Ke-9 maktab berkenaan berlangsung di Kelab Polo Jerudong.

Seramai 178 orang graduan diraikan pada malam tersebut setelah menerima diploma dan sijil-sijil serta

lencana kejururawatan dan perbidanan.

Sehingga kini, maktab berkenaan telah mengeluarkan seramai 760 orang graduan di peringkat Diploma Kejururawatan Asas sejajar dengan perkembangan tenaga manusia di samping menangani perkembangan tenaga profesional di bidang kejururawatan.

Ke arah itu, Maktab Jururawat PAPRSB juga menawarkan lagi kursus di peringkat Diploma Kejururawatan Lanjutan iaitu Di-

ploma Kejururawatan Kesihatan Mental yang telah dilancarkan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Haji Suyoi, yang juga selaku Penerima Lembaga Pengurusan Maktab Jururawat PAPRSB pada 8 Februari lalu.

Majlis tersebut diselenggarakan dengan penyampaian cenderamata oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz dan juga selaku tetamu kehormat majlis, kepada Dayang Hajah Jalianah binti Ramli, yang mengikuti Kursus Diploma Kejururawatan Penjagaan

Kritikal dan Dayang Kartini binti Haji Suhai yang mengikuti Kursus Diploma Kejururawatan Bilik Pembinaan.

Kedua-dua graduan berkenaan mempunyai kecemerlangan dalam kursus kejururawatan yang mereka ikuti.

Di samping melahirkan pakar dalam bidang kejururawatan, Maktab Jururawat PAPRSB juga mempunyai visi untuk menjadikannya sebagai sebuah institusi dan pusat pendidikan kejururawatan yang dapat direalisasikan dengan komitmen daripada semua pihak yang terlibat dalam pendidikan kejururawatan.

## Mansur juara deklamasi sajak sekolah menengah institusi pengajian tinggi

Oleh Hj. Ahmad HS

TUNGKU, 21 Mac. - Awang Mansur @ Maisur bin Haji Kamis daripada Ma'had Islam Brunei menjadi juara setelah berjaya menewaskan sembilan peserta lain dalam Pertandingan Deklamasi Sajak antara sekolah-sekolah menengah, maktab dan institusi-institusi pengajian tinggi seluruh negara.

Tajuk puisi yang mem-

Pertiwi karya A. Hashim Hamid dan Dayangku Norhayati binti Pengiran Haji Kasharan juga dari UBD menduduki tempat ketiga.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Naib Canselor UBD, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman.

Seramai 42 orang peserta dari 22 buah sekolah, maktab dan institusi pengajian tinggi

mengambil bahagian dalam pertandingan saringan. Dari jumlah itu 10 orang peserta telah dipilih memasuki peringkat akhir yang berlangsung hari ini di UBD.

Sebanyak sembilan buah sajak telah dipertandingkan, hasil karya tanah air iaitu Apa Yang Kau Minta Telah Aku Berikan, Dunia Semakin Sempit, Cermin Diri, Meniti Warna Kehidupan, Suara Yang Sirna, Pertiwi, Tembok-Tembok Kemerdekaan. Antaranya Aku Yang Kerdil dan Balada Seorang Tua.

Pertandingan Deklamasi Sajak kali pertama dianjurkan Kelab RAKIS UBD dengan tujuan antara lain menggabungkan kreativiti seni yang selain daripada unsur vokal (bacuan) terhadap penghayatan dan apresiasi puisi, melahirkan minat seni sastera di peringkat sekolah, maktab, institusi pengajian tinggi dengan lebih wajar dan meningkatkan hubungan mesra silaturrahim dan semangat kerjasama di kalangan pelajar sekolah, maktab dan institusi pengajian tinggi serta pihak-pihak yang terlibat.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair semasa hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Perpisahan Makan Malam Mesyuarat ASEAN-COCI Ke-38. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

## 117 pelajar bermasalah pendengaran dirujuk ke Unit Pendidikan Khas

Oleh Abdullah Asgar

GADONG, 31 Mac. - Seramai 117 orang pelajar bermasalah pendengaran telah dirujuk ke Unit Pendidikan Khas (UPK), Kementerian Pendidikan yang memerlukan perhatian khusus.

Dari jumlah itu 96 orang darinya masih belajar di sekolah-sekolah kerajaan dan swasta, di mana kawasan Brunei dan Muara mencatatkan seramai 57 orang, 17 orang di Belait, 19 orang di Tutong dan dua orang di Temburong.

Bagi meringankan bebanan untuk mendapatkan alat bantuan dengar dan mengatasi masalah mendengar di kalangan mereka yang terbahit, UPK telah meminjamkan sejumlah tujuh set alat bantu dengar jenis Microlink Personal FM System keluaran Phonak Hearing System Amerika Syarikat.

Majlis penyampaian set-set tersebut diadakan petang tadi di pejabat UPK di sini oleh Pemangku Ketua UPK, Dr. Haji Kassim Haji Daud.

Dalam ucapannya beliau antara lain menjelaskan bahawa kerajaan akan terus membekalkan set-set pendengaran terse-

but melalui UPK, di mana kumpulan pertama seramai dua orang telah dipinjamkan alat-alat tersebut yang disumbangkan oleh Bank Standard Chartered dan sekarang telah pun menunjukkan perubahan yang ketara.

Tambahnya, kumpulan ketiga juga akan dipinjamkan alat-alat yang sama pada pertengahan tahun ini yang disumbangkan oleh Syarikat Minyak Brunei Shell dan Syarikat Malai Haji Mashhor khusus bagi pelajar-pelajar Daerah Belait.

Katanya, peminjaman alat-alat bantu dengar itu hanya akan diberikan kepada pelajar-pelajar yang terpilih atas sebab mereka rajin menggunakan alat bantu dengar yang dibekalkan oleh Kementerian Kesihatan.

"Pemilihan ini juga berlandaskan laporan yang diberikan oleh guru-guru dan ibu bapa ketika pegawai dari UPK membantu dan mengadakan perbincangan di sekolah-sekolah terlibat," ujarnya.

Tujuh orang pelajar itu ialah Noraini Murah, Nooraqilah Zulkiflee, Muhammad Syahwan Ahmad Taufiq, Md. Fakrul Aiyad Ali Hassan, Mohd. Nor Azwan Haji Aziz, Noor Aziemas Haji Idris dan Filzah Hussin.

Satu set Microlink Personal FM System berharga \$2,000.00 dan sangat berkesan membantu dan menguatkan derita pendengaran para pelajar, selain lebih efektif jika digunakan di sekolah dan di rumah.

Pendekatan ini digunakan oleh UPK memandangkan Kementerian Pendidikan sendiri kekurangan guru-guru yang boleh berbahasa isyarat.

Dengan penggunaan alat tersebut akan dapat mengurangkan ketegangan yang dihadapi oleh pelajar dan guru ketika berada di dalam bilik darjah.

Dalam penyerahan itu taklimat mengenai cara pemakaian, penjagaan dan demonstrasi telah disampaikan oleh Hajah Norbayah binti Haji Shahminan sebagai kordinator pelajar bermasalah pendengaran.



NAIB Canselor UBD, Dr. Haji Ismail menyerahkan plia kepada Awang Mansur bin Haji Kamis, wakil Ma'had Islam Brunei yang menjuarai Pertandingan Deklamasi Sajak. - Gambar oleh Rami Tengah.

# RASUAH DIHINA



# MARUAH DIBINA



## LAPORKAN RASUAH



BSB - \*02383575/\*\*02382395/\*\*08721002

KB - \*03331560/\*\*03331513/\*\*08721003

\*Pertanyaan dan Sambungan \*\*Pegawai Bertugas



Peti Surat 10 Gadong BS8670



E-MAIL - [info\\_bmr@mail.gov.bn](mailto:info_bmr@mail.gov.bn)

WEBSITE - [www.bmr.gov.bn](http://www.bmr.gov.bn)

## KEMBANGKAN TULISAN JAWI DI KALANGAN MASYARAKAT TIONGHOA

**KUALA BELAIT, 22 Mac.** - Tulisan Jawi terus diperkembangkan di negara ini bukan sahaja di kalangan masyarakat Melayu tetapi juga bangsa asing.

Sehubungan itu Jabatan Dakwah dan Tabligh Daerah Belait telah menganjurkan Kelas Tulisan Jawi Ketiga bagi masyarakat Tionghoa di daerah itu

Oleh  
**Dk. Hjh. Saidah PHOA**

bagi memberi pengetahuan dan pengalaman kepada mereka dalam menulis dan membaca Jawi.

Kelas diadakan setiap hari Sabtu selama tujuh minggu di jabatan berkenaan telah dihadiri seramai 20 peserta terdiri daripada

peniaga, guru dan pelajar sekolah yang dikendalikan oleh Guru Ugama Terlatih, Ustaz Kamal Leang Abdullah yang juga Guru Bimbingan Tulisan Jawi.

Sepanjang kelas dijalankan para peserta diajar pengenalan dan asas tulisan Jawi serta menyambung huruf sehingga menjadi perkataan. Kelas serupa telah diadakan buat kali pertama pada bulan April 2001 di mana seramai 15 orang mengikutinya dan pada tahun lepas kelas yang sama telah diadakan bagi kali kedua. Oleh kerana kelas tersebut menerima penyertaan yang menggalakkan dari masyarakat berkenaan setiap tahun, ianya dijadikan projek tahunan jabatan berkenaan.

Penolong Ketua Dakwah Daerah Belait, Hajah Siti Rahmah binti Haji Julaihi yang juga Pegawai Perkembangan Ugama Jabatan Dakwah dan Tabligh Daerah Belait menyatakan bahawa kelas tersebut diadakan bertujuan bagi merapatkan hubungan antara pegawai Unit Dakwah dan masya-

rakat Tionghoa daerah itu.

Menurutnya pandai menulis dan membaca Jawi merupakan kelebihan yang patut dibanggakan terutama mereka yang bukan bangsa Melayu, kerana dengan pandai menulis dan membaca Jawi boleh mendatangkan keuntungan bagi mereka yang menceburi bidang perniagaan khususnya kedai yang membuat iklan atau kain rentang serta poster.

Beliau menambah di Negara Brunei Darussalam penggunaan tulisan Jawi amat meluas sehingga terdapat pada nama jalan, kenderaan pengangkutan, permis perniagaan yang dapat memupuk semangat kecintaan kepada negara dan mengukuhkan hubungan di kalangan rakyat dan penduduk berbilang bangsa.

Oleh itu beliau berharap para peserta akan dapat menggunakan dan memanfaatkan kepandaian yang diperolehi melalui kelas yang diberikan sekurang-kurangnya untuk mengajar anak-anak mereka di rumah.



**PEGAWAI Agama yang juga Guru Agama Terlatih, Ustaz Kamal Leang Abdullah, semasa mengendalikan kursus berkenaan.** - Gambar oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA.



**SEBAHAGIAN masyarakat Tionghoa Daerah Belait yang mengikuti kursus berkenaan.** - Gambar oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA.

## Peserta Projek BCMP disaran jadi belia contoh

**KUALA BELAIT, 27 Mac.** - Para peserta yang mengikuti Projek Belia Cemerlang Masyarakat Penayang Ke-2 (BCMP-2) disarankan supaya menjadi belia contoh yang dapat membimbing rakan, menjadi belia berilmu, berwawasan, berdaya saing dan mempunyai jati diri yang utuh.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja BCMP, Awang Haji Musthapa membuat saranan tersebut di Majlis Penutup Projek BCMP anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) yang diadakan di ruang legar Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar di sini.

Beliau juga mengingatkan bahawa YSHHB merupakan wadah amal jarian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dari itu adalah wajar bagi rakyat dan penduduk negara ini terus mendoakan kesejahteraan baginda sebagai tanda syukur dan terima kasih di atas kuria tertubuhnya YSHHB.

Beliau juga berpesan kepada para peserta supaya ja-

Oleh  
**Dk. Hjh. Saidah PHOA**

ngan lalai dan hendaklah membantu diri mereka sendiri menuju kejayaan, di samping merebut peluang yang ada, sesungguhnya masa itu tidak pernah berhenti apatah lagi berundur.

Projek BCMP selama empat hari berakhir dengan penyampaian sijil oleh tetamu kehormat, Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani kepada para peserta. Di majlis itu dua peserta terbaik dalam semua segi disiplin, pakaian dan pergaulan sepanjang projek dijalankan juga menerima hadiah mereka ialah Mohd. Shahrinen dan Dayangku Amal Bahiyah.

Wakil peserta Mohd. Shahrinen berkata melalui projek itu mereka telah dapat menimba ilmu pengetahuan sama ada aspek teori dan praktikal dan berhasrat segala ilmu pengetahuan yang telah diperolehi itu beliau pergunakan sebaik mungkin untuk menjadi belia yang cemerlang.

Menyentuh mengenai

projek yang disertainya dia berpendapat bahawa projek tersebut telah menyediakan suasana pembelajaran yang positif melalui kesan yang efektif. Selain itu katanya kertas kerja yang dibentangkan sangat relevan dan berguna kepada mereka.

"Pelbagai aktiviti telah dapat diikuti dengan sebaiknya dalam apa jua ilmu yang telah ditaburkan kepada kami semua dan akan kami manfaatkan dengan sebaik-baiknya, insya-Allah," katanya.

Projek BCMP bertujuan memberi kefahaman dan kesedaran kepada belia bagi pembentukan sikap yang positif dalam menangani permasalahan kehidupan yang dihadapi dan dialami serta menyemai dan menanam perasaan sayang pada diri, ibu bapa, masyarakat dan rakan supaya belia peka terhadap kesejahteraan dan kebahagiaan masyarakatnya sendiri.

Projek tersebut berbentuk Perkhemahan Belia yang mengandungi pembentangan kertas kerja, kuliah dan aktiviti luar seperti kerja amal, ekspedisi dan riadah ilmu kombinasi Daurah dan Rihlah.

## Fahami, hayati amalkan ajaran Al-Quran

**TUNGKU, 26 Mac.** - Musabaqah Tilawah Al-Quran adalah projek yang amat digalakkan bukan hanya untuk mendapat ganjaran pahala kerana mendengar ayat-ayat suci Al-Quran, bahkan yang lebih penting dan wajar diambil ingatan isi kandungan ayat-ayat suci Al-Quran yang diperdengarkan tidak cukup sekadar difahami sahaja tapi seharusnya dihayati dan diamalkan.

Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman menyatakan demikian di Majlis Musabaqah Tilawah Al-Quran Tahun 1424H/2003M bertemakan 'Mahasiswa Berilmu Berpandukan Al-Quran' yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Bangunan Hal Ehwal Pelajar, UBD di sini.

Oleh  
**Siti Aishah HS**

Tambah Naib Canselor, Al-Quran adalah kitabullah yang diturunkan penuh dengan peristiwa ke atas junjangan besar kita Rasulullah Sallallahu Alaïhi Wasallam, di samping kitab yang penuh dan lengkap dengan ajaran mengenai kehidupan seharian serta memberikan panduan dan jalan sebenar yang dituntut oleh Islam.

Justeru kita hendaklah berpegang kepada Al-Quran sebagai sumber kehidupan dan berpegang kepada ajarannya bagi kesempurnaan dan kepuasan dalam kehidupan dengan mengamalkannya di mana saja berada.

Musabaqah tersebut antara lain bertujuan untuk

menanamkan rasa cinta dan minat mahasiswa terhadap Al-Quran serta untuk menggalakkan dan meningkatkan mutu bacaan Al-Quran di kalangan warga UBD, di samping menampilkan mahasiswa-mahasiswi yang berkebolehan dalam bidang pembacaan Al-Quran bagi mencapai wawasan kerajaan iaitu bebas dari buta Al-Quran menjelang abad ke-21.

Majlis tersebut dianjurkan bersama oleh Nadi Agama dan Akhlak, Badan Kebajikan Mahasiswa/Mahasiswi Pengajian Islam, Institut Pengajian Islam, Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin dan Seksyen Kerohanian, Gabungan Mahasiswa/Mahasiswi Fakulti Sains UBD.

Majlis itu juga disela-



**NAIB Canselor UBD, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman.**

jurkan penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang pertandingan yang disampaikan oleh Naib Canselor UBD.

Bahagian qari, tempat pertama disandang oleh Awang Zulhilmu bin Haji Abidin menerima piala pusingan berserta hadiah dan tempat kedua dimenang oleh Awang Nor Asilin bin Haji Puting, manakala tempat ketiga disandang oleh Awang Fakrul Razi bin Haji Ibrahim.

Bahagian qariah, Dayang Hajah Nurul Akmalina binti Haji Yahya berjaya mendapat tempat pertama, diikuti Dayang Nurfaezah binti Haji Emran dan Dayang Sarifah binti Haji Takong di tempat ketiga.

Pertandingan tersebut disertai oleh 10 orang peserta terdiri daripada tiga orang siswi dan tujuh orang siswa yang terbuka kepada semua pelajar daripada kesemua fakulti di universiti berkenaan.



**SEBAHAGIAN para pelajar yang hadir di majlis berkenaan.** - Gambar oleh Md. Zul-tzzi HD.



**PENGARAH Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani menyampaikan sijil kepada seorang pelajar yang mengikuti projek berkenaan.** - Gambar oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA.

## SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-19 DI LUAR NEGERI



PESURUHJAYA Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar dan Datin bersama Menteri Hal Ehwal Luar Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar dan Datin yang menjadi tetamu kehormat dalam sambutan yang diadakan di Kuala Lumpur.




DUTA Besar Negara Brunei Darussalam ke Jordan, Tuan Yang Terutama Pehin Datu Harimaupadang Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Husin bin Ahmad dan Datin serta para pegawai, kakitangan kedutaan dan para penuntut yang mengikuti pengajian di Jordan bergambar ramai sempena sambutan itu di Amman.



DUTA Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Pengiran Indera Perkasa Pengiran Haji Hamdan bin Pengiran Haji Ismail mengalu-alukan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Luar Republik Demokratik Rakyat Lao dan isteri dalam sambutan yang diadakan di Vientiane.



DUTA Besar Negara Brunei Darussalam ke Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama Pehin Datu Pekerna Bijaya Kolonel (B) Dato Paduka Haji Awang Hussin bin Haji Sulaiman bersama Setiausaha I, Majlis Keselamatan dan Pembangunan Negara Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama Jeneral Khin Nyunt dan para jempatan yang lain dalam sambutan yang diadakan di Yangon.



DUTA Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Mohd. Adnan bin Buntar dan Datin bersama Duta Besar Republik Arab Mesir dan isteri, antara tetamu yang hadir di sambutan yang diadakan di Berlin.



DUTA Besar Negara Brunei Darussalam ke Kemboja, Tuan Yang Terutama Awang Zainidi bin Haji Sidup bersama Menteri Kanan dan Menteri Pertahanan Kemboja, Tuan Yang Terutama Tea Banh, tetamu kehormat dalam sambutan yang diadakan di Phnom Penh.



DUTA Besar Negara Brunei Darussalam ke Russia, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Mahadi bin Haji Wasli dan Datin bersama Timbalan Menteri di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Russia, Tuan Yang Terutama Alexander Saitanov selaku tetamu kehormat dalam sambutan yang diadakan di Moscow.



KONSULAT Agung Negara Brunei Darussalam ke Sarawak, Awang Haji Salleh bin Abdul Hamid (kanan) mengalu-alukan Ketua Menteri Sarawak, Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Dr. Haji Abdul Taib Mahmud, selaku tetamu kehormat dalam sambutan yang diadakan di Kuching.



# PUISI

## KHABAR DARI JAUH

Mataku jauh merenung  
membayangkan  
bukan hujan  
yang turun dari langit  
malah darah merah  
telah tertumpah  
menyimbah  
membasah bumi  
banyak yang rebah  
tersungkur mencium tanah.

Berita di sana sini  
dari radio, tv, internet dan surat khabar  
tiap kali diikuti  
perang kini masih menjadi-jadi  
menggilu menghantui  
akan musnahkah bumimu Iraq?  
akan hancurkah dunia ini?

Dalam usia yang dewasa ini  
aku hanya manusia kerdil  
dan tak mampu berbuat apa  
mulutku hanya bisa bicara  
berkata apa yang aku suka  
tapi di hatiku  
ada tanda-tanda luka.

Namun kumasih berusaha  
walau hanya berupa doa  
dalam setiap lima waktu  
pertemuanku dengan Tuhan  
kumeminta  
hentikanlah persengketaan ini  
hentikanlah permusuhan ini  
suatu saat  
kupasti  
ada berita yang akan mengkhabarkan  
tiada peperangan  
tiada kehancuran  
hanya itu sebuah pengharapan  
dariku insan yang kerdil.

## DIA TETAP BERSAMA KITA

Allahu Akbar  
Allahu Akbar  
Allahu Akbar  
Allah Yang Maha Besar  
kumenadah kedua tangan  
kubersujud membuka hati  
memohon kepada-Mu  
damaikan dunia ini  
tolong hentikan perang ini  
hentikan permusuhan ini.

Guna apa kejadian ini  
atau banggakah dunia?  
untuk mencipta sejarah nesta.

Tolong hentikan air mata ini  
dari terus menjatuhkan pipi  
tidak kukuat untuk menanainya  
tiada kumampu untuk menghindar lagi  
butiran putih  
bersih turun menjuntai  
beriring dengan mutiara hati.

Di sana bom meledak  
hangus membakar langit hitam  
di sana nuklear pemusnah alam  
menghilai mengganas meruntuh  
menghancurkan bangunan kemegahan  
tanpa mengenal erti kasihan  
di sana peluru berpancut  
menembusi dada pahlawan Islam  
di sana ada isteri kematian suami  
di sana ada anak kehilangan bapa  
arah hala mana akan mereka susuri?  
langkah mana akan bakal mereka jejak?

Ya! Pahlawan Islam  
perjuangkanlah bumi sucimu  
jangan biarkan si mata biru  
berpesta di bumimu  
itu hak kamu  
itu bumimu  
itu negara keagunganmu  
yakinalah Tuhan tetap bersama kita.

Erra 28

## IMPIAN BERKACA

Kelip bintang di awan malam  
menyilaukan mata  
mengaburkan pandang  
hatiku terang menyimpan impian.

Mempunyai pegangan  
terumbang jangan

harapan bulan  
tidak akan dihayakan  
selagi nyawa di badan.

Mustahil mencapai bintang  
tiada usaha  
takkan berjaya  
tanpa doa  
tiada berkat-Nya.

Putus asa jangan  
teruskan impian  
walau penuh dugaan  
lawan dengan kekuatan jiwa  
serta keteguhan iman di dada.

Tika hujan melanda  
jangan lekas terpedaya  
itu hanya ujian semata  
kuatkan iltizam  
terus berperang.

Sampai masanya  
kau mencapai segala  
impian berkaca  
terhempas sendirinya  
menjadi nyata.

Arieon J.

## JANGAN (untuk rakyat Iraq)

Jangan lemahkan semangat  
meski bumi bergetar  
dihujani peluru kekejaman  
di barisan hadapan  
kau berdiri tegak  
tanda keberanian  
lalu cairkan hati ke hati  
dari yang berhati batu  
dari yang buta  
buta matanya  
dalam erti kata  
kerugian dan keuntungan  
apa-apa yang telah diputuskan  
sepanjang fikir  
atau pendek fikir?  
lalu melahirkan cetusan  
sebab penyebab  
yang berjela-jela  
yang tak difahami  
mana silap  
mana salahnya  
akhirnya  
melenyapkan rangkai kata  
'BERPERIKEMANUSIAAN'

Inilah cerita sedih  
tentang kehidupan manusia  
yang berakal lenyapkan akal  
keegoan lemahkan sifat  
kemuliaan  
jangan  
jangan  
jangan sesekali kau undur  
kebenaran tetap kebenaran  
Tuhan pasti bersamamu  
kau pasti menang  
dalam perjuangan!

## SEMANGAT IRAQ

Menjerit...  
menangis...  
itu bukannya sebuah kekalahan  
dan kelemahan  
yang dirasai  
tidurnya tidak selena dahulu  
sentiasa berteman mimpi ngeri  
dan rezeki yang kini  
payah dicari  
cita-cita anak-anak  
setakat itu  
usaha ibu bapa bagi mati  
di situ  
hanya kerana angkara  
si hati batu...  
si tamak haloba...  
si iri hati...

Hari ini bumi Iraq  
tidak seceria langit biru  
namun anak watannya  
takkan putih tapak kaki  
mereka akan tetap berjuang  
mempertahankan kedaulatan  
bangsa dan agamanya  
yang berani mati  
demi hak dan kebenarannya.

Enny Eng. S.

## Dari muka 12

seekor ayam jantan yang menunjukkan tuah apa-apa, tuah

seekor ayam jantan yang menunjukkan tuah apa-apa, tuah Jalak sukar dibaca; sisik di kedua-dua belah kakinya saja langsung tidak baik. Sisik di sebelah kakikannya tidak tersusun dan sisik di sebelah kaki kirinya pula buta. Jauh sekali jika seseorang mengharap Jalak akan berubah menjadi seekor ayam jantan yang kedua-dua belah kakinya bersisik seperti rantai emas atau bersisik tersusun seperti anyaman belah rotan.

Dari jauh seorang lelaki yang berkaca mata hitam tiba-tiba keluar dari kumpulannya. Lelaki berkaca mata hitam itu rupa-rupanya rakan baik Madai. Dia orang kirinya dan sebatang lagi sudah tersepit di celah bibir bandar. Banyak lagi rakan-rakannya yang lain datang dari bandar dan sedang berkumpul di tepi gelanggang sana. Dia tersenyum memandang Madai dan Lawai sambil mengatur langkah di antara celah-celah akar pokok-pokok getah yang meliputi keseluruhan kawasan tanah gelanggang. Mereka betul-betul berada di tengah-tengah pulau hutan getah yang tumbuh merendang, dengan sebuah gelanggang yang dianggap paling selamat terbina di tengah gaung dua lereng bukit yang agak sempit.

"Ini ayam sabungmu yang menang bulan lepas," kata lelaki berkaca mata hitam, rakan Madai, sambil

Jalak sukar dibaca; sisik di kedua-dua belah kakinya saja langsung tidak baik. Sisik di sebelah kakikannya tidak tersusun dan sisik di sebelah kaki kirinya pula buta. Jauh sekali jika seseorang mengharap Jalak akan berubah menjadi seekor ayam jantan yang kedua-dua belah kakinya bersisik seperti rantai emas atau bersisik tersusun seperti anyaman belah rotan.

Dari jauh seorang lelaki yang berkaca mata hitam tiba-tiba keluar dari kumpulannya. Lelaki

berkaca mata hitam itu rupa-rupanya rakan baik Madai. Dia orang bandar. Banyak lagi rakan-rakannya yang lain datang dari bandar dan sedang berkumpul di tepi gelanggang sana. Dia tersenyum memandang Madai dan Lawai sambil mengatur langkah di antara celah-celah akar pokok-pokok getah yang meliputi keseluruhan kawasan tanah gelanggang. Mereka betul-betul berada di tengah-tengah pulau hutan getah yang tumbuh merendang, dengan sebuah gelanggang yang dianggap paling selamat terbina di tengah gaung dua lereng bukit yang agak sempit.

"Ini ayam sabungmu yang menang bulan lepas," kata lelaki berkaca mata hitam, rakan Madai, sambil mengangkat tubuh Jalak.

Madai mengangguk, "Sisik kakinya memang tidak bagus, tapi nasib kami baik Jalak sering menang. Jalak bukan macam ayam sabungku yang dulu-dulu itu."

"Semalam dia bermimpi Jalak terbang tinggi dan hinggap di pucuk pokok membangan di belakang rumahnya," kata Lawai pula.

"Bah...! Itu sudah ada alamat baik, kau akan menang. Pasang berapa?"

"Satu ribu!" jawab Madai tanpa banyak berkira-kira.

Lawai lihat lelaki berkaca mata hitam mula merabara-poket seluar jeans jenama Levi's, merabara-poket baju T jenama Camel yang dipakainya.

"Ada sigup?"

Madai segera menghulurkan kotak rokok Marlboro dari poket baju T-nya.

Lawai lihat lelaki berkaca mata hitam itu menarik nafas panjang, menelan air liurnya dan mengeluarkan dua batang rokok dari kotaknya.

"Mancis," pinta lelaki berkaca mata hitam sebaik saja mengembalikan kotak rokok pada Madai, sambil

"KAMI bawa dua ekor ayam sabung, tapi baru dua minggu lepas kami beli. Dua ekor mahu makan lebih dua ribu bah," kata lelaki berkaca mata hitam lalu menyalakan rokok di bibirnya. "Tapi lihat dululah, kalau kami rasa kami menang karang, kami masuk menyabung, kalau tidak, kami tidak mahu masuk berlawan."

menyelitkan sebatang rokok di celah cuping telinga kirinya dan sebatang lagi sudah tersepit di celah bibir tebalnya.

"Kami bawa dua ekor ayam sabung, tapi baru dua minggu lepas kami beli. Dua ekor mahu makan lebih dua ribu bah," kata lelaki berkaca mata hitam lalu menyalakan rokok di bibirnya. "Tapi lihat dululah, kalau kami rasa kami menang karang, kami masuk menyabung, kalau tidak, kami tidak mahu masuk berlawan."

"Mahu pasang berapa?" kata Madai.

"Seribu kami tidak mahu. Mesti lebih."

"Seribu lebih!" kata Lawai mengaju kata lelaki berkaca mata hitam dan memandang tepat pada muka Madai.

Jalak tidak lagi berkokok dan asyik mencakar-cakar tanah, menyingsingkan daun-daun getah kering ke tepi tambatannya. Bersama lelaki berkaca mata hitam, Madai dan Lawai meninggalkan Jalak pada tambatannya, lalu melangkah menuju ke sisi gelanggang.

Di tengah gelanggang sekarang kelihatan tiga orang lelaki sedang

bercakap-cakap. Lelaki yang di tengah-tengah itu bercakap mengenai peraturan dan bagaimana mahu memulakan perlawanan. Dua orang lelaki lagi memegang ayam sabung masing-masing, seorang lelaki berbadan gemuk dan berkulit kuning langsung, seorang lelaki berbadan kurus, tinggi dan berkulit cerah. Mereka cuba memahami syarat yang ditentukan oleh orang kuat gelanggang. Sebarang, mereka pun bersedia, setiap orang lelaki dari kumpulan masing-masing semakin rapat ke tepi pagar gelanggang. Beberapa detik kemudian, sebaik saja menerima arahan dari orang kuat gelanggang, dua orang lelaki di tengah gelanggang itu pun segera melepaskan ayam jantan masing-masing ke tengah bulat gelanggang.

Dua ekor ayam jantan mula berbalas serangan, sabung-menyabung, diiringi dengan tepuk sorak setiap orang lelaki dari kumpulan masing-masing di luar gelanggang.

Suasana riuh dengan sorakan.

"Atu baru ayam sabung nah!"

"Lawan! Lawan!"

"Haiya, banyak sui la..."

"Agi idup agi ngalaban, nya...nya ya manok kitai..."



## DIHANTAR DALAM BENTUK DISKET

SUKACITA dimaklumkan, penulis-penulis cerpen yang menghantar cerpen mereka untuk dimuatkan dalam PELITA BRUNEI supaya dapat menghantar ke Unit Produksi PELITA BRUNEI dalam bentuk disket.



سنتياس برسام بيسكيت  
Sentiasa Bersama Biskita

# سوسون رنچاغن تيليسيشن

## susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

<b>R A B U</b>  <b>9 APR</b>	<b>PAGI</b>	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	<b>MALAM</b>		'Gulung Tikar'
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	4.15	ANIMATION - 'Marsupilami'	7.00	LIPUTAN SEMASA
	6.02	MUTIARA FIRMAN	<b>PETANG</b>		5.00	JUARA - Siaran Langsung	7.20	SKOP
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	7.38	AZAN ISYAK
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.00	CAFE DIGITAL	8.00	BERITA NASIONAL

<b>K H A M I S</b>  <b>10 APR</b>	<b>PAGI</b>	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.28	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	4.15	ANIMATION HOUR: THE MAGICIAN/FRACASSE	6.45	FIQHUL MIRATHS	8.50	AN-NUUR - Siaran Langsung
	6.02	MUTIARA FIRMAN	<b>PETANG</b>		5.00	ON THE BALL	<b>MALAM</b>		10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.30	BEYOND OUR WORLD - 'Fireballs From Space'	7.00	SURAH-SURAH PILIHAN	10.30	DRAMA - 'Melarik Kasih'
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.45	BERITA	7.25	WARTA ISLAM	11.00	BOLA SEPAK LIGA PERDANA 2003 - 'Brunel Darussalam lwn Polis'

<b>J U M A A T</b>  <b>11 APR</b>	<b>PAGI</b>	11.15	INDUSTRI BRUNEI	2.00	SUKAN ANTARABANGSA	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.30	BERITA	2.30	DINAMIK - Siaran Langsung	6.00	SYIAR MASJID - 'Masjid UBD'	9.00	MENDULANG
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.40	JEJAK RASUL SR. 7 - Ulangan	3.00	TAYANGAN GAMBAR HINDI - 'Yeh Dil Aashiqana'	6.28	AZAN MAGHRIB		ANUGERAH - 'Jejari Kreatif'
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	12.15	BRUM			6.45	AN NAZHAFAH	9.30	MEDICAL DIARY
	9.00	BERITA	12.30	SEMBAHYANG FARDU JUMAAT- Siaran Langsung	3.29	AZAN ASAR	<b>MALAM</b>		10.00	NEWS AT 10
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	<b>PETANG</b>		3.34	TAYANGAN GAMBAR - Sambungan	7.00	LIPUTAN SEMASA	10.40	KHUTBAH JUMAAT
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	1.30	VISI SUCI	5.15	TOMORROW'S WORLD	7.20	FEMINA	10.45	TELEDRAMA - 'Vonis Kapagian'

<b>S A B T U</b>  <b>12 APR</b>	<b>PAGI</b>	10.10	ANIMATION HOUR: SAGWA : 'THE CHINESE SIAMESE CAT/STREET SHARKS'	12.28	DOKUMENTARI - Sambungan	3.29	AZAN ASAR	<b>MALAM</b>		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	<b>PETANG</b>		4.15	BEYOND 2000	7.00	DUNIA ASIA		
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.00	BIOLOGIC	1.00	PANGGUNG PETANG SABTU - 'Written Blood'	4.45	ANIMATION HOUR : MY BEST FRIEND IS AN ALIEN - 'Truth A Rama Crunchdown'	7.25	KLINIK KITA SR. 3
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.30	BERITA	2.30	TINJAUAN - Ulangan	5.15	BERITA	7.38	AZAN ISYAK
	9.00	BERITA	11.40	DRAMA - 'Koma' - (Ulangan)	3.00	SPORT PAGE	5.55	LALUAN SUTERA - Ulangan	8.00	BERITA NASIONAL
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.15	DOKUMENTARI : KERINGAT - 'Ikan Sangkar'	3.30	GENE RODDEN BERRY'S ANDROMEDA - 'It's Hour Round At Last'	6.28	AZAN MAGHRIB	8.50	TRADISI
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	12.23	AZAN ZUHUR	4.30	KAUNSELING	6.45	PEDOMAN AQIDAH	10.00	NEWS AT 10

<b>A H A D</b>  <b>13 APR</b>	<b>PAGI</b>	10.10	SESAME STREET		PREVIEW ENGLISH PREMIER LEAGUE 2002/2003		MASYARAKAT - 'Hai Remaja, Dadah Perosak Masa Depan Abiskita'	<b>MALAM</b>		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.15	PADA SUATU HARI SR. II	1.45	CROCODILE HUNTER - 'Crocodile Hunter's Wilders Home Video'	5.00	JUARA - Siaran Langsung	7.05	PRISMA
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	BERITA	2.40	AZAN ASAR	5.35	SALAM NUSANTARA	7.38	AZAN ISYAK
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.40	SUNDAY MATINEE - 'Shepherd On The Rock'		MASAK APA?	6.15	THAT'S MY BABY - Siri Baru	8.00	BERITA NASIONAL
	9.00	BERITA	12.23	AZAN ZUHUR	3.30	ANIMATION - 'The Wacky World Of Tex Avery'	6.28	AZAN MAGHRIB	8.50	TIRAI KELUARGA - 'Diari Ibu'
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	<b>PETANG</b>		4.00	KAUNSELING	6.45	AT TIBBUL ISLAM	10.00	NEWS AT 10
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	1.20	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2002/2003 - Sambungan	4.15	ANIMATION HOUR : CAR-TOUCHE PRINCE OF THE STREET/BOB MORANE	6.45	BIMBINGAN KELUARGA	10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan

<b>I S N I N</b>  <b>14 APR</b>	<b>PAGI</b>		Sambungan	4.15	ANIMATION HOUR : CAR-TOUCHE PRINCE OF THE STREET/BOB MORANE	6.45	BIMBINGAN KELUARGA	8.50	DRAMA - 'Musim Cinta Kembali Berbunga'	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT		<b>MALAM</b>		9.25	RITMA - Ulangan	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	<b>PETANG</b>		5.15	SUKAN GLOBAL	7.00	LIPUTAN SEMASA	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	7.25	SAJIAN ORIENTAL	10.30	COURAGE
	9.00	BERITA	4.12	SUSUNAN RANCANGAN	6.00	ENDANGERED	7.38	AZAN ISYAK	11.00	BIZARRE

<b>S E L A S A</b>  <b>15 APR</b>	<b>PAGI</b>	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.15	ANIMATION : 'TOTALLY SPIES'	6.28	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	5.00	NATURAL HISTORY - 'Endangered II : Osprey And Whale'	6.45	AL ISLAM	8.50	KAMPUNG KITA
	6.02	MUTIARA FIRMAN	<b>PETANG</b>		5.45	BERITA	7.00	DRAMA	9.30	E KORPORASI - Siri Baru
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.05	DRAMA - 'Pintu' - Ulangan	7.15	DOKUMENTARI	10.00	NEWS AT 10
	9.00	BERITA	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.28	AZAN MAGHRIB	7.38	AZAN ISYAK	11.45	E.R. - 'Be Patient'

# Penerbangan ibadah umrah ditangguhkan sementara Melayan tetamu dapat ganjaran pahala



**PENGARAH** Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dr. Awang Haji Besar bin Haji Abu Bakar.

**BERAKAS, 1 April.** - Hasrat murni untuk menunaikan ibadah umrah, terpaksa ditangguhkan buat seketika disebabkan keadaan yang sangat mendukacitakan dengan situasi yang terjadi pada masa kini.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pengarah Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dr. Awang Haji Besar bin Haji Abu Bakar dalam sidang akhbar mengenai penerbangan umrah yang diadakan di Kementerian Hal Ehwal Ugama di sini.

Beliau menambah, Kementerian Hal Ehwal Ugama baru-baru ini mendapat laporan daripada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN) mengenai tarikh-tarikh penerbangan menunaikan ibadah umrah pada tahun ini yang ditangguhkan sementara waktu kebenarannya disebabkan menghadapi situasi peperangan di Asia Barat pada masa ini.

## Oleh Siti Aishah HS

Sementara itu, Jabatan Urusan Haji telah mengeluarkan kenyataan supaya mana-mana syarikat pakej yang ingin mengendalikan pakej umrah bolehlah menghantarkan permohonan mereka dalam tempoh 20 Mac yang telah dikeluarkan sehingga 17 April 2003 dan permohonan tersebut hendaklah sampai ke Jabatan Urusan Haji pada tarikh yang telah ditetapkan.

Mengenai keberangkatan menunaikan ibadah umrah yang biasanya bermula pada bulan April, di Negara Brunei Darussalam akan mengeluarkan visa-visa umrah bermula pada 1 Safar 1424 bersamaan 3 April 2003.

Untuk keselamatan je-

maah yang ingin menunaikan ibadah umrah dan memandangkan pada mulanya dikhuatiri meletusnya perang, Jabatan Urusan Haji telah menulis sepucuk surat kepada KHELN untuk mendapatkan pandangan mengenai penerbangan jemaah umrah pada tahun ini.

Dalam maklum balas yang diterima oleh Jabatan Urusan Haji daripada KHELN dan setelah mendapat konsultasi dengan pihak-pihak berkenaan, maka KHELN akan memaklumkan tarikh-tarikh penentuan yang akan diberitahu kemudian.

Untuk itu, pihak Jabatan Urusan Haji telah mengeluarkan surat-surat kepada pengurus-pengurus pakej umrah bagi memaklumkan mengenai keadaan tersebut ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian oleh KHELN.

**BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Mac.** - Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz berkata 'tetamu' adalah rezeki.

